

MULA

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA :

PERANANNYA DALAM PENYEBARAN DA'WAH ISLAMIAH

OLEH

NOR HAYATI BTE IBRAHIM

DI BAWAH BIMBINGAN

TUAN SYED ABDURRAHMAN BIN HAJI SYED HUSSIN

1103978

AKADEMI ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

1989/1990

UNIVERSITI MALAYA

AKADEMI ISLAM

FAKULTI USULUDDIN

JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA :
PERANANNYA DALAM PENYEBARAN DA'WAH ISLAMIAH

OLEH

NOR HAYATI BTE IBRAHIM

Latihan Ilmiah ini diterima oleh Fakulti Usuluddin

bagi memenuhi keperluan Ijasah Sarjana Muda Usuluddin

Sesi 1989/1990

(SYED ABDURRAHMAN BIN HJ.SYED HUSSIN)
PENYELIA

14 - 2 - 90
TARIKH

DEKAN

15 - 2 - 90
TARIKH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

ادْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ
وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۖ وَجَادِلْهُم
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik".

Maksud Ayat 125: An-Nahl

DEDIKASI

" Sembah sujud untuk Mu Ya Allah
Selawat dan salam ke atas mu ya Rasulullah
Salam sejahtera kepada semua pendokong Da'wah Islamiah "

Seterusnya.....
Ayahanda dan bonda yang tercinta
- nasihat dan dorongan senantiasa diingatan
- kepada Allah jualah anakanda do'akan

Guru-guruku
- jasa dan bakti kalian setinggi awan
- hanya terimakasih yang mampu dilafazkan

Adik-adikku
Nor Hanita, Nor Haliza, Nor Haslinda, Nor Hafizah,
Nurul Ain dan Mohammad Ali Hazan
- kejayaan Along jadikan laluan
- untuk menapak menuju harapan hari esok
- dan senantiasalah kita sujud
  kepadaNya

Sahabat-sahabatku
- semoga kita dipayungi
  oleh RahmatNya

A M I I N



A B S T R A K

NOR HAYATI BTE IBRAHIM. Jabatan Agama Islam Melaka : Peranannya Dalam Penyebaran Da'wah Islamiah.
Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur : Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia 1990.

JAIM merupakan sebuah organisasi kerajaan yang mentadbir hal ehwal Agama Islam Melaka dan memainkan peranan yang besar dalam menyebar - kan syiar Islam di bumi yang bersejarah ini. Melalui kajian ilmiah i- ni, penulis mendapat satu pendedahan dan pengetahuan hasil dari satu pernilaian terhadap peranan jabatan ini dalam urusan keagamaan. Hasil pengkajian penulis boleh dilihat menerusi lima buah bab yang disusun satu persatu.

BAB I : Di dalam Bab Pendahuluan ini penulis menyentuh tentang latar belakang masalah yang dikaji, seperti pengenalan Negeri Melaka, seja- rah awal Negeri Melaka, kedatangan Islam ke Melaka dan Melaka sebagai Pusat Penyebaran Islam di Nusantara. Dipaparkan juga pengertian tajuk, tujuan penulisan, metodologi dan juga susunan penulisan. Kesemuanya ini merupakan muqaddimah bagi perbincangan-perbincangan pada bab-bab yang seterusnya.

BAB II : Bab ini mengandungi landasan teori. Perkara yang dikemukakan adalah berkaitan dengan ilmu da'wah. Di antara perkara-perkara yang digariskan oleh penulis meneriai bab ini ialah pengertian da'wah itu sendiri, tujuan da'wah, dasar hukum da'wah, isi da'wah, metodologi da'wah, media da'wah, penda'wah dan sasaran da'wah.

BAB III : Bab ini mengandungi huraian metod-metod yang digunakan oleh penulis di sepanjang penulisan ini.

BAB IV : Bab ini pula mengandungi laporan penyelidikan serta penafsiran data. Data-data yang terkumpul dianalisa dan seterusnya dibuat rumusan.

BAB V : Merupakan bab yang terakhir di dalam penulisan ini. Ia mengandungi penutup, kemudian di buat kesimpulan serta beberapa saranan dan cadangan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan oleh JAIM dan pihak-pihak yang bertanggungjawab.

PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وآله واصحابه .

Al-Hamdulillah, pertama-tamanya penulis mengatur kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya serta taufiq dan hidayahNya jua penulis dapat menyelesaikan penulisan Latihan Ilmiah ini yang bertajuk : " Jabatan Agama Islam Melaka : Peranannya Dalam Penyebaran Da'wah Islamiah ", meskipun dengan segala kelemahan yang ada.

Di ruangan ini direkamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terimakasih kepada yang berbahagia al-Fadil Ustaz Johari bin Mat dan Ustaz Syed Abdurrahman bin Hj.Syed Hussin, selaku penyelia yang telah banyak membantu dan membimbing penulis dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Semoga segala tunjuk ajar, jasa serta ilmu yang dicurahkan itu akan menerima ganjaran yang setimpal dari Allah S.W.T .

Ucapan terimakasih jua penulis tujukan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam memberikan kerjasama yang baik sewaktu penyelidikan ini dijalankan, khususnya kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Tidak lupa jua terimakasih ini ditujukan kepada perpustakaan-perpustakaan yang telah membenarkan peru-

lis membuat kajian menerusinya.

Seterusnya, penulis merakamkan penghargaan terimakasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang telah menyumbangkan buah fikiran jua tenaga kepada penulis, khasnya kepada Nor Asmah bte Zainal dan Haliza bte Saad.

Akhirnya, kepada abah dan emak serta anggota keluarga yang telah memberikan sumbangan berbentuk dorongan, do'a, moral dan material; penulis hulurkan sekalong penghargaan yang tidak ternilai untuk semua. Segala budi dan pengorbanan kalian akan terus segar disanubari penulis.

Dengan segala rendah diri, sekali lagi penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam usaha penulis menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Segala-galanya penulis serahkan kepada Allah S.W.T untuk membalasnya dan memberikan ganjaran yang setimpal. Jasa kalian semua tetap dikenang.

Sekian. Terimakasih

Ikhlas dari ;

Nor Hayati bte Ibrahim
Fakulti Usuluddin
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Batu 12½, Sungai Petai,
78000 Alor Gajah,
Melaka.

K A T A P E N G A N T A R

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيد
الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين ،

Alhamdulillah dengan taufiq dan inayahNya, maka Latihan Ilmiah yang bertajuk : " JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA : PERANANNYA DALAM PENYEBARAN DA'WAH ISLAMIAH " ini berjaya disiapkan dan dapat ditatapi bersama.

Secara umumnya, kita akui bahawa sejak kebelakangan ini, ledakan kesedaran Islam menguasai kehidupan umat Islam dan bersaing hebat dengan gegak gempita dunia yang riuh dengan persengketaan yang cuba menenggelamkan suara dan roh Islam dari bumi ini. Di Malaysia sendiri bahangan kesedaran ini turut dirasa. Ini terbukti dengan lahirnya kesedaran di kalangan umat Islam yang mempunyai bilangan majoriti rakyat di negara ini.

Jabatan Agama Islam Melaka yang menjadi subjek penelitian penulis merupakan sebuah jabatan yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam di Melaka, juga turut melihat dan merasa scenerio kesedaran Islam yang berlaku pada hari ini.

Ekoran dari itu, beberapa langkah tertentu telah dirancang dan

dilaksanakan sebagai tanda untuk bersama-sama membantu membangunkan syiar Islam. Berbagai program dan aktiviti telah disusun yang melibatkan setiap bahagian di bawah pentadbiran JAIN, khususnya bahagian Da'wah. Kesemuanya ini merupakan satu manifestasi dari kesedaran untuk menghayati Islam dan membangunkan umat Islam terutamanya dari segi rohani.

Oleh itu satu kenyataan yang amat perlu diinsafi ialah Da'wah Islamiah yang merupakan bidang ilmu yang sangat penting dan utama untuk membangunkan sebuah masyarakat dan bangsa yang diidam-idamkan. Selagi dunia ini belum berakhir, maka selagi itulah da'wah Islamiah akan dikembangkan di kalangan manusia dari satu generasi ke satu generasi.

Akhirnya penulis mengharapkan semoga hasil penulisan ini dapat menyumbangkan sedikit sebanyak usaha dalam perkembangan da'wah islamiah hari ini, khususnya di Negeri Melaka.

Semoga Allah memberkati usaha penulis ini.

Wallahu 'alam.

Hasil usaha :

Nor Hayati bte Ibrahim
Faculti Usuluddin
Akademi Islam
Universiti Malaya.

Febuari, 1990M
Rejab, 1410H

D A F T A R I S I

Halaman Tajuk (Dalam)

Halaman Pengesahan Penyelia/Fakulti

Halaman Motto

Halaman Persembahan

Abstrak i

Penghargaan iii

Kata Pengantar v

Daftar Isi vii

Senarai Lampiran xi

Transliterasi/Panduan Membaca xii

Senarai Singkatan Perkataan xiii

B A B I
P E N D A H U L U A N

A. Latarbelakang Masalah 1

1. Sejarah Awal Negeri Melaka 3

2. Sejarah Kedatangan Islam Ke Melaka 6

3. Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Agama Islam 3

B. Pengertian Tajuk Dan Rumusan Masalah 13

C. Metodologi 16

D. Tujuan Penulisan 18

E. Sistematika Penulisan 19

B A B I I
L A N D A S A N T E O R I

A. Definisi Da'wah 22

i) Pengertian Da'wah Dari Segi Bahasa 22

ii) Pengertian Da'wah Dari Segi Istilah 24

B. Tujuan Da'wah 27

C. Dasar Hukum Da'wah 30

D. Isi Da'wah 37

E. Metodologi Da'wah 39

F. Media Da'wah 43

G. Penda'wah 45

H. Sasaran Da'wah 48

B A B I I I
M E T O D O L O G I

METODOLOGI 54

1) Penyelidikan Perpustakaan (Library Research) 55

2) Penyelidikan Lapangan (Field Research) 56

A. Metod Pemilihan Subjek 57

B. Metod Pengumpulan Data 57

a) Metod Sejarah (History).. 58

b) Metod Dokumentasi 59

c) Metod Interviu (Temubual) 60

d) Metod Observasi (Pengamatan) 61

C. Metod Analisa Data Dan Penulisan Data 62

a) Metod Induktif 63
b) Metod Deduktif 63
c) Metod Komparatif 64

B A B I V
LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

A. Sejarah Penubuhan 66

B. Struktur Oraganisasi Pentadbiran MAIM dan JAIM 68

C. Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam Melaka 72

D. Objektif Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam Melaka 74

E. Sumber Peruntukan Kewangan Bahagian Da'wah 75

F. Objektif Aktiviti Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam Melaka . 76

G. Aktiviti Dan Kegiatan Bahagian Da'wah JAIM 78

I) Aktiviti Berbentuk Kursus Dan Halaqah 80
II) Aktiviti Berbentuk Ceramah, Syarahan Agama dan Seminar .. 88
III) Aktiviti Berbentuk Kelas-kelas Agama/Bimbingan 91
IV) Aktiviti Berbentuk Penerbitan, Penerangan dan Penulisan . 94
V) Aktiviti Berbentuk Perayaan 95
VI) Aktiviti Berbentuk Sumbangan Kebajikan 96
VII) Aktiviti Berbentuk Muzakarah 97

H. Majlis Penyelarasan Da'wah Negeri Melaka 99

I. Masalah-masalah Yang Dihadapi Oleh JAIM 101

J. Pencapaian dan Perancangan JAIM 102

B A B V
P E N U T U P

A. Kesimpulan 105

B. Saranan Dan Cadangan 109

C. Penutup 113

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

BERITA BERGAMBAR AKTIVITI JAIM

S E N A R A I L A M P I R A N

LAMPIRAN A : Carta Organisasi MAJLIS dan Jabatan Agama Islam Melaka.

LAMPIRAN B : Carta Organisasi Bahagian Da'wah JAIM.

LAMPIRAN C : i) Carta Organisasi/Tugas Bahagian Da'wah JAIM.

ii) Senarai Tugas dan Tanggungjawab Pegawai dan Kakitangan Bahagian Da'wah JAIM.

LAMPIRAN D : Contoh Kertas Pengisian Kursus Perkahwinan.

LAMPIRAN E : Senarai Tempat dan Tarikh Kursus Halaqah Belia 1989.

LAMPIRAN F : Senarai Peraturan-peraturan Kursus Halaqah Belia.

LAMPIRAN G : Senarai Pengisian Kursus Halaqah Belia 1989.

LAMPIRAN H : Senarai Tempat dan Tarikh Kursus Halaqah Kebajikan 1989.

LAMPIRAN I : Jumlah Taburan Masjid dan Madrasah Seluruh Negeri Melaka.

LAMPIRAN J : Jumlah Taburan Imam, Khatib, Bilal, Noja, Munkim dan Bilal Perempuan Negeri Melaka.

LAMPIRAN K : Senarai Kursus Tahun 1990.

LAMPIRAN L : i) Senarai Kegiatan Da' ah dan Penerangan MAJLIS/JAIM dari Tahun 1985 - 1988.

ii) Graf Kekerapan Ceramah Agama Anjuran JAIM.

LAMPIRAN M : Senarai Penceramah dan Tajuk Ceramah Sempena Maulidur Rasul 1989.

LAMPIRAN N : Senarai Keperluan Alatan Elektrik JAIM untuk mempertingkatkan lagi Da'wah melalui Media Elektronik.

LAMPIRAN O : Senarai Peruntukan JAIM melalui Biro Penerbitan bagi menerbitkan majalah, khutbah, poster, fail-fail kursus, risalah dan lain-lain lagi.

LAMPIRAN P : Prestasi Aktiviti (Beban Kerja) bahagian Da'wah JAIM.

TRANSLITERASI

HURUF ARAB	HURUF LATIN	HURUF ARAB	HURUF LATIN
ا	a	ط	t,
ب	b	ظ	z,
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h,	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	و	w
ش	sy	ي	y
ص	s,	ء	’
ض	d,		

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

Abd.	-	Abdul
ABIM	-	Angkatan Belia Islam Malaysia
Bil.	-	Bilangan
Cet.	-	Cetakan
Dr.	-	Doktor
Hal.	-	Halaman
Hb.	-	Haribulan
Hj.	-	Haji
JAIM	-	Jabatan Agama Islam Melaka
Juz.	-	Juzuk
LPPKN	-	Lembaga Perancang Pembangunan Keluarga Negara
LUKMAL	-	Lembaga Zakat, Harta dan Baitulmal Negeri Melaka
MAIM	-	Majlis Agama Islam Melaka
MAJLIS	-	Nama singkatan yang sering digunakan bagi Majlis Agama Islam Melaka
Mohd.	-	Mohammad
Pent.	-	Pentadbiran
Prof.	-	Professor
RMM	-	Radio Malaysia Melaka
S.A.W	-	Sallallahu 'Alaihi wa Sallam
S.W.T	-	Subhanahu wa Ta'alu
T.t	-	Tanpa tarikh
Vol.	-	Volume.

BAB PERTAMA

B A B I

P E N D A H U L U A N

A. LATARBELAKANG MASALAH

Negeri Melaka adalah salah sebuah negeri yang kecil di Malaysia. Ia terletak di pantai tenggara Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan kira-kira 1650 kilometer persegi. Melaka terbahagi kepada tiga daerah dengan keluasan dan bilangan mukimnya seperti berikut :[1]

DAERAH	LUAS (km)	MUKIM
Alor Gajah	668	30
Melaka Tengah	295	31
Jasin	687	18
Jumlah	1650	79

[1] _____. Pembangunan Negeri Melaka Sepintas Lalu. Melaka : Jabatan Penerangan, 1983, hal. 1.

Mengikut bancian tahun 1980 penduduk Negeri Melaka berjumlah kira-kira 476,637 orang yang terdiri dari berbagai kaum. Peratus bilangan penduduk mengikut kaum di Negeri Melaka ini ialah ;

52% terdiri daripada kaum Melayu yang merupakan kaum yang terbesar di Melaka.

38% terdiri daripada kaum Cina.

9% terdiri daripada kaum India.

1% terdiri daripada lain-lain kaum.[2]

Sebahagian besar orang-orang Melayu dan India tinggal di luar bandar, sementara bagi orang-orang Cina nisbah yang tinggal di luar bandar dan bandar adalah lebih kurang sama rata.[3]

Kepada rakyat seramai atau sejumlah inilah Kerajaan Negeri Melaka telah menumpukan perhatiannya dalam usaha untuk membangunkan pembangunan Negeri Melaka, kemajuan dan kebajikan masyarakat termasuklah perkembangan agama Islam itu sendiri.

---

[2]Abdul Aziz Malim, Melaka Terus Maju, Malaysia : Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan, Febuari, 1982, hal. 2.

[3]Ibid.

1. SEJARAH AWAL NEGERI MELAKA

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sejarah awal Negeri Melaka diselimuti oleh kekaburan dan penulisan mengenainya menghadapi banyak masalah ekoran daripada sumber-sumber sejarah awal yang mengandungi banyak pertentangan dan perselisihan pendapat. Tetapi apa yang pasti penubuhan Melaka berlaku di sekitar akhir abad ke 14 dan awal abad ke 15 Masihi selaras dengan pendapat para sarjana terdahulu. Profesor Wang Gung Wu iaitu seorang sarjana tempatan menyatakan :

> " It is still not possible to determine the exact date of foundation of Malacca, but there is not doubt that the preceding went occure at the end of the fourteenth century ". [3]

Dokumen sejarah Negeri Melaka yang memang terkenal sebagai sumber sejarah yang bernilai kerana kesaliannya ialah Sejarah Melayu yang ada menceritakan sejarah awal penubuhan Melaka.

Pengasas Negeri Melaka dikatakan mempunyai riwayat hidup yang menarik. Sebelum berjaya menulakan satu wangsa pemerintahan di Melaka, Iskandar Shah terpakasa menghadapi penentangan politik asing iaitu kuasa Majapahit dan Kerajaan Siam. Kedua-dua kuasa ini telah menunjukkan

---

[3] Prof. Datuk Zainal Abidin Abd. Wahid, Sejarah Malaysia Sepintas Lalu, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan I, 1971, hal. 22.

minat yang besar terhadap perkembangan politik di sekitar Selat Melaka Pada mulanya Iskandar Shah memerintah Palembang tetapi baginda terpaksa melarikan diri ke Singapura setelah diusir oleh kuasa Majapahit. Kemudiannya Singapura pula telah diserang dan dikalahkan oleh Majapahit setelah lima tahun baginda memerintah di sana. Raja Iskandar dan pengikut-pengikutnya telah meninggalkan Singapura dan terus melarikan diri menuju ke Muar.[4]

Setelah sampai di sebuah tempat, baginda bercadang untuk menjadikan tempat tersebut sebagai tempat bersemayam. Tetapi baginda mendapati tempat tersebut penuh dengan biawak. Walaupun biawak tersebut dibunuh ianya semakin banyak. Tempat itu kemudiannya dinamakan " Biawak Busuk ".[5]

Sultan Iskandar Shah cuba pula membuka beberapa buah tempat lain tetapi tidak juga berjaya. Pengikut baginda telah membina sebuah kota tetapi apabila hari malam kota itu menjadi buruk. Tempat itu kemudiannya dikenali sebagai " Batu Buruk ". Sultan Iskandar Shah dan pengikutnya terus menggembara hingga ke Sening Ujung (Sungai Ujung). Mereka mendapati kawasan tersebut baik, lalu baginda meninggalkan seorang men

---

[4] Rahmat bin Saripan, Sejarah Pembukaan Negeri Melaka, Seminar Sejarah Melaka, 1976, hal. 3.

[5] Zakiah Hanum, Asal Usul Negeri-negeri Di Malaysia, Singapura: Times Books International, cetakan II, 1989, hal. 29.

teri di tempat itu. Dari sanalah baginda berjalan lagi hingga sampai ke kawasan pantai berhampiran Sungai Bertam.[6]

Pada suatu hari, semasa berburu baginda berdiri di bawah sebatang pokok kayu. Anjing baginda telah diterajang oleh seekor pelanduk putih di bawah pokok tersebut. Baginda amat tertarik dengan keberanian dan kegagahan pelanduk putih itu dan mengambil keputusan untuk membangunkan negeri di kawasan itu kerana menurut firasatnya tempat tersebut baik. Baginda telah bertanya kepada pengikut-pengikutnya nama pokok di mana baginda berteduh. Pengikut baginda menyatakan bahawa nama pokok tersebut ialah " Pokok Melaka ". Iskandar Shah pun menamakan tempat itu " Melaka " bersempena dengan nama pokok tersebut dan memerintah di sana hingga ke akhir hayatnya.[7]

Orang Arab yang berdagang ke Melaka, menyebut Melaka sebagai " Malakat " yang bererti tempat perhimpunan segala dagang. Ada pula menyebut Melaka " Mulaqah " yang mempunyai erti yang sama. Daripada perkataan Sanskrit terdapat sebutan " Malayakolam " atau " Malayaka " yang bermaksud negeri bagi orang-orang Melayu. Dari unsur-unsur penulisan Cina pula, Melaka disebut sebagai " Man la Chia ".[8]

---

[6] Ibid. , hal. 30

[7] Ibid.

[8] Ibid.

Walau apa pun gelaran nama yang diberikan kepada Melaka ketika itu, jelas bahawa kesemua kenyataan itu seriwayatkan tentang kemasyuran Melaka kepada dunia luar suatu ketika dahulu yang menjadi tumpuan orang ramai.

2. SEJARAH KEDATANGAN ISLAM KE MELAKA

Menyentuh tentang kedatangan Islam ke Melaka, ada ahli-ahli sejarah yang mempertikaikan nama raja atau sultan yang disebut di dalam Sejarah Melayu iaitu Raja Iskandar Shah adalah nama seorang Islam, sedangkan pada ketika itu baginda dikatakan belum lagi memeluk agama Islam. Oleh itu terdapat beberapa pendapat yang cuba membuktikan kedudukan yang sebenarnya.

Unsur Portugis dan China menyatakan bahawa Raja Melaka yang pertama ialah bernama " Permaisura " (Parameswara). Adakalanya pula ia disebut dengan nama " Paramicura " atau " Permicuri ". Daripada penulisan China nama tersebut sebagai " Pa-li-su-la " dan " Pai-li-mi-su-la ". [9]

---

[9] Haji Buyung bin Adil, Sejarah Melaka Dalam Zaman Kerajaan Melayu. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan I, 1973, hal. 2.

Dari kenyataan di atas kita dapati Raja yang membuka Melaka ketika itu belum lagi memeluk Islam. Tulisan Tom Pires yang dianggap sebagai suatu sumber yang terbaik juga mengatakan bahawa raja yang membuka Melaka adalah bernama Parameswara iaitu seorang putera raja yang berasal dari Pasai.[10] Jadi persoalannya sekarang bilakah mula bertapak nya Islam di buni Melaka.

Sejarah Melayu dikatakan mempunyai gaya yang tersendiri dalam menggambarkan peristiwa kemasukkan Islam ke Melaka, iaitu seperti di dalam petikan di bawah ini :

> " Diriwayatkan dalam masa pemerintahan Raja Tengah negeri Melaka mencapai perkembangan yang pesat. Pada suatu malam, baginda bermimpi berteru dengan Nabi Muhammad s.a.w di mana Nabi telah mengajarkan kalimah syahadah kepada Raja tersebut, lalu diikuti olehnya. Nabi menyebut sabdanya : " Adapun namaku Muhammad. Esok hari apabila waktu asar datang sebuah kapal dari Juddah akan turun orang dari kapal itu, hendaklah kau ikut barang katanya ". Sejarah Melayu menambah lagi : " Setelah terkejut dari beradu, maka dilihat kalamnya sudah khatan dan mulut baginda tidak lepas dari menyebut kalimah syahadah. Setelah waktu asar, maka datanglah sebuah kapal dari Juddah lalu berlabuh, maka turunlah makhdum dari kapal itu, Saiyid Abdul Aziz namanya. Setelah baginda yakin perlakuan Makhdum itu bersesuaian dengan mimpinya itu maka dijemputnya ke istana, maka bendahara dan segala orang besar-besar masuk Islamlah. Maka segala orang Melaka kecil besarnya disuruh Raja masuk Islam sekeliannya" [11]

---

[10] Yahya Abu Bakar, Kemasukkan Islam Ke Melaka dan Penyebarannya, Melaka : Seminar Sejarah Melaka, 1976, hal. 2.

[11] Ibid., hal. 7.

Buat penutupnya Sejarah Melayu meriwayatkan bahawa Raja Melaka telah berguru dengan makhdum tersebut dan baginda kemudiannya bergelar Sultan Muhammad Shah. Keseluruhan cerita dari Sejarah Melayu ini dipetik dari buku yang ditulis oleh seorang penyarang asing iaitu R.O.Winstedt yang berminat mengkaji Sejarah Melayu.

Walaupun Sejarah Melayu dikatakan penuh dengan dongeng-an dan khayalan semata-mata yang memerlukan kepada penafsiran semula. Namun begitu huraiannya mengenai kedatangan Islam ke Melaka adalah unik. Suatu perkara yang paling mulia di sini ialah dengan kehendak Allah s.w.t telah datang seorang mubaligh Islam yang bernama Sheikh Abdul Aziz ke Melaka dengan membawa bersamanya hidayah dari Allah s.w.t . Islam tersebar begitu luas di Melaka dan salah satu faktor terpenting ialah penglukan Islam yang didahului oleh pembesar Melaka sendiri pada ketika itu.

3. MELAKA SEBAGAI PUSAT PENYEBARAN AGAMA ISLAM

Kegungan Negeri Melaka bukanlah bergantung keseluruhannya kepada kenyataan bahawa ia adalah sebuah pusat perdagangan yang besar dan sebuah Empayar yang luas kuasanya, bahkan ia adalah sebuah pusat penyebaran dan pengajian agama Islam yang masyur di Nusantara. Peranan Melaka dalam penyebaran agama Islam di Kepulauan Melayu, sebahagian besar merangkup tempuh masa lebih kurang dari tahun masihi 1400 - 1511, kerana selepas kejatuhan Melaka seperti yang dimaklumi Aceh telah mengambil

alih peranan Melaka tersebut.[12]

Catatan sejarah banyak mengisahkan perihal minat pemerintah Melaka yang ingin meninggikan pengetahuan dalam berbagai bidang ilmu khususnya ilmu agama Islam itu sendiri. Ini menyebabkan ramai ulama' dan guru agama yang hadir ke Melaka. Mereka mendapat kedudukan yang istemewa dan mulia di kalangan pemerintah Melaka. Antara mereka ialah :

i) Makhdum Saiyid Abdul Aziz

ii) Maulana Abu Bakar

iii) Khadi Yusof

iv) Khadi Menawar Shah

v) Maulana Sadat Jahan

vi) Maulana Jalaluddin

vii) Secrar Sharif dari Benua Keling dan lain-lain lagi.[13]

Kenyataan ini bertepatan dengan catatan yang dibuat oleh Tom Pires sendiri yang menyatakan bahawa ramai para ulama' (moors and scholars) bertumpu ke Melaka sejak penubuhannya.[14] Proses masuk dan berkembangnya agama Islam di Melaka adalah suatu peristiwa yang besar erti-

---

[12] Ibid., hal. 15.

[13] Ibid.

[14] Ibid., hal. 14.

nya dalam sejarah penyebaran Islam ke Kepulauan Melayu seluruhnya. Kedudukan Negeri Melaka yang kukuh dari segi politik dan perdagangan sgg bolehkannya memainkan peranan penting dan istemewa dalam penyebaran Islam melalui berbagai cara.

Meilink Roelofsz pernah menyatakan bahawa salah satu faktor penting Islam berkembang di Melaka ialah melalui perdagangan, sebagaimana kenyataan yang pernah dibuat olehnya tentang Melaka, iaitu ;

> " Malacca tending activities enable Islam to spread out over a vaster area than merely politically dependent territories and this proves how important trade and shipping were as factors in the Islamisation of the archipelago ". [15]

Pengajaran dan pengajian yang dibawa masuk ke Melaka bertambah pesat menjelang pertengahan kurun kelima belas. Sejarah Melayu menceritakan tentang penghantaran perwakilan dari Melaka ke Pasai untuk membincangkan soal agama dengan ulama' Islam di sana. Adalah nyata dari perbincangan ini bahawa pengajian dan pengajaran Islam lebih menggalakkan apabila ianya mendapat sokongan dari pihak pemerintah sendiri. Pendapat ini disokong oleh sarjana tempatan di mana Sejarah Melayu ada menceritakan tentang permintaan Sultan Mansor Shah kepada Makhdum Petakan, seorang ulama' Islam di Pasai untuk menterjemahkan kitab agama

---

[15] Ibid., hal. 18.

yang bernama "Durrul Manzum" ke dalam Bahasa Melayu. Kitab ini adalah mengenai falsafah dalam agama.[16]

Penyebaran agama Islam tidak hanya terhad di dalam lingkungan Empayar Melaka sahaja, bahkan ianya tersebar jauh dan seluas ke seluruh Nusantara. Melalui Melaka agama Islam telah tersebar ke Kepulauan Sulu, Tanah Besar Sumatera, Jawa, Kalimantan, Filipina Selatan dan lain-lain lagi daerah di Kepulauan Melayu.[17] Kesusasteraan Islam juga telah berkembang dengan pesatnya apabila wujudnya tulisan jawi yang diajar oleh guru-guru agama dari Arab. Melalui Sejarah Melayu kita ketahui tentang adanya hikayat seperti Hikayat Muhammad Hanafiah, Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Iskandar Dzulkarnain yang termasyur telah diterjemahkan dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi pada terjemahan yang asalnya.[18]

Akhirnya benarlah seperti apa yang dinyatakan oleh Drs. Zubir Usman bahawa Islam ditaburkan di Melaka telah merata ke seluruh Nusantara dan berkembang ke dataran Asia Tenggara. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa Kerajaan Melaka telah memperteguhkan ikatan su

---

[16] Prof. Datuk Zainal Abidin Abd. Wahid, op. cit., hal. 28.

[17] Sheikh Hj. Muhammad Yunus bin Hj. Md. Yatim, Perkembangan Agama Islam Di Melaka, Bengkel Kepimpinan dan Pengajian Kebudayaan Negeri Melaka, 7hb. - 10hb. Jun, 1981, hal. 1.

[18] Prof. Datuk Zainal Abidin Abd. Wahid, loc. cit., hal. 32 - 33.

ci persaudaraan bangsa Melayu Nusantara.[19] Walaubagaimana pun penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris telah melemahkan semangat serta pendirian orang Islam Melaka yang dahulunya hidup positif berubah menjadi masyarakat yang negetif akibat penekanan dan tipu daya penjajah. Namun begitu bagi mereka penjajah boleh menjajah jasad dan fikiran mereka tg tapi mereka tidak berdaya memadamkan nur iman dan Islam di hati mereka itu.

Masa terus berlalu Negeri Melaka telah berubah mengikut arus perkembangan dunia moden yang mencabar. Persoalannya sekarang mampukah Negeri Melaka mengulangi sejarah keagungannya sebagai pusat penyebaran Islam, kesusasteraan Islam, tasauf dan sebuah kerajaan yang mempunyai perundangan yang bercirikan Islam.

Hasrat suci ini begitu jauh untuk kita nikmati semula. Peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di seluruh Nusantara hanya tinggal sejarah. Walaubagaimana pun usaha-usaha untuk mengembang dan meninggikan syiar Islam tidak pernah kendur malah tidak pernah diabaikan oleh Kerajaan Melaka sepanjang dari masa pemerintahannya dari zaman dahulu hinggalah sekarang.

---

[19] Drs. Zubir Usman, Melaka Pusat Perkembangan Islam di Tenggara Asia, Journal : Sejarah Melayu, Bil. I, Jun. 1976, hal. 16.

Untuk keterangan dan huraian selanjutnya, penulis akan mempar kan hasil kajian yang telah dibuat terhadap Jabatan Agama Islam Melaka yang bertanggungjawab mengembangkan syiar Islam di bumi Melaka, iaitu di dalam bab yang keempat nanti.

B. PENGERTIAN TAJUK DAN RUMUSAN MASALAH.

Sebelum melangkah lebih jauh lagi, penulis merasakan adalah perlu untuk menghuraikan pengertian beberapa perkataan dari kertas projek ini iaitu ; " Jabatan Agama Islam Melaka : Peranannya Dalam Penyebaran Da'wah Islamiah " agar tidak lari dari kehendak tajuk yang sebenarnya.

Jabatan ialah bahagian daripada sesuatu badan pentadbiran kerajaan dalam menguruskan tugas-tugas tertentu.[21] Oleh itu Jabatan Agama Islam Melaka adalah satu organisasi pentadbiran agama Islam di bawah naungan Kerajaan Negeri Melaka yang menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kegiatan agama Islam.

---

[20] Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan II, 1984, hal. 427.

Perkataan kedua yang perlu dihuraikan ialah perkataan peranan yang membawa erti sesuatu tugas (bahagian atau perkataan) yang dilakukan untuk menjayakan sesuatu.[22] Penyebaran pula berasal dari perkataan sebar yang membawa maksud mengembang atau meluaskan sesuatu misalnya ajaran.[23] Da'wah Islamiah bermaksud segala kegiatan penyebaran ajaran agama Islam iaitu agama yang disampaikan oleh nabi kita Muhammad s.a.w.[24]

Menurut ilmu etimologi,[25] Islam berasal dari kalimah Bahasa Arab iaitu dari kalimat "Salima" yang bererti selamat sentosa. Dari kalimah atau perkataan inilah dibentuk kalimah "Aslama" yang bererti memelihara keadaan selamat sentosa. Ia juga boleh membawa erti menyerah diri, tunduk, patuh dan taat.[26] Ada juga yang mengatakan kata dasar Islam itu ialah "Salama" yang bermaksud sejahtera, tidak tercela, selamat, damai, harmoni, patuh dan berserah diri.[27]

---

[22] Amdun Hussain, Kamus Pelajar Bahasa Malaysia, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, cetakan IV, 1989, hal. 507.

[23] Dr. Teuku Iskandar, op. cit. , hal. 1037.

[24] Ibid. , hal. 226.

[25] Satu cabang ilmu bahasa mengenai asal usul bahasa dan sejarah perkataan.

[26] Drs. Masruddin Rasak, Dinul Islam, Bandung : Al-Ma'arif, cetakan II, 1977, hal. 61.

[27] Drs. Sidi Gazalba, Masyarakat Islam, Kuala lumpur : Pustaka Antara, 1976, hal. 78.

Secara keseluruhannya tajuk ini bertaubung kait tentang peranan yang didukung oleh Jabatan Agama Islam Melaka yang merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam pembentukan ummah dan pembinaan kerohanian. Ia juga bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri Melaka sebagai jabatan agama negeri yang mengurus dan mentadbir hal ehwal agama di bumi Melaka.

Pengumpulan data adalah perlu untuk mengetahui sejarah dan tarikh penubuhan Jabatan Agama Islam Melaka, Majlis Agama Islam Melaka juga peranannya sebagai organisasi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap penyebaran da'wah Islamiah di Melaka.

Fungsi, tujuan, matlamat penubuhan serta aktiviti atau kegiatan yang dijalankan juga perlu dipaparkan untuk menjelaskan lagi peranan organisasi ini. Perlu dikemukakan permasalahan yang dihadapi, agar jelas kepada kita punca dan sebab-sebab berlakunya permasalahan tersebut dan cuba mencari jalan untuk mengatasinya secara bersama.

Kesemua perkaalan ini perlu kepada pengumpulan data yang lengkap dan jelas dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Hasil lapuran penyelidikan ini akan penulis kemukakan di dalam Bab IV, iaitu Bab Lapuran Penyelidikan dan Analisa Data. InayaAllah.

C. METODOLOGI

Dalam rangka penulisan Kertas Projek ini, penulis telah menggunakan beberapa metod untuk memperolehi data-data dan maklumat yang diperlukan, seperti :

1) Metod Penentuan Subjek

Subjek kepada penyelidikan ilmiah ini ialah Jabatan Agama Islam Melaka yang dijadikan sample dalam kajian ini. Pemilihan sample ini dibuat memandangkan isinya berkait rapat dengan kajian penyebaran Islam yang dijalankan di Melaka.

2) Metod Pengumpulan Data

Tidak dapat dinafikan bahawa penyelidikan memerlukan data secara berterusan. Dalam masalah pengumpulan data dan maklumat ini, penulis menggunakan beberapa metod seperti berikut :

a) Metod Historis (Pensejarahan) :

Iaitu cara penyelidikan yang menginterpretasikan kejadian-kejadian yang lampau dari sudut sejarah.

b) Metod Dokumentasi :

Iaitu cara pengumpulan data dengan menggunakan dokumen yang berhubungan dengan masalah yang dikaji.

c) Metod Interviu (Temubual) ;

Satu cara pengumpulan data secara terus kepada responden yang dilakukan melalui temubual dengan tokoh atau responden yang berkaitan dan a'rif tentang apa yang dikaji oleh penulis. Interviu ini boleh dilakukan dengan dua cara samada interviu secara langsung atau secara tidak langsung.

d) Metod Observasi ;

Cara pengumpulan data dengan mengadakan pencerapan samada secara langsung atau tidak langsung terhadap objek yang dikaji (objek penelitian).

3) Metod Analisa Data

Data-data yang telah diperolehi diolah dan dianalisa untuk memperolehi penyelesaian atau keputusan dari kajian yang dibuat. Analisa ini dibuat dengan menggunakan metod-metod di bawah ini ;

a) Metod Induktif ;

Metod ini digunakan oleh penulis untuk membuat kesimpulan dari beberapa data yang dianalisa yang sifatnya khusus untuk mencari kesimpulan bersifat umum.

b) Metod Deduktif ;

Pengertiannya di sebalik Induktif iaitu secara mudahnya ia adalah satu kesimpulan yang bersifat umum untuk dijadikan

dasar mencari kesimpulan yang bersifat khusus.

c) Metod Komparatif ;

Iaitu cara membuat kesimpulan dari perbandingan data-data dan fakta yang telah diperolehi.

Huraian tentang penggunaan metodologi ini akan dihuraikan dengan terperinci lagi di dalam Bab III : Metodologi.

D. TUJUAN PENULISAN

Terdapat beberapa sebab tujuan pengkajian dan penulisa ini dilakukan, antaranya ;

i) Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin bagi sesi 1989/90, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

ii) Secara umumnya, penyelidikan ini memberikan pengetahuan yang luas dan mendalam kepada penulis bagi menjelaskan kesamaran yang selama ini penulis rasakan terhadap peranan dan fungsi JAIN.

iii) Selain daripada itu kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui dan mengenal pasti progrem atau aktiviti yang dijalankan oleh

JAIM dan menentukan metod da'wah yang paling berkesan dan permasalahan yang dihadapinya.

iv) Akhirnya penulis mengharapkan agar penyelidikan ini dapat dijadikan asas dan pembuka jalan seterusnya kepada pengka.i-pengkaji a kan datang yang ingin mengkajinya secara terperinci lagi.

E. SISTEMATIKA PENULISAN

Dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini, penulis telah menyusun kajian ini kepada lima bab. Kaedah ini adalah mengikut sistem metodologi penyelidikan agar penulisan ini mudah difahami oleh pembaca. Bab-bab tersebut adalah disusun seperti berikut ;

BAB I : PENDAHULUAN

Penulis memulakan penulisan kajian ini dengan menyentuh tentang latarbelakang masalah yang merangkumi pengenalan bagi Negeri Melaka dari segi geografi, jumlah penduduk, bangsa, sejarah awal penubuhan Melaka, sejarah kedatangan Islam ke Melaka dan peranan Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam suatu masa dahulu dengan secara ringkas. Kemudiannya penulis mengnuraikan pula pengertian tajuk Latihan Ilmiah ini dan merumuskan permasalahan serta persoalan yang akan dikaji. Dinyatakan juga tujuan penulisan atau penyelidikan ini dijalankan, penggunaan metodologi dan cara penyusunan penulisan ini dibuat mengikut

sistematika penulisan mengikut bab.

BAB II : LANDASAN TEORI

Ia mengandungi huraian-huraian tentang pengertian da'wah itu sendiri yang dijadikan landasan penyelidikan kajian ini. Termasuk juga huraian yang menyentuh hukum berda'wah, metod da'wah, tujuan berda'-wah, media da'wah, penda'wah dan sasaran da'wah.

BAB III : METODOLOGI

Bab ini mengandungi perbincangan tentang metod-metod yang di-gunakan oleh penulis untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang di-perlukan semada melalui metod penentuan subjek, metod pengumpulan data dan metod analisa data. Kesemua jenis metod ini penulis gunakan dalam kajian dan penyelidikan ilmiah ini.

BAB IV : LAPURAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

Bab ini merupakan bab yang paling penting di antara bab-bab yang lain di dalam perbahasan ini. Di sini penulis mengemukakan lapu-ran atau hasil kajian penulis yang diperolehi. Kesemua lapuran ini adg lah hasil dari penganalisaan dan rumusan yang dibuat satu persatu me-ngikut turutan masalah yang dikaji. Ini termasuklah lapuran kegiatan atau aktiviti yang dijalankan oleh JAIM untuk menyebarkan syiar Islam di bumi Melaka.

BAB V : PENUTUP

Bab ini mengemukakan kesimpulan secara menyeluruh terhadap kajian yang dijalankan, juga cadangan-cadangan yang dikemukakan samada dari penulis atau dari responden-responden yang ditemui oleh penulis sendiri dalam meningkatkan lagi mutu dan usaha terhadap penyebaran da'wah Islamiah di Negeri Melaka. Semuga hasrat murni ini mendapat keredhaan Allah S.W.T.

BAB KEDUA



BAB II
LANDASAN TEORI

Da'wah Islamiah dan faktor-faktor yang berkaitan dengannya sering diperbincangkan demi untuk memantapkan lagi ajaran Islam kepada setiap penganutnya, juga memberikan pengertian kepada golongan yang sama sekali belum fahan tentang Islam. Oleh yang demikian da'wah Islamiah akan terus berkembang di kalangan umat manusia dari satu generasi ke satu generasi yang lain.

Menerusi bab yang kedua ini, penulis akan membincangkan beberapa tajuk penting yang menyentuh tentang ilmu da'wah sebagai landasan teori dan panduan serta pedoman dalam penyelidikan ini.

A. DEFINISI DA'WAH

Pengertian da'wah boleh dilihat dari dua sudut, iaitu pengertian dari segi bahasa dan istilah.

i) Pengertian Da'wah Dari Segi Bahasa

Perkataan da'wah berasal dari kalimah Bahasa Arab, iaitu "دعا . يدعو . دعوه" yang bermaksud ajakan, seruan, ajakan atau

panggilan kepada sesuatu perkara,[28] seperti yang terdapat di dalam firman Allah S.W.T dan hadis Rasulullah s.a.w di bawah ini ;

Firman Allah S.W.T ;

وَٱللَّهُ يَدْعُوٓا۟ إِلَىٰ دَارِ ٱلسَّلَٰمِ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٢٥﴾

Ertinya ; " (Itulah dia kesudahan kehidupan dunia), dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa, dan Dia sentiasa memberi petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) ke jalan yang betul lurus (yang selamat itu) ". [29]

Firman Allah S.W.T lagi ;

قُلْ هَٰذِهِۦ سَبِيلِىٓ أَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ ۚ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا۠ وَمَنِ ٱتَّبَعَنِى ۖ وَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

Ertinya ; " Katakanlah (wahai Muhammad) : " Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan : Maha Suci Allah (dari segala i'tiqad dan perbuatan syirik) ; dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain ". [30]

---

[28] Butras al Bustani, Kitab Muhit al Muhit, Jilid I, Beirut : Maktabah Lubnani, 1386H/1970M, hal. 657.

[29] Surah Yunus : ayat 25.

[30] Surah Yusof : ayat 108.

Sabda Nabi s.a.w ;

" ادعوك بدعاية الاسلام ".

Maksudnya ; " Aku menyeru dengan seruan Islam (iaitu dengan kalimah Al-Syahadah yang diseru orang-orang yang bukan Islam dengannya) ". 31

Dari ayat-ayat atau firman Allah S.W.T dan hadis Rasulullah s.a.w yang telah dinyatakan, dapatlah disimpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan perkataan " يدعو " dan " ادعو " itu ialah seruan atau panggilan yang mengajak manusia kepada sesuatu perkara yang baik. Untuk menjelaskan lagi pengertian da'wah ini, maka eloklah kita tinjau pula pengertiannya dari segi istilah.

ii) Pengertian Da'wah Dari Segi Istilah

Terdapat banyak pendapat dan makna yang telah diberikan untuk menjelaskan maksud dan pengertian yang tepat. Antaranya ;

a) Menurut al-Ustas al-Bahi al-Khuli, da'wah ialah " memindahkan umat dari suatu keadaan kepada suatu keadaan yang lebih baik ", dengan kata lain da'wah adalah usaha untuk merubah keadaan yang negetif kepada keadaan positif dengan menggunakan ideologi agama itu sendiri.[32]

---

[31] Surat Nabi Muhammad s.a.w yang ditujukan kepada Hiraql.

[32] Al-Bahi al-Khuli, Tadhkirah al-Du'ah, Beirut : Dar al-Qalam , cetakan V, 1977, hal. 35.

b) Dr.Abu al-Majd al-Saiyyid Naufal telah memberikan pengerti an yang jelas tentang da'wah, iaitu seperti berikut :

> " Da'wah itu ialah pelaksanaan oleh sesiapa jua yang mempunyai kemampuan dalam memberikan nasihat yang berupa petunjuk dan bimbingan yang betul dari kalangan umat Islam, walau di mana dia berada dan pada bila-bila masa juga; dengan menggalakkan manusia supaya menerima Islam, baik dari segi aqidah mahupun mengenai cara hidup di samping memberi amaran kepada mereka dari menganut agama lain.dengan menggunakan cara-cara yang tertent.. ".[33]

c) Abdul Karim Zaidan di dalam bukunya " Usul ad-Da'wa " merangkan bahawa da'wah itu ialah menyeru kepada agama yang disampaikan oleh Muhammad s.a.w , di mana ianya berdiri di atas empat asas, iaitu isi da'wah, penda'wah, mereka yang dida'wah dan media da'wah.[34]

d) Menurut " Encyclopedia of Islam " da'wah menurut pandangan agama ialah " ajakan dan seruan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah S.W.T dan RasulNya supaya beriman dan yakin kepada agama yang benar iaitu agama Islam ".[35]

---

[33] Dr.Abu al-Majd al-Saiyyid Naufal, al-Da'wah Ila Allah Ta'ala, al-Fujalah : Matba'ah al-Hadariah al-'Arabiyyah, 1977, hal. 13.

[34] Dr.Abdul Karim Zaidan, Usul al-Da'wah, Jam'iyyah al-Amani , cetakan III, 1976, hal. 5.

[35] M.Canard, Encyclopedia of Islam, New Edition, Leiden : B.J. Brill, vol. II, 1965, hal. 5.

e) Da'wah Islamiah itu ialah sesuatu yang boleh memberangsangkan manusia kepada kebaikan dan huda (petunjuk Allah), melarang melakukan munkar (kejahatan) supaya mereka itu berjaya mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Pendapat ini dikemukakan oleh Sheikh Ali Mahfus.[36]

f) Muhammad al-Ghazzali pula menta'rifkan da'wah Islamiah itu ialah " suatu program yang sempurna yang mencakupi segala pengetahuan yang diperlukan oleh manusia; untuk mengetahui matlamat hidup yang dapat menerangi liku-liku kehidupan mereka dan dapat meletakkan mereka dalam kumpulan orang yang mendapat petunjuk ".[37]

Dari berbagai ta'rif atau pengertian yang dikemukakan itu, dapatlah disimpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan da'wah Islamiah itu, ialah seruan mengajak manusia untuk menerima Islam atau mendalaminya di samping melaksanakan segala ajaran yang terkandung di dalamnya melalui cara-cara dan media-media yang tertentu. Oleh yang demikian pengertian da'wah boleh dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut :

i) Ad-Da'wah ilal-Khair atau mengajak manusia kepada melakukan kebaikan-kebaikan di dalam masyarakat.

---

[36] Sheikh Ali Mahfus, Hidayah al-Murayidin ila al-Tariqi al-Waaz wal-Khatabah, Misr : Matba'ah al-'Uthmaniah Qahirah, cetakan VI, 1958, hal. 18.

[37] Muhammad al-Ghazzali, Na'a Allah, Misr : Dar al-Kutub al-Hadithah, 1965, hal. 17.

ii) Al-Amru bil Ma'ruf iaitu mengwujudkan segala kebaikan dalam kehidupan masyarakat manusia.

iii) Taqyirul Munkar iaitu mengubah atau melenyapkan semua bentuk kemungkaran yang berlaku dalam masyarakat.

iv) An Nahyu 'Anil Munkar iaitu menutup jalan-jalan yang boleh menyebabkan timbulnya kemungkaran di dalam masyarakat.

B. TUJUAN DA'WAH

Dalam proses penyelenggaraan da'wah, tujuan atau matlamat merupakan salah satu faktor penting kerana dengan tujuan itulah dilandaskan segenap tindakan dalam rangka usaha kerjasama da'wah tersebut.

Secara umum tujuan atau objektif da'wah adalah mengajak dan menyeru manusia beramai-ramai memenuhi panggilan Allah S.W.T dan RasulNya untuk mengwujudkan erti dan tujuan hidup yang bahagia di dunia dan akhirat.[38] Sebagaimana firman Allah S.W.T :

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱسْتَجِيبُواْ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ

---

[38] HAMKA, Prinsip Dan Kebijaksanaan Da'wah Islam. Jakarta : UMMINDA, cetakan I, 1982, hal. 48.

Ertinya : " Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila Ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna ".[39]

Dari ayat di atas jelaslah kepada kita apa yang dimaksudkan tujuan da'wah itu ialah untuk menyedarkan manusia erti sebenar kehidupan ini.

Kehadiran Islam telah membawa manusia kepada aqidah yang membebaskan mereka dari belenggu kejahilan, tahyul dan syirik yang menyebabkan kelumpuhan jiwa serta menyekat pertumbuhan dan perkembangan diri manusia dari segi lahiriah dan batiniah.[40] Oleh itu umat manusia diseru untuk menghayati kehidupan ini dengan cara beramal ibadat, bermuamalat dan meninggalkan perkara mungkar yang dapat mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada hidayah yang dapat membersihkan jiwa mereka. Sebagaimana firman Allah S.W.T di bawah ini :

الٓرٰ ۚ كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ
إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ۝١

---

[39] Surah Al-Anfal : 24.

[40] Penyarah-penyarah dari Indonesia, Diraset Islamiah, Terengganu : Yayasan Islam Terengganu, cetakan I, 1985, hal. 12.

Ertinya : " Alif, Laam, Raa. Ini ialah Kitab (Al-Qur'an) Kami turunkan dia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap gelita kufur kepada cahaya iman - dengan izin Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji ".41

Allah S.W.T dan RasulNya telah menurunkan syari'at yang dapat menecahkan persoalan hidup manusia berdasarkan syari'at yang adil serta dapat menjamin keharmonian hidup bermasyarakat.

Manakala tujuan khas da'wah pula dapat dibahagikan kepada dua , iaitu :

i) Tujuan Membujur (vertikal) iaitu untuk mencapai keredhaan Allah S.W.T . Umat manusia yang beriman dan diredhai Allah adalah manusia yang dapat memenuhi tujuan hidup mereka yang hakiki bagi mengabdikan diri dengan penuh keyakinan.42

ii) Tujuan Mendatar (horisontol) iaitu bertujuan untuk menjamin terlaksananya kesejahteraan dan tersebarnya rahmat Allah S.W.T ke atas manusia seluruhnya di dunia ini. Oleh itu Allah S.W.T telah mengutuskan Rasul di kalangan umat manusia agar kesejahteraan tersebut tercapai. 43

---

41 Surah Ibrahim : ayat 1.

42 Penyayarah-penyayarah dari Indonesia, op.cit., hal. 13.

43 Ibid.

Maka dapat disimpulkan di sini, tujuan atau matlamat da'wah Islamiah itu ialah untuk menyeru seluruh umat manusia di bumi ini kepada Tuhan Yang Esa yang dapat menjamin kebajikan dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

C. DASAR HUKUM DA'WAH

Agama Allah S.W.T bukanlah suatu agama yang hidup dan dapat bergerak dengan sendirinya. Oleh yang demikian Allah S.W.T telah menghutuskan para Rasul dan NabiNya seorang demi seorang mejak dari Nabi Adam a.s hinggalah kepada Nabi Muhammad s.a.w ,iaitu RasulNya yang terakhir. Namun begitu tugas menyampaikan ajaran agama Allah ini tidaklah berhenti setakat itu sahaja, malahan ianya terus dipertanggungjawabkan kepada umat Nabi Muhammad s.a.w sehinggalah berlakunya hari Qiamat.

Perlanjutan tugas berda'wah ke atas umat manusia dapat dibuktikan dari perintah Allah S.W.T dan RasulNya seperti berikut :

Firman Allah S.W.T :

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ

Ertinya : " Hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berda'wah) kepada kebajikan (menegakkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) ".44

Sabda Rasulullah s.a.w :

والذى نفسى بيده لتأمرون بالمعروف ولتنهون عن المنكر او ليوشكن الله ان يبعث عليكم عقابا منه ثم تدعونه فلا يستجاب لكم .

Maksudnya: " Demi Tuhan yang diriku di dalam kekuasaanNya, hendaklah kamu menyeru kepada perkara yang baik dan mencegah dari yang jahat atau bakalkanlah kepada Allah yang berkuasa menurunkan azab siksa ke atas kamu, yang mana pada waktu itu kamu berdo'a kepadaNya untuk diselamatkan, sedangkan do'a kamu itu tidak diperkenankanNya lagi ".45

Berdasarkan ayat al-Qur'an dan hadis Nabi s.a.w yang dinyatakan tadi, jelaslah bahawa umat Islam telah dituntut supaya menjalankan usaha da'wah untuk memeruskan perjuangan menegakkan syiar Islam di bumi Allah S.W.T ini.

Persoalan yang timbul di sini ialah adakah tuntutan tersebut merupakan fardhu 'ain atau pun fardhu kifayah kepada orang muslim. Berhubung dengan perkara dan persoalan ini, Imam Fakhru ar Razi ada menyata-

---

44 Surah Ali 'Imran : ayat 104

45 al-Tarmizi, Sunan al-Tarmizi, (Bab Majaa fi al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar), juz 3, 1967, hal. 336.

kan bahawa terdapat dua golongan ulama' Islam yang mempunyai perbezaan pendapat di dalam menetapkan hukum berda'wah.[46] Perbezaan pendapat tersebut adalah berdasarkan kepada pemahaman dan penafsiran yang berbeza terhadap perkataan 'min' (من) yang diambil dari kalimah ' minkum ' (منكم), sebagaimana yang terdapat di dalam firman Allah S.W.T di bawah ini ;

FirmanNya ;

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ

Ertinya ; " Dan hendaklah ada di kalangan kamu satu puak menyeru (berda'wah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) , dan menyuruh berbuat segala yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) ". [47]

Pendapat pertama mengatakan bahawa tuntutan menjalankan da'wah tersebut adalah fardhu 'ain. Golongan ini mentafsirkan perkataan 'min' (من) pada ayat di atas dengan maksud " للتبيين " iaitu penerangan dan penjelasan. Selain daripada tafsiran tersebut, pendapat golongan ini juga berlandaskan kepada firman Allah S.W.T yang lain iaitu ; [48]

---

[46] Fakhru ar Razi, Tafsir al-Kabir lil Imam Al-Fakhru ar Razi . Tehran : Darul Kutub al-Ilmiah, jus.8, cetakan II, t.t , hal. 166.

[47] Surah Ali 'Imran : ayat 104.

[48] Dr.Ahmad Ghalwash, al-Da'wah al-Islamiah, al-Qahirah : Dar al-Khitab al-Misri, t.t , hal. 10.

Firmanlya ;

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Ertinya : " Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (karena) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) ".49

Menerusi ayat di atas golongan ini berpendapat bahawa tidaklah dibebankan tuntutan tersebut kecuali untuk berbuat ma'ruf dan mencegah kemungkaran, semada dengan tangan, lidah atau hati. Maka ia menjadi kewajipan atas setiap individu muslim berusaha menggelakkan sesuatu yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada dirinya.

Oleh itu perkataan 'min' di dalam ayat 104 - Surah Ali 'Imran , bukan mengandungi erti tab'id (sebahagian) tetapi ia mengandungi erti tabyiin (للتبيين). Dengan tafsiran tersebut, maka ayat 104 - Surah Ali 'Imran ditafsirkan seperti berikut ;

" Hendaklah kamu menjadi suatu umat yang menyeru (berda'wah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) ".

---

49 Surah Ali 'Imran : ayat 110

Ini bermakna golongan pertama mengatakan bahawa berda'wah itu adalah fardhu 'ain berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan tadi, di mana setiap individu muslim tidak akan terlepas daripada menunaikan kewajipan berda'wah ke jalan Allah S.W.T.

Pendapat yang kedua pula mengatakan bahawa tanggungjawab menjalankan da'wah Islamiah itu adalah fardhu kifayah ke atas umat Islam. Golongan kedua ini menafsirkan perkataan " من " dalam ayat 104 Surah Ali 'Imran tersebut sebagai " للتبعيض " , yang berarti sebahagian sahaja. Selain daripada tafsiran tersebut, pendapat golongan ini juga berlandaskan kepada firman Allah S.W.T yang lain iaitu ;[50]

Firmannya ;

وما كان المؤمنون لينفروا كافة فلولا نفر من كل فرقة منهم طائفة ليتفقهوا في الدين ولينذروا قومهم اذا رجعوا اليهم لعلهم يحذرون .

Ertinya ; " Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu , hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap - tiap pusak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam i l m u yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-muda-

---

[50] Dr. Abu al-Majd al-Saiyyid Naufal, op. cit. , hal. 31.

han mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah) ".[51]

Golongan ini juga telah mengemukakan alasan bahawa tidak semua manusia mampu menegakkan ma'ruf dan mencegah kemungkaran, misalnya kaum wanita, orang sakit dan orang yang lemah (tua). Oleh itu tanggungjawab berda'wah ke jalan Allah S.W.T adalah tertentu kepada golongan ulama' yang merupakan sebahagian daripada umat yang mempunyai kemampuan untuk berda'wah, sedangkan mereka yang jahil dan lemah tidak mampu melaksanakannya.[52]

Dari kenyataan tersebutlah, maka golongan ini berpendapat bahawa kewajipan berda'wah itu adalah fardhu kifayah iaitu apabila telah dilaksanakan oleh sebahagian dari mereka, gugurlah kewajipan itu bagi sebahagian yang lain.

Kedua-dua pendapat tadi agak berlainan dari apa yang ditegaskan oleh Muhammad Abu Zahrah, seperti mana yang telah dijelaskan di bawah ini ;

> " Da'wah kepada Islam itu adalah fardhu 'ain ke atas tiap-tiap orang yang mampu melakukannya serta ada

---

[51] Surah at-Taubah : ayat 122.

[52] Fakhru ar Razi, op.cit. , hal. 167.

peluang untuk menyampaikannya dan juga adalah fardhu kifayah ke atas semua orang Islam, di mana mereka tidak boleh membiarkan masa berlalu begitu sahaja tanpa diisi dengan usaha-usaha da'wah Islamiah. Apabila kemampuan individu terbatas atau tidak berpeluang maka tugas ini hendaklah dijalankan oleh pegawai atau kakitangan kerajaan yang dilantik untuk menjalankannya atau mereka menyediakan kemudahan-kemudahan untuk petugas-petugas ini menjalankan kewajipan yang suci ini ".[53]

Oleh yang demikian Muhammad Abu Zahrah telah membuat kesimpulan bahawa hukum berda'wah itu ada dua iaitu fardhu kifayah dan fardhu 'ain sebagaimana yang telah dijelaskan tadi. Pendapat ini selari dengan apa yang ditegaskan oleh Dr. Abu al-Majd al-Saiyyid Naufal iaitu :

" Pada pendapat saya, tiada apa-apa halangan untuk menerima kedua-dua hukum ini serentak kerana berda'wah itu di samping ianya fardhu kifayah adalah juga fardhu 'ain dengan erti kata bahawa setiap orang muslim adalah dituntut melakukannya walau secara ijmal .... manakala ke atas umat Islam supaya menyediakan penda'wah-penda'wah yang khusus dan berkebolehan tinggi ".[54]

Dapatlah disimpulkan bahawa menjalankan tugas berda'wah kepada Islam adalah wajib hukumnya ke atas setiap individu Muslim mengikut kemampuan masing-masing dan serentak dengan itu juga wajib ke atas umat Islam menyedia dan melahirkan penda'wah-penda'wah, khususnya yang mem-

---

[53] Muhammad Abu Zahrah, al-Da'wah ila al-Islam, Dar al-Fikr al-Arabi, t.t , hal. 37.

[54] Dr. Abu al-Majd al-Saiyyid Naufal, op. cit. , hal. 31 - 32.

punyai kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam bidang-bidang masing-masing yang tidak bertentangan dengan Islam, malahan berkemampuan mengg itkan bidang mereka dengan Islam semasa mereka berda'wah. Agama Islam juga menggalakkan umatnya melaksanakan da'wah secara berjemaah atau ber gerak dalam be uk organisasi, sebagaimana yang dilakukan oleh badan-ba dan da'wah rasm.., seperti Jabatan Agama Islam Melaka yang menjadi ob-jek kajian penulis.

D. I S I D A ' W A H

Perkara yang menjadi isi atau maudu' Islamiah ialah keseluruhan ajaran Islam itu sendiri. Al-Qur'an dan As-Sunnah merupakan dua asas u'ama ajaran Islam yang menjadi landasan dalam penyampaian da'wah. Ini sesuai dengan apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w melalui sab-danya yang berbunyi ;[55]

تركت فيكم أمرين ما إن تمسكتم بهما لن تضلوا أبدا ،
كتاب الله و سنة رسول الله .

Maksudnya ; " Aku tinggalkan kepadamu dua pusaka, iaitu barang yang jika kamu berpegang kepada keduanya, tidak-lah kamu akan sesat selama-lamanya. Iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah ".

---

[55] Akmal Hj.Mhd.Zain, Bimbingan Berda'wah Masa Kini. K u a l a Lumpur : Pustaka Antara, cetakan I, 1984, hal. 69.

Hendaklah seseorang da'i itu menguasai ayat al-Qur'an dan mengetahui benar-benar sejarah hidup Rasulullah s.a.w dengan meneliti taktik dan pratik perjuangannya serta cara-cara da'wah sebagai pedoman dan panduan dalam berda'wah.

Cerita atau kisah-kisah para Rasul dan sahabat boleh menjadi ini da'wah. Allah S.W.T telah berfirman bahawa sebaik-baik cerita ialah cerita-cerita dari al-Qur'an kerana ia dapat meneguhkan keimanan dan memberi pengajaran, sebagaimana firmanNya ;[56]

وَكُلًّا نَّقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ
وَجَاءَكَ فِي هَٰذِهِ الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾

Ertinya ; " Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman ".[57]

Segala hal atau kisah yang berkaitan dengan kehidupan para sahabat dan ulama' juga boleh dijadikan bahan dalam berda'wah kerana mereka ini adalah kumpulan pewaris anbiya' yang pertama yang banyak berjasa dalam perkembangan Islam. Keadaan dan suasana setempat jua semasa adalah mustahak dijadikan bahan da'wah, termasuklah suasana kehidupan alam dan

---

[56] Dato' Wan Hussein Azmi, Panduan Da'wah Islamiah, K u a l a Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan I, 1988, hal. 97.

[57] Surah Hud : ayat 120.

umat manusia seluruhnya daripada apa yang tercatat dalam sejarah. Kesemua ini dapat menjadi bahan da'wah yang hidup bagi membangkitkan kesan dan kesedaran kepada umat manusia yang mengalami suasana perubahan hidup.[58]

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa isi da'wah adalah meliputi semua aspek dari ajaran Islam yang berpokok kepada aqidah, syari'at dan akhlak yang merupakan tiga rukun yang membentuk tata cara hidup Islamiah. Dapatlah difahami juga bahawa isi da'wah Islamiah sama sekali tidak ada pemisah di antara urusan dunia dan akhirat kerana segala ajaran Islam adalah lengkap dan meliputi segala-galanya.

E. METODOLOGI DA'WAH

Metod atau cara disebut sebagai 'uslub' di dalam Bahasa Arab, iaitu cara menyampaikan sesuatu samada mengenai konsep dan sebagainya dengan menggunakan pengucapan serta mengikut syarat-syarat yang tertentu.[59] Menyampaikan da'wah adalah suatu tugas yang mulia dan suci kerana usaha ini bertujuan untuk menyeru manusia kepada hakikat kehidupan dan keimanan yang sebenarnya. Untuk mencapai matlamat dan hasrat yang murni

---

[58] Penyarah-penyarah daripada Indonesia, op.cit. , hal. 14-15 .

[59] Dr. Abu al-Majd al-Saiyyid Naufal, op.cit. , hal. 189.

ini, maka Islam telah menggariskan beberapa metod da'wah yang dianjurkan kepada da'i yang ingin berjihad ke jalan Allah S.W.T .

Firman Allah S.W.T ;

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ
وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ
هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Artinya ; " Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk". [60]

Menurut ayat yang dinyatakan tadi jelaslah bahawa metod pelaksanaan da'wah itu ada tiga, iaitu seperti berikut ;

a) Cara Hikmah

b) Cara Mau'izah Hasanah

c) Cara Mujadalah billati Hia Ahsan

Sheikh Muhammad Abduh telah membuat kesimpulan berdasarkan ayat Al-Qur'an tersebut dengan mengatakan bahawa ketiga-tiga metod itu dapat disesuaikan kepada tiga golongan yang harus dihadapi dan di da'wah de-

---

[60] Surah An-Nahl : 125.

ngan cara yang berbeza, iaitu ;

1) Golongan cendiakawan yang cintakan kebenaran dan dapat berfikir secara kritis. Mereka ini harus diseru dengan hikmah iaitu dengan penjelasan atau keterangan yang jitu dan tepat yang dapat meyakinkan jua menghilangkan keraguan dengan memasukkan roh tauhid, aqidah iman, dalil-dalil, hujjah-hujjah, alasan-alasan serta keterangan yang jelas hingga meyakinkan aqal.[61]

2) Golongan awam atau orang kebanyakan yang belum dapat berfikir secara kritis dan mendalam. Mereka ini harus dida'wah dengan menggunakan metod mau'izatul hasanah, iaitu dengan memberikan hurgian-hurgian yang berupa petunjuk dan nasihat yang dapat menyedarkan jua membuka pintu hati mereka untuk mentaati semua petunjuk Islam. Didikan dan juga bimbingan yang diberikan mestilah yang mudah difahami kerana taraf pemikiran mereka tidak tinggi.[62]

3) Golongan yang ketiga ialah golongan yang tingkat kecerdasannya di antara dua golongan yang telah disebutkan tadi. Mereka ini suka berbahas mengenai sesuatu tetapi hanya dalam batas-batas tertentu.

---

[61] M.Natsir, Fiqhul Da'wah, Singapura : Pustaka Nasional, cetakan II, 1982, hal. 159.

[62] Ibid.

Metod Mujadalah billati Hia Ahsan sesuai untuk golongan ini, iaitu dengan berdialog bertukar fikiran agar dapat mendorong mereka berfikir secara sihat. Da'i haruslah memberi hujjah atau bukti-bukti yang dapat menolak sanggahan dan perdapat pihak lawan sehingga berjaya menundukkan mereka.[63]

Demikianlah keterangan Syeikh Muhammad Abduh dan dapat disimpulkan di sini bahawa di dalam melaksanakan da'wah, para da'i mestilah memastikan segala apa yang disampaikannya itu bersesuaian dengan kadar pemikiran masyarakat yang di da'wahkannya. Kenyataan ini dinyatakan dalam hadith berikut ;

" خاطبوا الناس بقدر عقولهم " (رواه مسلم)

" امرنا ان نكلم الناس على قدر عقولهم (صحيح مسلم)

Maksudnya ; " Kami diperintahkan supaya berbicara kepada manusia menurut kadar akal (kecerdasan) mereka masing-masing ".

Walaubagaimana pun ini tidaklah berarti metod-metod tersebut hanya boleh digunakan untuk golongan yang tertentu sebagaimana yang dinyatakan tadi. Tetapi ada ketikanya kita dapati metod hikmah itu per

---

[63] Ibid.

lu digunakan bagi golongan kedua dan ketiga. Dan ada kalanya pula metod Mujadalah billati Hia Ahsan sesuai untuk golongan kedua dan pertama. Begitulah seterusnya metod Mau'izatul Hasanah boleh digunakan bagi golongan pertama dan ketiga. Sebenarnya penggunaan metod ini adalah bergantung kepada kebijaksanaan para da'i atau muballigh dalam menjalankan tugas suci mereka ke jalan Allah S.W.T . Oleh terserahlah kepada mereka itu untuk memilih cara mana yang sesuai digunakan berdasarkan kepada suasana, masa, aqal, tempat, masyarakat dan perkara-perkara lain yang boleh mempengaruhi da'wahnya.

5. M E D I A D A ' W A H

Media ialah alat perhubungan atau saluran yang menghubungkan seorang dengan seseorang yang lain atau menghubungkan satu kumpulan dengan kumpulan yang lain, bagi menyampaikan sesuatu mesej atau perutusan. Di zaman purba, tamaddun ketika itu menggunakan burung-burung untuk menyampaikan perutusan kepada pihak tertentu. Perutusan atau pengkhabaran juga disampaikan dengan membakar unggun, memukul bedug atau tabuh. Demikianlah cara primitif yang dilakukan di dalam perhubungan manusia pada zaman dahulu.

Di zaman moden ini kegiatan da'wah dijalankan menerusi komunikasi moden yang dilakukan melalui bermacam-macam media. Media lisan meru-

pakan media yang telah muncul semenjak di zaman Rasulullah s.a.w lagi. Misalnya khutbah, ceramah, seminar, pidato dan sebagainya. Komunikasi ini biasanya disampaikan di masjid-masjid, sekolah-sekolah dan perhimpunan-perhimpunan ilmu yang diredhai Allah S.W.T. Media lisan ini, biasanya dibantu oleh media tulisan yang merupakan salah satu daripada media da'wah yang berkesan. Oleh itu berbagai aspek dari ajaran Islam dapat disebarkan dan diperkembangkan di kalangan masyarakat da'wah.

Memandangkan betapa pentingnya bidang penulisan ini, maka al-Bahi al-Khuli telah membuat saranan kepada para penda'wah yang menggunakan media ini, supaya berhati-hati, sebagaimana katanya :

> " Penda'wah hendaklah sedar bahawa sesuatu tulisan yang diusahakannya itu adalah untuk semua orang, samada yang sudah pandai atau masih jahil, yang buta huruf atau pandai membaca. Maka kerana itu dia hendaklah menyediakan supaya dapat difahami oleh semua orang semasa membaca atau menggunakan bahasa yang mudah dan fikiran yang terang dan jelas, yang lahirnya dari lubuk hati ".[65]

Komunikasi melalui media tulisan ini disebarkan melalui buku-buku, majalah, suratkhabar, risalah dan bahan-bahan bercetak yang lain. Kini di zaman serba moden ini, media elektronik juga memainkan peranan penting dalam penyebaran da'wah seperti televisyen, radio, slight, filem dan sebagainya. Lakunan drama, tablo dan lukisan juga digunakan sebagai meng

---

[65] al-Bahi al-Khuli, op.cit. , hal. 387 - 388.

rej untuk menyampaikan da'wah.

Media adalah alat komunikasi yang sangat besar pengaruhnya dalam masyarakat. Oleh itu jika ia digunakan menurut kebijaksanaan da'i dan ditegakkan atas dasar memperjuangkan kepentingan Ummah Islamiah, Insya-Allah ia akan dapat menangah kemungkaran dan dekadensi moral yang berlaku dalam masyarakat.

C. P E N D A ' W A H

Penda'wah adalah asas kedua pentingnya dalam membicarakan da'wah Islamiah. Sesuatu gerakan da'wah tidak akan sampai ke mana-mana tanpa perantaraan yang boleh menyampaikannya kepada masyarakat da'wah. Demikianlah juga halnya mengenai ajaran Islam ini, di mana ianya tidak mampu untuk sampai ke mana-mana tanpa adanya para penda'wah yang membawa dan menyebarkannya. Rasulullah s.a.w dianggap penda'wah pertama, di mana bermula dari bagindalah maka agama Islam tersebar dan berkembang.[66]

---

[66] Dr. Abdul Karim Zaidan, Usul al-Da'wah (Dasar-dasar Ilmu Da'wah II), Terjemahan oleh H.M. Asywadi Syukur Lc, Kuala Lumpur : Pustaka Al-Ameen, cetakan 1984, hal. 4 - 5 .

Para penda'wah yang melibatkan diri dengan da'wah secara langsung dalam usaha menyebarkan Islam, seharusnya mempunyai akhlak yang mulia. Kehidupan dan tingkah laku para penda'wah sekali-kali tidak boleh bertentangan dengan nilai-ni'ai ajaran Islam yang dida'wahkannya itu, karena sikap yang bertentangan yang diperlihatkan oleh penda'wah itu boleh meliarkan masyarakat da'wah yang dida'wahkannya dan berkemungkinan besar mereka akan menolak da'wah tersebut.[67]

Di antara sifat mulia yang perlu ada pada setiap penda'wah ialah sifat jujur dan ikhlas dalam menjalankan tugasnya dan bukannya untuk mencari keuntungan harta benda atau pangkat kedudukan. Jika keikhlasan seumpama ini dapat dibuktikan, maka usaha da'wah tersebut lebih mudah diterima oleh hati-hati masyarakat da'wah.

Penda'wah mestilah pergi menemui masyarakat dan bukannya masyarakat da'wah menemuinya. Rasulullah s.a.w sendiri telah memerintahkan beberapa orang perutusannya untuk pergi menemui masyarakat di seluruh daerah negeri Arab untuk menyampaikan da'wah yang murni ini. Penda'wah juga haruslah berwaspada serta tajam perhatian dan mereka tidak harus berdiam diri apabila melihat kemungkaran berlaku di dalam masyarakat.

---

[67] Ibid., hal. 64.

Pendo'wah juga harus mempunyai pengetahuan yang luas dalam berbagai bidang agar dapat menatahkan hujjah-hujjah dari golongan tertentu. Dan tidak kurang pentingnya, para pendo'wah perlu juga mempunyai sifat sabar dan tabah dalam menghadapi cubaan dan ujian semasa menyampaikan seruan Allah S.W.T .

Setiap usaha atau ucapan juru da'wah adalah mendapat pahala ibadat yang besar di sisi Allah S.W.T jika mereka melakukannya dengan ikhlas, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w ;[68]

" من دعا إلى هدى كان له من الأجر مثل أجور من تبعه لا ينقص ذلك من أجورهم شيئا "

Maksudnya ; " Barangsiapa menyeru kepada petunjuk maka dia mendapat pahala seperti pahala-pahala yang didapat oleh orang yang mengikutnya, tidak berkurang sesuatu pun ".

Pendek kata para pendo'wah mempunyai peranan yang komitmen lagi praktis dalam membina, membangun dan memajukan masyarakatnya di masa lalu, kini dan akan datang. Itu terpulanglah kepada kesediaan dan kesanggupan mereka.

---

[68] Ibid., hal. 30.

II. SASARAN DA'WAH

Agama Islam yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w adalah un[tuk] disampaikan kepada seluruh umat manusia seluruhnya tanpa mengira ba[ngsa], keturunan, peringkat umur, kedudukan dan jurang pertemuan [yang] lain. Ini dibuktikan dengan firman Allah S.W.T yang berbunyi :

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Terjemahnya : " Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam " .[70]

FirmanNya lagi :

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةً لِّلنَّاسِ
بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

Terjemahnya : " Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad)melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa ga rita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pem beri amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan te- tapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu) ".[71]

---

[70] Surah al-Anbiya' : ayat 107.

[71] Surah Saba' : ayat 28.

Dari kedua-dua firman Allah S.W.T tersebut, jelaslah kepada kita bahawa risalah Islamiah ini adalah bersifat universal iaitu untuk seluruh umat manusia. Menurut Muhammad Ahmad al-'Adawi, terdapat tiga golongan manusia yang menjadi sasaran da'wah iaitu ;

1) Mukmin iaitu orang Islam yang yakin serta mempercayai apa yang disampaikan dan mereka mengakui kebenaran pembawanya. Hati mereka bersih dari sebarang penyakit yang menghalang mereka daripada menerima kebenaran yang disampaikan. Golongan ini berani dan sanggup berkorban untuk membantu pembawa risalah serta bekerjasama membangunkan da'wah Islamiah.[72]

Abdul Karim Zaidan berpendapat bahawa ada di kalangan orang beriman iaitu mereka yang mengucapkan kalimah syahadah tetapi tidak menunaikan rukun dan jiwa syahadah tersebut. Golongan ini dikenali sebagai orang Islam yang melakukan maksiat atau kesalahan di sisi Islam disebabkan kejahilan mereka sendiri tentang Islam atau sengaja melakukannya. Oleh itu kedua-dua golongan ini, iaitu orang mukmin yang patuh kepada ajaran Islam dan orang mukmin yang berbuat maksiat atau kesalahan, wajiblah di-da'wahkan mengikut kebijaksanaan para da'i.[73]

---

[72] Muhammad Ahmad al-'Adawi, Da'wah al-Rasul ila Allah, Misr : Mustafa al-Bahi al-Halabi wa Awladih, 1935, hal. 430.

[73] Dr. Abdul Karim Zaidan, Dasar-dasar Ilmu Da'wah II, op.cit., hal. 162.

2) Golongan yang kedua pula ialah orang-orang kafir yang sangat mementingkan diri mereka sendiri dan enggan menerima kebaikan yang dibawa oleh orang lain. Mereka berpegang kepada adat dan kepercayaan karut yang telah mereka warisi dari nenek moyang mereka. Oleh kerana itulah, mereka menentang hebat da'wah Islamiah yang menolak kepercayaan mereka. Di antara mereka ini ada golongan yang disifatkan oleh al-Qur'an sebagai golongan al-Mala' yang terdiri daripada kaum bangsawan dan para pemimpin yang amat kuat menentang da'wah para Rasul.[74]

3) Golongan ketiga ialah orang-orang munafiq iaitu mereka yang pada lahirnya seolah-olah berisam dan memihak kepada orang mukmin, tetapi pada batinnya mereka memusuhi Islam dan menentangnya.[75] Golongan ini adalah golongan yang amat sukar untuk dikenali kerana mereka menyembunyikan kekafiran mereka. Orang munafik dikatakan lebih jahat sifatnya daripada orang-orang kafir.[76] Tanda-tanda kemunafikan mereka dapat diketahui dari al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w , sebagaimana firmanNya :

فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا ۖ
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

---

[74] Dr. Abdul Karim Zaidan, Usul al-Da'wah, op.cit., hal. 336.

[75] Muhammad Ahmad al-'Adawi, op.cit., hal. 430.

[76] Dr. Abdul Karim Zaidan, Dasar-dasar Ilmu Da'wah II, op. cit. hal. 146 - 147.

2) Golongan yang kedua pula ialah orang-orang kafir yang sangat mementingkan diri mereka sendiri dan enggan menerima kebaikan yang dibawa oleh orang lain. Mereka berpegang kepada adat dan kepercayaan karut yang telah mereka warisi dari nenek moyang mereka. Oleh kerana itulah, mereka menentang hebat da'wah Islamiah yang menolak kepercayaan mereka. Di antara mereka ini ada golongan yang disifatkan oleh al-Qur'an sebagai golongan al-Mala' yang terdiri daripada kaum bangsawan dan para pemimpin yang amat kuat menentang da'wah para Rasul.[74]

3) Golongan ketiga ialah orang-orang munafiq iaitu mereka yang pada lahirnya seolah-olah berisan dan memihak kepada orang mukmin, tetapi pada batinnya mereka memusuhi Islam dan menentangnya.[75] Golongan ini adalah golongan yang amat sukar untuk dikenali kerana mereka menyembunyikan kekafiran mereka. Orang munafik dikatakan lebih jahat sifatnya daripada orang-orang kafir.[76] Tanda-tanda kemunafikan mereka dapat diketahui dari al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w , sebagaimana firmanNya :

فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا ۖ
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

---

[74] Dr. Abdul Karim Zaidan, Usul al-Da'wah, op.cit., hal. 336.

[75] Muhammad Ahmad al-'Adawi, op.cit., hal. 430.

[76] Dr. Abdul Karim Zaidan, Dasar-dasar Ilmu Da'wah II, op. cit. hal. 146 - 147.

Ertinya : " Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran) ". 77

Oleh yang demikian, sasaran da'wah Islamiah ditujukan kepada golongan yang telah beragama Islam dan masih belum beragama Islam. Da'wah kepada orang Islam disebut sebagai "da'wah ke dalam" yang bertujuan untuk menjadikan mereka umat Islam yang kuat berisan serta teguh pegangannya kepada hukum-hukum Allah S.W.T . Manakala da'wah kepada mereka yang masih belum Islam pula, disebut sebagai "da'wah ke luar" yang bertujuan supaya mereka mengenali dan memahami agama Islam secara tepat dah benar serta dapat menerima dan menganuti agama Islam ini. InsyaAllah.78

Dapatlah difahami bahawa da'wah itu ditujukan kepada seluruh manusia tanpa mengira lapisan masyarakat, umur, taraf pemikiran, fahaman dan pegangan yang dianuti. Oleh itu para da'i atau muballigh hendaklah mempunyai kebijaksanaan dan uslub penyampaian yang berkesan untuk menarik mereka kepada Islam dan menghayatinya secara yakin dan patuh.

---

77 Surah al-Baqarah : ayat 10.

78 Adam Abdullah al-Aluri, Tarikh al-Da'wah al-Islamiah, Beirut: Dar Maktabah al-Hayah, 1967, hal. 18 - 19.

Di Malaysia kajian secara ilmiah dan teliti mengenai Da'wah Islamiah memang memerlukan masa yang agak panjang, memandangkan sasaran da'wahnya terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum dan agama. Konsep dan skop Da'wah Islamiah yang sepadu dan integral perlu di laksanakan , untuk mewujudkan perseimbangan, kestabilan, keadilan dan keharmonian dalam berbagai aspek hidup masyarakat dari peringkat unit yang kecil iaitu keluarga sehingga peringkat rakyat keseluruhnya dan meluas lagi ke peringkat masyarakat antarabangsa.

Konsep dan skop Da'wah Islamiah sepadu sebenarnya ialah gerakan reformasi yang menyeluruh dan merangkumi segala aspek hidup manusia menurut prinsip-prinsip Al-Qur'an dan As-Sunnah. Reformasi sosial, reformasi ekonomi, reformasi undang-undang atau dengan ringkasnya reformasi umsan hidup manusia yang meliputi bidang aqidah dan syari'ah yang merangkumi ibadat, nilai-nilai moral dan peraturan hidup.

Konsep da'wah sepertimana yang tersebut di atas adalah berdasarkan konsep sebenarnya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w yang berjaya mengubah dan menukar corak dan sistem hidup masyarakat daripada corak sebelum Islam, iaitu jahiliah kepada corak hidup Islam yang bersifat integrasi yang mencerminkan prinsip-prinsip dan ajaran-ajaran dalam semua bidang sosial, ekonomi dan lain-lain.

Begitulah huraian beberapa tajuk penting yang menjadi landasan dalam penyelidikan penulisan ini. Landasan teori ini digunakan sebagai

panduan dan pedoman penulis untuk penulisan Bab IV seterusnya. InsyaAllah di dalam Bab IV, penulis akan mengemukakan beberapa huraian lain , yang membicarakan peranan Jabatan Agama Islam Melaka dalam menyusun beberapa aktiviti da'wah yang berkait rapat dengan pelaksanaannya menerusi metodologi da'wah yang telah dinyatakan serta strategi sasaran da'wah yang ditumpukan oleh organisasi ini.

BAB KETIGA

B A B I I I
M E T O D O L O G I

Bab yang ketiga ini adalah bab yang menghuraikan jenis metod penyelidikan dan penggunaannya dalam pengkajian serta penulisan latihan ilmiah ini. Sesuatu penyelidikan yang baik adalah refleksi dari jalan fikiran ilmiah yang boleh dicapai apabila kita menggunakan metodologi penyelidikan yang sistematik.

Terlebih dahulu penulis ingin menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan metodologi penyelidikan itu. Perkataan metodologi sebenarnya berasal dari Bahasa Yunani iaitu "methodos" yang bererti cara dan "logos" yang bererti ilmu. Oleh itu metodologi bererti ilmu tentang cara.[1] Menurut Imam Barnadid pula metodologi bererti "ilmu tentang cara mengadakan penelitian".[2]

Prof.Dr.Hadibroto di dalam bukunya "METHODE RESEARCH", ada menyebutkan bahawa metodologi penyelidikan itu ialah cara-cara mengadakan

---

[1] Koentjaraningrat, Metode-metode Penelitian Masyarakat, Jakarta: P.T.Gramedia, 1977, hal. 16.

[2] Prof.Imam Barnadib, Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP - IKP, 1982, hal. 51.

penyelidikan. Penyelidikan itu boleh diertikan sebagai suatu usaha untuk mencari sesuatu yang baru atau menambahkan kepada sesuatu yang telah diketahui. Penelitian sama maksudnya dengan penyelidikan iaitu cara pengumpulan keterangan-keterangan untuk menemukan sesuatu kebenaran secara ilmiah berdasarkan pemerikasaan atau penelitian yang original untuk mendapatkan hasil yang berupa fakta-fakta dan prinsip-prinsip.[3]

Penulis telah menggunakan dua cara penyelidikan di dalam kajian ini, iaitu ;

1) Penyelidikan Perpustakaan (Library Research)

Metod ini adalah kajian keperpustakaan iaitu penyelidikan yang dibuat menerusi perpustakaan. Segala bahan-bahan penyelidikan diperolehi dari buku-buku, majalah, artikal, kertas kerja dan bahan-bahan cetak yang lain. Penyelidikan cara ini adalah bersifat teoritis semata-mata.[4] Penulis telah membuat penyelidikan di beberapa buah perpustakaan iaitu ;

i - Perpustakaan Utama Universiti Malaya

ii - Perpustakaan Majalah Universiti Malaya

---

[3]Prof. Dr. S. Hadibroto, Metode Research, Indonesia : Fakultas Ekonomi Universiti Sumatera Utara, 1965, hal. 5.

[4]Ibid.

iii - Perpustakaan Awam Islam Pusat Islam

iv - Perpustakaan Muzium Negara, Kuala Lumpur

v - Perpustakaan Awam Negeri Melaka Cawangan Alor Gajah, Melaka.

Melalui kajian perpustakaan ini penulis banyak memperolehi data tentang sejarah awal Melaka, pengertian da'wah, tujuan da'wah dan sebagainya.

2) Penyelidikan Lapangan (Field Research)

Adalah penelitian yang dilakukan terus kepada objek yang di teliti untuk mendapatkan fakta-fakta yang diperlukan.[5] Menerusi cara penyelidikan ini penulis telah ke JAIM dan MAIM untuk menjalankan penyelidikan secara langsung terhadap segala aktiviti dan perkara-perkara yang berhubung dengan kedua-duanya.

Oleh itu dapatlah disimpulkan di sini bahawa penulis telah menggunakan kombinasi antara penyelidikan keperpustakaan dan penyelidikan lapangan dalam usaha penyelidikan dan penulisan latihan ilmiah ini.

Dalam bidang penelitian ilmiah, penggunaan metod amat penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Suatu penelitian atau penyelidikan itu akan tinggi mutunya

---

[5] Ibid.

apabila metod-metod yang digunakan tepat dan sesuai dengan objek dan tujuannya. Oleh itu penulis telah menggunakan beberapa jenis metod yang sesuai di dalam penyelidikan ini. Antaranya :

i) Metod Penentuan Subjek

ii) Metod Pengumpulan Data

iii) Metod Analisa Data dan Penulisan

A) Metod Penentuan Subjek

Metod ini juga dikenali sebagai metod sampling. Dalam kita mengambil sample, yang harus diperhatikan dengan teliti adalah, apakah sample itu telah memenuhi syarat-syarat untuk mewakili bidang yang di-selidiki. Misalnya penulis ingin mengkaji penyebaran da'wah di Negeri Melaka, maka JAIM dan MAIM lah yang harus menjadi sample penulis kerana kedua-dua organisasi ini memainkan peranan yang besar dalam penyebaran da'wah di Melaka dan bukannya jabatan-jabatan kerajaan yang yang tidak berkaitan.

B) Metod Pengumpulan Data

Telah dinyatakan bahawa penelitian itu ialah usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data-data yang terkumpul. Dalam usaha pengumpulan ini, penulis menggunakan beberapa metod pengumpulan data. Antaranya :

a) Metod Penyejarahan (History)

Penyelidikan yang mengunakan metod ini adalah penyelidikan yang mengaplikasikan metod penyelesaian yang ilmiah dari perspektif historis sesuatu masalah. Metod ini sering digunakan untuk mencari penjelasan mengenai sesuatu gejala atau peristiwa masa lampau.[6] Menurut Imam Barnadib, metod historis itu ialah "suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian".[7]

Oleh itu dapatlah disimpulkan di sini bahawa metod historis itu ialah suatu proses yang meliputi pengumpulan data dan penafsiran yang bila, peristiwa atau pun gagasan yang timbul di masa lampau untuk mencapai generalisasi yang berguna dalam usaha memahami kenyataan-kenyataan sejarah, malahan digunakan juga untuk memahami situasi sekarang dan meramalkan perkembangan yang akan datang.[8]

Metod ini digunakan dalam usaha untuk mendapatkan data bagi bab Pendahuluan bahagian Latarbelakang Masalah iaitu Sejarah Awal Negeri Melaka. Digunakan juga di dalam Bab IV iaitu untuk mendapatkan fakta sejarah penubuhan JAIN dan MAIN di Melaka. Untuk mengetahui dengan

---

[6] Dr. Winarno Surachmad, Dasar dan Teknik Research (Pengantar Metodologi Ilmiah), Bandung : C.V. Tarsito, cetakan V, 1970, hal. 123.

[7] Prof. Imam Barnadib, op. cit. , hal. 52.

[8] Dr. Winarno Surachmad, loc. cit. , hal. 123.

lebih jelas lagi bolelah rujuk kembali kepada bab-bab yang telah disebutkan itu.

b) Metod Dokumentasi

Iaitu cara pengumpulan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang ditelaah. Dokumen-dokumen adalah "benda tertulis yang dapat memberikan berbagai bahan keterangan". Antara sumber-sumber yang termasuk dalam kategori dokumen itu ialah kumpulan hukum-hukum, peraturan-peraturan, keputusan pengadilan, gambar-gambar, potret-potret dan sebagainya.[9] Koentjaningrat pula mengatakan bahawa metod dokumentasi itu termasuk juga otobiografi, surat-surat peribadi, buku atau catatan harian, memoir, surat-khabar, cerita roman dan cerita rakyat.[10]

Penulis telah menggunakan dokumen-dokumen yang relevan, yang kemudiannya diolah dan dibuat perbandingan seterusnya kesimpulan. Metod ini digunakan di dalam semua bab dalam latihan ilmiah ini. Antara dokumen-dokumen relevan yang digunakan ialah :

i - Al-Qur'an al-Karim

ii - Kitab Hadis

---

[9] Ibid. , hal. 168.

[10] Koentjaningrat, op. cit., hal. 65.

iii - Buku-buku Teks

iv - Akhbar

v - Majalah

vi - Fail Kakitangan JAIN dan MAIN

c) Metod Interviu (Temubual)

Interviu adalah komunikasi secara langsung antara penyelidik dengan subjek atau sample (respondence).[11] Digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden dengan berceakap-cakap berhadapan muka dengan orang tersebut. Interviu ini membantu penulis untuk mendapatkan maklumat secara langsung dengan orang-orang yang terlibat dalam perancangan. Metod ini adalah pembantu utama metod observasi.[12]

Tujuan lain mengapa interviu ini dijalankan ialah untuk mengesahkan hipotesis yang telah diperolehi dan untuk mendapatkan keterangan lanjut terhadap hal-hal yang berkaitan. Misalnya penulis membaca berita mengenai JAIN dan MAIN di dalam akhbar harian yang pastinya tidak lengkap. Oleh itu untuk mendapatkan keterangan selanjutnya atau yang lebih sahih, maka penulis cuba mendapatkan kepastian semasa interviu-

---

[11] Dr.Abdul Halim bin Haji Mat Diah, Satu Contoh Tentang Huraian Metodologi, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1987, hal. 117.

[12] Ibid.

interviu yang dijalankan.

Penulis menggunakan kaedah interviu terkawal dengan mengadakan interviu guide terlebih dahulu iaitu menentukan responden atau sample yang akan diinterviu, menyusun soalan yang akan dikemukakan, menetapkan tarikh, masa, hari serta tempat interviu itu akan dijalankan dan pedoman-pedoman interviu yang lain. Soalan-soalan yang dikemukakan serta nama-nama responden boleh diteliti di dalam LAMPIRAN R .

Banyak kesulitan penulis tempuhi semasa mengumpulkan data dan dalam menerusi metod ini, antaranya ialah ketiadaan responden-responden pada waktu yang telah ditetapkan disebabkan oleh beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan. Walaubagaimana pun penulis telah berjaya menemui beberapa orang responden. Antara informan atau responden yang diinterviu adalah terdiri daripada :

i - Penolong Pengarah Da'wah JAIN

ii - Ketua Kerani NAIN

iii - Pegawai dan Kakitangan JAIN. Lihat Lampiran P.

d) Metod Observasi (Pengamatan)

Adalah cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian dan pengalaman seseorang peneliti secara langsung di dalam masalah-masalah yang ada hubungannya de-

ngan objek penelitian.[13] Penulis mendatangi tempat kajian untuk membuat pengamatan secara jelas lagi mengenai objek penelitian.

Menurut Dr.Haraya W.Bakhtiar dalam tulisannya tentatuk "Pengamatan Sebagai Suatu Methode Penelitian" mengatakan bahawa pengamatan atau observasi yang dilakukan secara cermat merupakan suatu cara penelitian ilmiah yang berkesan.[14] Penggunaan metod ini bertujuan supaya kerja dapat saling lengkap melengkapi di antara metod-metod lain yang digunakan dalam kajian ini.

Observasi ini telah dilakukan dalam tempoh yang sama atau seronok dengan kesempatan yang penulis gunakan semasa melakukan interviu dan mengumpulkan dokumen sepanjang masa kajian ini dijalankan. Melalui pengamatan atau pemerhatian, penulis mencatat segala butir-butir yang ada hubungannya dengan objek yang dimelidiki.

C) Metod Analisa Dan Penulisan Data

Setelah segala data yang diperlukan sudah terkumpul, maka penulis perlu mengolah dan menganalisa dengan menggunakan metod analitis diskriptis kwalitatif. Penggunaannya secara nyata adalah melalui

---

[13] Ibid., hal. 129.

[14] Ibid.

metod-metod berikut ;

a) Metod Induktif

Bererti suatu cara menganalisa data melalui "pola berfikir yang mencari pembuktian dan hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum".[15] Metod ini adalah procedure (peraturan) ilmiah yang mengambil kesimpulan dari beberapa observasi yang disolidikan secara saksama.

Oleh itu, salah satu cara menganalisa data di dalam penelitian dan penulisan ini, penulis telah memaparkan data yang bersifat khusus dan dari data yang bersifat khusus inilah penulis membuat kesimpulan - kesimpulan yang bersifat umum. Contohnya penulis telah mendapatkan data-data aktiviti da'wah dan sumbangan JAIM terhadap perkembangan Islam di Melaka. Kemudiannya penulis membuat kesimpulan bahawa organisasi ini memainkan peranan yang besar dalam penyebaran Islam di Negeri Melaka . Metod induktif ini digunakan di dalam semua bab tetapi pada bahagian - bahagian atau kajian-kajian yang tertentu.

b) Metod Deduktif

Bererti cara penganalisaan dan penulisan yang berdasarkan kepada "pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada da-

---

[15] Prof. Imam Barnadib, op.cit. , hal. 52.

hal umum terhadap hal-hal yang khusus".[16] Dalam kajian ini penulis telah memaparkan data-data yang bersifat umum dan dari data-data inilah penulis telah membuat kesimpulan yang bersifat khusus. Misalnya, pada mulanya penulis memberi gambaran umum tentang peranan JAIM dalam penyebaran da'wah di Melaka. Setelah itu penulis mengkhususkan peranan ini kepada bahagian Da'wah yang terletak di bawah bidang kuasa JAIM kerana bahagian ini banyak mencurahkan bakti terhadap perkembangan serta penyelaran Islam di Melaka. Metod ini banyak digunakan di dalam Bab IV iaitu bab Laporan Penyelidikan Dan Analisa Data.

c) Metod Komparatif

Metod ini adalah cara membuat kesimpulan dengan menggunakan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan".[17] Segala data, fakta atau pendapat para ulama', ahli sejarah yang mempunyai otoriti semuanya dikumpulkan dan kemudiannya dibuat perbandingan secara saksama. Dari perbandingan-perbandingan tersebut dibuat pula suatu kesimpulan dan generalisasi seperti mana yang terdapat di dalam Bab I : Latarbelakang Masalah, di mana penulis telah membuat perbandingan dari data-data sejarah yang diperolehi. Seterusnya membuat kesimpulan dari mana pendapat yang boleh diterima benar.

---

[16] Dr. Abdul Halim bin Haji Nat Diah, op.cit. , hal. 134.

[17] Ibid. , hal. 136.

Melalui penggunaan metod-metod yang telah dinyatakan itu, penulis dapat membuat penelitian dan penyelidikan dengan lebih teratur dan berkesan. Hasil dari pengumpulan data tersebut, bolehlah dilihat di dalam bab-bab yang seterusnya iaitu Bab IV dan Bab V.

BAB I

KEEMPAT

B A B I V

LAPURAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

A. S E J A R A H P E N U B U H A N

Bab ke IV ini merupakan bab yang terpenting yang memaparkan hasil penyelidikan penulis terhadap masalah yang dikaji. Terlebih dahulu penulis akan menghuraikan secara ringkas sejarah penubuhan Majlis Agama Islam Melaka dan Jabatan Agama Islam Melaka yang merupakan dua organisasi keagamaan yang banyak menyumbangkan usaha dalam pembangunan Negeri Melaka, khususnya dalam bidang kerohanian.

Selepas Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, hal ehwal perjalanan agama Islam menjadi tanggungjawab kerajaan negeri. di Melaka tanggungjawab ini diserahkan pengelolaannya kepada sebuah majlis agama yang dinamakan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Majlis Agama Islam Melaka ini bertanggungjawab dalam segala urusan hal ehwal agama Islam di negeri ini di bawah naungan kuasa Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agong selaku Ketua Agama Negeri.[1] Penubuhan ini telah dinyatakan di da-

---

[1] Perlembagaan Negeri Melaka, 1962, Perkara 5 (1), (2); Perlembagaan Persekutuan Malaysia, 1968, Perkara 3 (3).

lam Perlembagaan Negeri Melaka, Perlembagaan Persekutuan Malaysia, dan Warta Kerajaan Negeri.

MAIN ditubuhkan di bawah Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Bilangan I Tahun 1959, pada 28hb.Febuari,1959 bersamaan 20 Sya'ban,1378 dan telah dirasmikan penubuhannya pada 28hb.September,1960.[2] Penubuhan ini tertulis seperti berikut ;

> " 4. Maka hendaklah ada sebuah Majlis Agama Islam, Melaka yang di dalam Bahasa Inggeris akan digelar " Council of Religion, Malacca " untuk: menasihatkan Yang DiPertuan Agong di dalam perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam di dalam negeri ini ".[3]

Untuk mentadbir hal ehwal agama Islam dalam Negeri Melaka, maka Pejabat Ugama Islam Melaka (PUIM) yang sekarang dikenali sebagai Jabatan Agama Islam Melaka diwujudkan bagi membantu pentadbiran dalam melaksanakan usaha-usaha untuk memperluaskan lagi kegiatan da'wah Islamiah dan menyelesaikan masalah-masalah keagamaan yang dihadapi dari masa ke semasa.[4]

---

[2]Temubual dengan Encik Mohd.Yassin bin Alias, Ketua Kerani Majlis Agama Islam Melaka, MAIN, pada 24hb.November,1989, jam : 10.30 pagi hingga 11.30 pagi.

[3]Enakmen Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, Bilangan,1959, Bahagian II, Fasal 4, hal. 12.

[4]Muhammad Shaid bin Muhammad Taufek, Latihan Ilmiah : Ugama Islam dan Kepercayaan di Negeri Melaka: Jabatan Agama, Organisasi dan Rungsi-fungsinya, Sesi 1969/70, hal. 25.

Pentadbiran JAIN pada awalnya adalah di bawah bidang kuasa MAIN secara langsung. Pada tahun 1977 suatu perubahan dalam penyusunan pentadbiran dan pembahagian tugas yang lebih sistematik telah dilakukan bagi melancarkan lagi perjalanan pentadbiran dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Maka pada 1hb.November,1977 telah terlantik seorang pengarah secara rasmi bagi mengetuai, mengurus dan mentadbir JAIN dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai agama yang menjadi ketua kepada bahagian-bahagian yang wujud di dalam JAIN itu sendiri.[5] Namun begitu JAIN dan MAIN masih mempunyai hubungan walaupun tidak secara langsung dan segala keterangan yang berhubung dengan JAIN tetap tidak dapat dipisahkan dengan MAIN, kerana JAIN bertindak sebagai urusetia kepada MAIN.[6]

B. STRUKTUR ORGANISASI PENTADBIRAN MAIN DAN JAIN

Sila rujuk **LAMPIRAN A** bagi keterangan struktur organisasi pentadbiran MAIN dan JAIN. Telah dinyatakan bahawa segala hal ehwal agama Islam di Negeri Melaka adalah di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agong selaku Ketua Tertinggi Majlis Agama Islam Melaka. Baginda berkuasa melantik beberapa orang ahli MAJLIS dan Ex-Officio atas nas

---

[5] Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, Penolong Pengarah Da'wah, JAIN, Bangunan Seri Negeri, 26hb.Jun, 1989 . jam : 11.00 pagi hingga 11.30 pagi.

[6] Temubual dengan Encik Mohd.Yassin bin Alias, op.cit. .

hat MAIN untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Melaka. Ketua Menteri secara otamatik dilantik sebagai ketua penasihat DYMM Yang Dipertua Agong.[7]

Pentadbir-pentadbir Tertinggi MAJLIS adalah terdiri daripada Ex Officio atau Ahli Exco Kerajaan Negeri iaitu pegawai-pegawai kerajaan (Government Civil Servants). Mereka ini tidak diwajibkan mempunyai tauliah dalam soal-soal agama Islam untuk menjawat jawatan-jawatan mereka di dalam MAJLIS, kerana mereka hanya mentadbir dan bukan mengorganisasi agama Islam di Melaka. Tugas-tugas mengorganisasi ini terletak di bahu pegawai-pegawai lain yang ahli dalam soal-soal agama Islam. Walaubagaimana pun mereka ini akhirnya menjadi mahir dalam persoalan-persoalan agama Islam disebabkan tugas mereka yang secara langsung terhadap agama Islam walaupun hanya sebagai pentadbir sahaja.[8]

Pentadbiran agama Islam di Negeri Melaka dibahagikan kepada tiga organisasi iaitu :

1) Majlis Agama Islam Melaka (MAIN)/ MAJLIS

Segala polisi pentadbiran agama dipegang oleh MAJLIS termasuklah soal-soal kewangan dan harta (LUKMAL) di Melaka. Mufti merupa-

---

[7] Ibid.

[8] Muhammad Shaid bin Muhammad Taufek, op.cit. , hal. 27.

kan salah seorang ahli MAJLIS yang secara otomatik dilantik sebagai Jawatankuasa Fatwa Malaysia.

II) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)

JAIM diketuai oleh seorang pengarah yang dilantik oleh DYMM Yang DiPertuan Agong atas nasihat MAJLIS. Segala polisi dan perancangan JAIM adalah diputuskan oleh MAJLIS yang memegang tampuk polisi pentadbiran agama Islam Melaka. JAIM adalah sebuah badan yang bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan oleh MAJLIS untuk mengimplimentasikan segala dasar dan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa MAJLIS. Oleh itu JAIM bertindak dan berperanan untuk menjalankan segala urusan yang berkaitan dengan agama Islam mengikut kehendak MAJLIS.[9]

Untuk melicinkan pentadbiran dalam melaksanakan dasar serta program yang dirancang, maka organisasi pentadbiran JAIM ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu :

a) Bahagian Pentadbiran dan Pelajaran

b) Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah

c) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

d) Bahagian Da'wah

---

[9] Temubual dengan Encik Mohd. Yassin bin Alias, op.cit. .

e) Bahagian Penguatkuasa

f) Bahagian Penyelidikan.[10]

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan pula dibahagikan kepada tiga iaitu mengikut daerah, di mana setiap daerah terdapat seorang pegawai pentadbir agama iaitu ;

i) Pegawai Agama daerah Melaka Tengah

ii) Pegawai Agama daerah Alor Gajah

iii) Pegawai Agama daerah Jasin

III) Mahkamah Syariah

Yang DiPertuan Agong dengan nasihat MAJLIS melantik Khadi Besar dan khadi- hadi bagi setiap daerah untuk mentadbir, mengadili, mengurus dan menyelesaikan masalah-masalah yang berhubung dengan perceraian pengadilan kes jenayah, pencerai an, tuntutan nafkah, perkahwinan, harta dan lain-lain lagi.[11]

Walaupun pentadbiran agama di Melaka dibahagikan kepada tiga , iaitu MAJLIS, JAIN dan MAHKAMAH SYARIAH sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, namun ketiga-tiga organisasi ini mempunyai hubungan tidak secara

---

[10] Ibid.

[11] Enakmen Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, op.cit., Bahagian III, Fasal 38, hal. 22.

langsung dalam mentadbir, menyebar, membentuk dan mewujudkan masyarakat Islam yang dinamik dan progresif dalam segala bidang dan kehidupan yang diredhai Allah S.W.T . Oleh yang demikian banyak usaha-usaha kebajikan telah dilakukan secara kerjasama sebagaimana yang ditunjukkan oleh carta alir putus yang menghubungkan antara MAIN, JAIN dan MAHKAMAH SYARIAH.[12]

C. BAHAGIAN DA'WAH JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA

Peranan dalam penyebaran da'wah Islamiah yang menjadi skop perbincangan penulis adalah dipertanggungjawabkan khusus kepada Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam Melaka. Oleh itu apabila penulis membincangkan tentang kegiatan da'wah yang dilaksanakan oleh JAIN, maka perhatian penulis adalah lebih tertumpu kepada Bahagian Da'wah ini yang merupakan sebuah bahagian yang terbesar dan aktif di dalam organisasi pentadbiran JAIM.[13]

Semenjak tahun 1960 Bahagian Da'wah ini adalah terletak di bawah tanggungjawab dan bidangkuasa MAIM secara langsung (direct). Tetapi pada tahun 1977, bahagian ini diambil alih oleh JAIN setelah terlaksanya

---

[12] Temubual dengan Encik Mohd. Yassin bin Alias, op.cit. .

[13] Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, op.cit. .

perubahan di dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam di Melaka. Pada tahun 1989 satu jawatan baru diwujudkan iaitu jawatan Penolong Pengarah Da'wah bagi membantu Pengarah JAIM dalam soal-soal kegiatan da'wah di Melaka.[14]

Terdapat dua unit di bahagian Da'wah ini yang ditadbirkan oleh dua orang pegawai, iaitu :

1) Unit Da'wah

Bertanggungjawab di dalam meluas dan memperkembangkan ajaran-ajaran Islam di dalam usaha melahirkan masyarakat mukmin yang mengetahui ajaran Islam dan mempraktikkannya.

2) Unit Ukhuwwah

Bertanggungjawab dari segi penyelarasan kegiatan Islam dalam negeri, menguruskan saudara Islam dan bukan Islam termasuklah aktiviti-aktiviti sambutan perayaan agama.[15] Sila rujuk LAMPIRAN B & C untuk mengetahui bidang tugas kedua-dua unit tersebut serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang lain, yang sama-sama bertungkus lumus menjayakan aktiviti yang dilaksanakan.

---

[14] Ibid.

[15] Fail Penerangan Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam, Melaka, 1989.

. OBJEKTIF BAHAGIAN DA'WAH JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA

Antara objektif yang menjadi tumpuan perjuangan Bahagian Da'wah ialah :

i) Melahirkan masyarakat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna yang mengikut dan menghayati ajaran Islam seperti yang terkandung di dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah meliputi aspek-aspek akidah, syariah, akhlak, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan.[16]

ii) Menegak keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta menentang/membasmi kemungkaran, murtad, bid'ah dhalalah, maksiat, khurafat dan aliran-fikiran yang menjejaskan kesucian Islam.

iii) Memberikan penerangan agama kepada masyarakat melalui aktiviti-aktiviti ceramah/kursus dari masa ke semasa.

iv) Membuat pengawasan perjalanan pengajian agama di masjid-masjid dan madrasah-madrasah di Negeri Melaka.

v) Bekerjasama dengan badan-badan Da'wah/Pertubuhan agama yang ada di Negeri Melaka atau luar negeri. Ini bertujuan untuk memperkembangkan lagi da'wah Islamiah kepada masyarakat Islam atau pun bukan Islam.[17]

---

[16] Ibid.

[17] Ibid.

Dapatlah disimpulkan di sini peranan utama bahagian ini ialah untuk mengembangkan da'wah Islamiah kepada masyarakat, meneri perera- yang seluas-luasnya kepada seluruh lapisan masyarakat Islam dan b- Islam mengenai ajaran Islam yang berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sun- dan menghapuskan gejala-gejala buruk yang boleh meruntuhkan kesa- masyarakat Islam di Melaka.

E. SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN BAHAGIAN DA'WAH

Tiap-tiap bahagian dalam JAIN telah diberi peruntukan kewangan bagi pengurusan bahagian-bahagian tersebut. Sumber kewangan Bahagian Da' wah JAIN ini bagi melaksanakan program dan aktivitinya setiap tahun ada lah seperti berikut :

i) Peruntukan dari Kerajaan Negeri Melaka. Untuk memastikan ba hawa pembangunan rohani dan menentukan kegiatan agama terus diperluas- kan, maka sejumlah $ 3.3 juta diperuntukkan dari Belanjawan 1987 untuk kegiatan agama. Peruntukan tahun 1988 pula berjumlah $ 2.6 juta di mana $ 293,000 untuk program penghayatan masjid dan $ 40,000 pula untuk pro- gram da'wah yang lain. Kedua-dua program tersebut adalah di bawah pelak sanaan JAIN dan MAIN.[18] Manakala di tahun 1989 sejumlah $ 139,000 dipe-

---

[18] Noor S.M. dan Ma'arof Saad, Penggerak - Rahim Tambychik (Antara Impian dan Kenyataan), Melaka : Taming Sari Enterprise, cetakan I 1988, hal. 49 & 62.

[illegible] untuk Bahagian Da'wah bagi [illegible] program-program agama yang semakin bertambah.[19]

ii) Sumber peruntukan kedua pula ialah dari MAJLIS yang mengurus soal-soal kewangan, harta, zakat dan lain-lain lagi yang diletakkan di bawah pentadbiran LUNAL. MAJLIS bekerjasama untuk membayar elaun penceramah yang memberi ceramah atas jemputan JAIM.[20]

iii) Sumber-sumber lain yang diperolehi ialah dari sumbangan atau derma yang dihulurkan oleh penderma-penderma yang ingin melihat kejayaan Islam di bumi Melaka.[21] Semoga niat ikhlas mereka mendapat ganjaran dari Allah S.W.T . Inaya'Allah .

F. OBJEKTIF AKTIVITI BAHAGIAN DA'WAH JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA

Setiap aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Da'wah ini mempunyai tujuan dan objektifnya yang tertentu. Antara memorandum dan tujuan umum aktiviti-aktiviti da'wah dijalankan ialah :

---

[19] Temubual dengan Encik Mohd. Yassin bin Alias, op.cit. .

[20] Ibid.

[21] Ibid.

1) Memberikan kesedaran dan kefahaman yang menyeluruh kepada umat Islam.

2) Mengeratkan perhubungan di kalangan umat Islam, di antara Badan Da'wah, Institusi Islam dan lain-lain Badan.

3) Menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada saudara-saudara kita dan menyelaras kegiatan-kegiatan Islam di peringkat negeri.

4) Melahirkan masyarakat Mukmin yang memahami Islam dan mempraktikannya melalui ceramah-ceramah, kursus-kursus, kelas-kelas agama dan risalah-risalah.

5) Mengawas perkembangan pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah, masjid-masjid, madrasah-madrasah dan di tempat-tempat lain.

6) Meningkatkan lagi da'wah di kalangan masyarakat yang bukan Islam.

7) Menyediakan khutbah-khutbah Jumaat untuk dibaca di masjid masjid, khutbah-khutbah sempena perayaan-perayaan agama dan kempen yang dijalankan oleh kerajaan.

8) Menyediakan maqallah dan risalah-risalah kecil untuk dibagi-bahagikan kepada orang ramai.[22]

---

[22]Fail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam Melaka.

Secara keseluruhannya segala aktiviti yang dijalankan adalah bertujuan untuk menguruskan secara lebih cekap lagi tugas-tugas yang berbentuk galakkan dan suruhan kepada jalan kebaikan ('amar ma'ruf) dan mengembangkan ajaran-ajaran Islam dengan meluaskannya melalui berbagai badan da'wah berdasarkan kepada penyelarasan dan kawalan yang rapi.

C. AKTIVITI DAN KEGIATAN BAHAGIAN DA'WAH JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA

Sebagaimana yang telah dijelaskan, JAIM melalui Bahagian Da'wah diberi tanggungjawab untuk menguruskan aktiviti dan kegiatan da'wah di Negeri Melaka. Secara umumnya bahagian ini diberi tugas untuk melaksanakan program seperti berikut :

- Mengendalikan kursus-kursus
- Mengendalikan halaqah-halaqah kebajikan
- Mengendalikan kelas-kelas fardhu 'ain
- Mengendalikan kelas bimbingan dan pembelajaran Al-Qur'an
- Mengatur ceramah-ceramah agama
- Membimbing saudara baru
- Menerbitkan majalah dan risalah agama
- Menyediakan khutbah Jumaat, Hari Raya dan Hari Kebesaran Islam

- Mengendalikan penerbitan taqwim, waktu sembahyang dan waktu berbuka puasa
- Menyediakan perkhidmatan kebajikan dengan memberi sumbangan kewangan atau hadiah kepada pesakit-pesakit dan orang tua
- Mengadakan muzakarah bagi membincangkan persoalan Da'wah Islamiah.[23]

Secara umumnya kita dapati aktiviti dan kegiatan Bahagian Da'wah ini boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk atau cara iaitu :

i) Aktiviti berbentuk kursus dan halaqah

ii) Aktiviti berbentuk ceramah, syarahan agama dan seminar

iii) Aktiviti berbentuk kelas-kelas Agama/Bimbingan

iv) Aktiviti berbentuk penerangan, penerbitan dan penulisan

v) Aktiviti berbentuk perayaan

vi) Aktiviti berbentuk sumbangan kebajikan

vii) Aktiviti berbentuk muzakarah

Untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci, penulis akan menghuraikan aktiviti dan program yang dijalankan mengikut bentuk-bentuk kegiatan yang telah dinyatakan.

---

[23] Ibid.

I) Aktiviti Berbentuk Kursus Dan Halaqah

Bahagian Da'wah JAIM ini telah mengatur, menganjur dan melaksanakan beberapa kursus dan halaqah mengikut keupayaan yang sedia ada sama ada dari segi kewangan mahupun tenaga yang dicurahkan. Antara kursus-kursus dan halaqah yang mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat ialah ;

a) Kursus Perkahwinan

Kursus ini dijalankan di setiap daerah di Melaka iaitu di daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Sepanjang tahun 1989, sebanyak 9 Siri Kursus Perkahwinan telah diadakan iaitu 3 Siri bagi setiap daerah. Antara tujuan dan matlamat yang ingin dicapai menerusi kursus ini ialah ;[24]

i- memberikan kefahaman Islam khususnya mengenai seluk beluk ilmu perkahwinan dan kekeluargaan Islam

ii- mendedahkan hakikat berumahtangga sebenar dan cabaran-cabaran yang bakal dilalui serta cara-cara mengatasinya

iii- mengulangkaji dan mendedahkan kepada peserta-peserta, khususnya mengenai ilmu Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah berkaitan

---

[24] Temubual dengan Encik Omran bin Hussin @ Hassan, Pegawai Pembangunan Keluarga, JAIM, Bangunan Seri Negeri, pada 22hb. Disember, 1989, jam 2.30 petang hingga 3.00 petang.

vi- membimbing peserta-peserta kursus menjalani kehidupan berumahtangga supaya mencapai matlamat perkahwinan itu sendiri.

Peserta atau sasaran kursus yang dijemput hadir untuk turut serta, adalah terdiri daripada ;

- Teruna dara atau bakal pengantin
- Janda dan duda yang ingin berkahwin lagi
- Pasangan yang telah mendirikan rumahtangga yang berminat untuk sama-sama mengikuti kursus ini. [25]

Kursus ini dijalankan selama 3 hari dan setiap hari ditentukan tajuk yang sesuai sebagai pengisian kursus tersebut. Sila rujuk dan lihat **LAMPIRAN D** yang merupakan satu contoh kertas kerja yang mengandungi beberapa tajuk pengisian kursus ini. Kaedah pelaksanaannya adalah berbentuk pembentangan kertas kerja, halaqah berkumpulan, tayangan video, majlis dialog dan ceramah umum yang biasanya dijemput khas dari LPPKN. Pada hari ketiga iaitu hari terakhir kursus ini, diadakan qiamul lail dan penyampaian sijil kepada peserta-peserta kursus. [26]

---

[25] Ibid.

[26] Ibid.

b) Kursus Halaqah Belia

Semua belia lelaki yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun adalah layak menyertai kursus ini. Kelulusan akademik tidak diperlukan. Antara matlamat kursus ini ialah ;

- untuk mendedahkan kepada kaum belia tentang kesedaran Islam
- mendedahkan para belia kepada aspek-aspek kesedaran diri melalui kefahaman Islam
- memberi pengetahuan, kesedaran dan perkongsian maklumat di antara peserta-peserta mengenai tanggungjawab setiap pemuda terhadap ajaran Agama Islam
- menjelaskan tanggungjawab pemuda terhadap kewajipan fardhu 'ain dan fardhu kifayah di dalam Islam
- mengeratkan lagi hubungan sillaturrahim antara belia dan tenaga pengajar.[27]

Sepanjang tahun 1989 kursus ini pernah diadakan di beberapa buah kampung yang dijadikan pusat kursus halaqah belia ini untuk kampung kampung yang berdekatan. Sila lihat LAMPIRAN E untuk mengetahui tem

---

[27] Temubual dengan Encik Nur Asmi, Pegawai Kerani JAIN dan sela ku Ad-Hoc Kursus Halaqah Belia, Seri Negeri, pada 22hb.Disember, 1989, jam : 10.00 pagi hingga 11.30 pagi.

pat dan tarikh kursus tersebut dijalankan serta penganjurnya.

Belia-belia yang menyertai kursus halaqah ini akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang mengandungi 10 hingga 15 orang, di mana setiap kumpulan akan diajar oleh seorang tenaga pengajar dalam jangka-masa 1 hingga 1½ jam lamanya bagi satu sesai pembelajaran. Pembahagian kumpulan ini sebenarnya bertujuan untuk mewujudkan hubungan yang rapat antara belia dan tenaga pengajar agar dapat berhubung terus apabila pe serta menghadapi masalah dalam pembelajaran dan masalah peribadi. Di samping itu pembahagian ini juga bertujuan untuk mengeratkan lagi sil-laturrahim.[28]

Sebelum kursus ini dimulakan peserta dikenakan peraturan-pera-turan dan tata tertib agar perjalanan kursus ini akan berjalan dengan lancar, teratur dan berkesan. Peraturan-peraturan Kursus Halaqah Belia ini boleh dirujuk di LAMPIRAN F . Tujuan murni kursus ini sebenarnya ialah untuk mengisi masa para belia agar tidak terbuang begitu sahaja dengan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan menyedarkan mereka akan erti kehidupan manusia yang hakiki di dunia ini. Oleh yang demikian pengisian Kursus Halaqah Belia ini dibahagikan kepada tiga bah tuk halaqah iaitu :

---

[28] Ibid.

i) Halaqah Renungan dan Akhlak

ii) Halaqah Tauhid

iii) Halaqah Feqah.[29]

Ketiga-tiga bentuk pengisian halaqah ini dapat dirujuk dengan lebih jelas lagi menerusi LAMPIRAN G . Kursus Halaqah Belia ini mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan masyarakat sehinggakan ada di kalangan kaum tua yang berminat untuk turut serta kerana bagi mereka sistem halaqah ini adalah lebih praktikal dan berkesan.[30]

c) Halaqah Kebajikan

Halaqah Kebajikan ini diadakan di sekolah-sekolah kebajikan seperti sekolah pemulihan akhlak, rumah anak-anak yatim, rumah orang tua dan pusat latihan belia. Sila lihat LAMPIRAN H yang menyatakan tempat serta tarikh halaqah kebajikan ini dijalankan sepanjang tahun 1989.

Halaqah kebajikan yang diadakan di sekolah-sekolah pemulihan akhlak adalah bertujuan untuk memberikan kesedaran dan keinsafan kepada sasaran dengan menerapkan nilai-nilai akhlak yang mulia. Manakala halaqah yang diadakan di rumah-rumah anak-anak yatim dan orang tua pula adalah bertujuan untuk sama-sama membimbing mereka ke jalan yang benar agar me-

---

[29] Ibid.

[30] Ibid.

reka tidak merasa terasing daripada masyarakat. Bantuan dan sumbangan diberikan kepada golongan ini bagi meringankan beban perasaan dan hidup yang dihadapi oleh mereka. Di samping itu dua orang muballigh telah ditugaskan mengajar dua orang muallaf di Pusat Serenti yang memeluk Islam semasa menjalani pemulihan akhlak.[31]

d) Kursus Kefahaman Islam

Kursus ini mempunyai objektif yang sama seperti Halaqah Belia di mana tujuan utamanya ialah mendedahkan para peserta kepada aspek aspek kesedaran diri melalui kefahaman Islam. Kursus ini pernah diadakan di Masjid Paya Datok, Alor Gajah, Melaka yang dianjurkan khas oleh Pemuda UMNO Bahagian Selandar dengan kerjasama Pemuda UMNO cawangan lain jua JAIM sendiri.

Pengisian kursus ini adalah berbentuk ceramah, kuliah subuh, sembahyang berjemaah, qiamulail dan lain-lain aktiviti. Kursus selama dua hari ini mendapat sambutan dari kalangan Pemuda UMNO di mana penyertaannya adalah seramai 200 orang.[32]

---

[31] Ibid.

[32] Ibid.

e) Kursus Jawatankuasa Masjid

Pengaruh Islam di zaman silam telah banyak meninggalkan kesan di negeri ini sehingga ke hari ini, di mana pelbagai usaha telah dirancang oleh Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan lagi syiar Islam. Ini dapat dibuktikan dengan terdirinya masjid dan madrasah yang tumbuh seperti cendawan di segenap pelusuk sama ada di solok-solok, kampung atau pun mukim. Terdapat kira-kira 164 buah masjid dan 415 buah madrasah atau surau yang berdaftar di Melaka. Taburan masjid dan madrasah di tiga buah daerah Negeri Melaka ini boleh dilihat menerusi LAMPIRAN I.[33]

Di samping itu sebuah Masjid Negeri yang kini dalam pembinaan masa terakhir adalah didirikan hasil dari persetujuan Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 8hb.Ogos,1979. Masjid ini didirikan di kawasan seluas 25 ekar atau 10.12 hektar di Bukit Palah yang menelan belanja lebih dari $ 15 juta. Masjid ini dinamakan Masjid Negeri Al-Azim.[34] Memandangkan pada pertumbuhan masjid dan surau yang semakin banyak inilah, maka satu Kursus Jawatankuasa Masjid diadakan di negeri ini.

---

[33] Fail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah - JAIM

[34] Masni Ros Fakir Mohammad, Berita Harian : "Pelbagai Usaha Dilangkan Untuk Kemajuan Agama Islam" (Keluaran Khas Sempena Harijadi Yang Di Pertua Negeri Melaka), Rabu 21hb.Julai,1985, hal. 10.

Kursus ini diadakan khas untuk jawatankuasa masjid termasuklah imam, bilal, khatib dan mereka yang terlibat dalam menguruskan masjid di Negeri Melaka ini. Di antara tujuan kursus ini ialah ke arah menyelaraskan tugas-tugas imam, bilal dan khatib di seluruh Negeri Melaka juga menyampaikan secara dekat lagi mengenai peranan dan tugas jawatankuasa masjid. Di samping itu kursus ini memberi panduan secara kolektif ke arah melahirkan imam, bilal dan khatib masjid yang berwibawa dan berkaliber untuk ditauladani oleh masyarakat. LAMPIRAN J menunjukkan taburan jumlah imam, khatib, bilal, noja munkin dan bilal perempuan yang dikeluarkan oleh JAIM dan MAIM bagi tahun 1989.[35]

f) Kursus Pengurusan Jenazah

Antara tujuan diadakan kursus ini ialah untuk memberi kefahaman secara intensif berhubung dengan cara pengurusan jenazah, menunaikan tanggungjawab fardhu kifayah dan melatih anggota masyarakat Islam mengenai kaedah pengurusan jenazah. Peserta kursus diajar secara praktikal agar ianya mudah difahami dengan lebih jelas lagi.[36]

Banyak lagi kursus yang dianjurkan oleh Bahagian Da'wah dengan kerjasama badan-badan tertentu dan masyarakat dalam usaha untuk mengembangkan syiar Islam. Antara kursus lain yang dianjurkan ialah :

---

[35] Fail Penerangan Kursus Bahagian Da'wah - JAIM.

[36] Ibid.

- Kursus Batin Orang Asli
- Kursus kepada Pekerja-pekerja Kilang
- Kursus Nakia Tilawah dan lain-lain lagi.

Menjelang tahun 1990 ini banyak lagi kursus akan dilaksanakan. Sila lihat LANPIRAN K yang menunjukkan senarai kursus tahun 1990 berserta perbelanjaan kursus tersebut.

ii) Aktiviti Berbentuk Ceramah, Syarahan Agama dan Seminar.

Dalam merealisasikan peranan dan tanggungjawab, Bahagian Da'wah telah melaksanakan program-program yang berbentuk ceramah-ceramah agama kepada anggota masyarakat. Ceramah dan syarahan agama ini tidak hanya tertumpu di masjid-masjid sahaja, bahkan ia meliputi kilang-kilang perindustrian, jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah dan lain-lain lagi.[38]

Pada tahun 1988 sebanyak 1500 penerangan dan ceramah da'wah telah diadakan di masjid-masjid, madrasah-madrasah dan badan-badan sukarela dengan mengambil tenaga penceramah dari JAIM sendiri yang telah mendapat tauliah. Pada tahun 1989 lebih dari 1500 siri ceramah dan penera-

---

[38] Fail Lapuran Bahagian Da'wah - JAIM.

ngan diadakan dan dijangkakan pada tahun 1990 ini pula, jumlah tersebut akan meningkat dengan adanya kerjasama dari Pusat Islam, Kuala Lumpur. Setiap permohonan ceramah yang diminta akan ditunaikan oleh JAIN. Sila lihat **LAMPIRAN L** yang menunjukkan kekerapan ceramah agama yang dianjurkan oleh JAIN dari tahun 1985 hingga 1988. Rajah tersebut menunjukkan peningkatan permohonan ceramah dan syarahan agama.[39]

Tugas dan tanggungjawab Bahagian Da'wah dalam melaksanakan aktiviti berbentuk ceramah ini ialah menyediakan penceramah sama ada dari pegawai-pegawai JAIN atau MAJLIS, penceramah sambilan dari kalangan guru-guru agama serta orang-orang berilmu yang diyakini berupaya untuk menjadi penda'wah. Setakat ini sebuah Badan Penceramah telah ditubuhkan, yang dianggotai oleh 50 orang da'i iaitu 47 orang dari kalangan lelaki dan hanya 3 orang dari kalangan wanita. Para penceramah ini diberi pampasan atau elaun sebanyak $ 50 bagi setiap ceramah yang diberikan.[40]

Pada umumnya ceramah yang diadakan dibahagikan kepada dua bentuk iaitu ceramah tetap dan ceramah untuk sambutan hari-hari Kebesaran Islam. Ceramah tetap biasanya dijalankan dengan kerjasama badan sukarela, jabatan kerajaan, masjid atau surau sama ada berbentuk mingguan atau

---

[39] Ibid.

[40] Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, op. cit.

bulanan. Ceramah untuk sambutan Hari Kebesaran Islam, biasanya diadakan semasa sambutan Hari Kebesaran seperti berikut :

1) Ceramah Agama Isra' Mikraj
2) Ceramah Agama Nuzul Al-Qur'an
3) Ceramah Ma'al Hijrah
4) Ceramah Maulud Nabi s.a.w
5) Ceramah Awal Muharram dan sebagainya.[41]

Penceramah-penceramah sempena Hari Kebesaran Islam ini biasanya diundang khas luar dari Negeri Melaka misalnya dari Pusat Islam, PENKIN PUSAT, Kor Angkatan Tentera dan lain-lain lagi. Pada tahun 1979 yang lalu sejumlah lapan ceramah dikendalikan oleh JAIM sempena Perayaan Maulid ur Rasul. Ceramah-ceramah ini diadakan di Dewan Besar Pusat Expo, Air Keroh, Melaka. Nama penceramah, tajuk ceramah serta tarikh ceramah itu berlangsung boleh dilihat di LAMPIRAN M . Di bulan Ramadhan juga diadakan ceramah dan syarahan agama kepada pengunjung-pengunjung masjid yang beribadat. Aktiviti ini lebih dikenali sebagai Ihya' Ramadhan.[42]

Terdapat juga aktiviti berbentuk seminar yang dikendalikan dari masa ke semasa. Suatu seminar yang bertajuk "Kenapa Umat Islam Mundur dan Cara-cara Mengatasinya" pernah diadakan sebagai langkah dan usaha

---

[41] Fail Penerangan Bahagian Da'wah - JAIM.

[42] Ibid.

untuk mencari penyelesaian masalah ini menerusi perbincangan dalam semi
nar tersebut.[43]

Pendekatan dalam bentuk ceramah atau ayarahan agama seperti ma-
n yang dilakukan oleh bahagian ini merupakan satu cara pendekatan yang
baik. Memandangkan kepada permintaan yang kian meningkat terhadap pro-
gram bentuk ini. Ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan ini berja-
a menarik minat orangramai untuk mendalami ajaran Islam. Isi ceramah reg
ilah bersesuaian atau seiring dengan isu-isu semasa yang kemudiannya
ikaitkan dengan apa yang terdapat di dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah.

III) Aktiviti Berbentuk Kelas-kelas Agama/Bimbingan

Kelas-kelas agama/bimbingan ini diwujudkan untuk kanak - kanak
n orang dewasa. Antaranya :

i) Kelas Bimbingan Fardhu 'Ain di Pusat/Sekolah Pemulihan

ii) Kelas Bimbingan Fardhu 'Ain di Kilang Perindustrian

iii) Kelas Agama dan Bimbingan bagi Saudara-saudara Baru

iv) Kelas Agama bagi Orang Dewasa di masjid-masjid/surau

v) Kelas Agama, Al-Qur'an dan Fardhu 'Ain bagi kanak-kanak

vi) Kelas Tahfiz Al-Qur'an.[44]

---

[43] Fail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah, op.cit. .

[44] Temubual dengan Encik Nur Azmi, op.cit. .

Terdapat banyak kelas agama dan bimbingan yang dikendalikan oleh JAIN terhadap Pusat/Sekolah Pemulihan Akhlak. Program ini biasanya diadakan pada hari Sabtu dan Ahad kerana pada hari-hari yang lain mereka mempunyai kelas bimbingan yang diatur oleh Pusat/Sekolah Pemulihan itu sendiri. Kelas bimbingan di Kilang Perindustrian yang menjadi sasaran baru JAIN juga diwujudkan bagi melahirkan pekerja yang berakhlak dan patuh kepada ajaran Islam.[45]

Kelas bimbingan bagi saudara baru diadakan di Balai Islam pada hari Sabtu dan Ahad. Pengisiannya lebih berbentuk aqidah dan cara-cara untuk menunaikan syariat Allah S.W.T seperti sembahyang, mandi wajib, puasa dan sebagainya. Saudara-saudara baru ini terdiri dari berbagai bangsa iaitu Cina, India, Orang Asli dan lain-lain lagi.[46]

Pembentukan kelas-kelas agama bagi orang dewasa di masjid, surau dan madrasah akan dipertingkatkan lagi supaya guru-guru agama yang mengajar dapat memperkuatkan aqidah dan kefahaman Islam di kalangan orang-orang dewasa di Melaka. Kelas-kelas ini biasanya diadakan pada sebelah malam iaitu di antara waktu Maghrib dan Isya'.[47]

---

[45] Temubual dengan Encik Nur Azmi, op.cit.

[46] Ibid.

[47] Noor S.M. dan Ma'arof Saad, op.cit., hal. 80.

Kelas-kelas Agama, Al-Qur'an dan Fardhu 'Ain bagi kanak-kanak diadakan di masjid-masjid. Kanak-kanak berumur antara 6 hingga 9 tahun boleh menghadiri kelas-kelas ini. Kelas ini biasanya diadakan pada sesi petang selepas mereka menghadiri kelas-kelas formal di sekolah. Guru-guru yang dilantik memberi pelajaran asas agama Islam untuk menerapkan nilai-nilai Islam pada peringkat usia awal kanak-kanak tersebut. Kelas bimbingan bagi kanak yang berumur 6 tahun, yang lebih dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) juga diwujudkan dengan kerjasama ABIM Cawangan Melaka. Selain dari menekankan aspek 3M (membaca, menulis dan mengira), kelas ini juga menekankan pendidikan akhlak meneruskan latihan sembahyang, nasyid dan lain-lain mata pelajaran yang berunsur Islam.[49]

Kelas-kelas Tahfiz Al-Qur'an yang dikelolakan oleh Bahagian Agama Jabatan Pedana Menteri diwujudkan di Melaka. Kelas ini lebih dikenali dengan nama Maahad Tahfiz dan diadakan di Balai Islam. Sebuah tabung Maahad Tahfiz telah ditubuhkan dengan kerjasama Maahad Tahfiz Al-Qur'an dan Persatuan Ulama' Melaka untuk menambahkan pembiayaan sekolah ini. Kelas-kelas Tahfiz ini adalah untuk kanak-kanak yang berumur antara 10 hingga 15 tahun.[50]

---

[49] Nasmi Ros Fakir Mohamad, op. cit. , hal. 10.

[50] Ibid.

IV) Aktiviti Berbentuk Penerbitan, Penerangan dan Penulisan.

Bidang penerbitan, penerangan dan penulisan telah diserapkan ke Bahagian Da'wah untuk melahirkan hasil penerbitan dan pengetahuan kepada masyarakat sama ada dalam bentuk buku, majalah, poster, risalah dan sebagainya. Oleh yang demikian usaha ini bertujuan untuk memenuhi keperluan masyarakat dalam menyediakan bahan bacaan berunsur Islam sebagai ja lan menyebarkan Islam melalui media-media tersebut yang dianggap berkesan.[51]

Peruntukan telah disediakan untuk mencetak kulit-kulit Fail Kursus, Khutbah Jumaat/Hariraya, Khutbah Hari-hari Kebesaran Islam, Poster Ceramah Agama dan Perayaan-perayaan Islam, penerbitan al-Mustaqim (Majalah Keluaran JAIM yang diterbitkan 3 bulan sekali), Taqwim, waktu sembahyang dan waktu berbuka puasa, percetakan Risalah Al-Iman dan lain-lain lagi. Perincian kenyataan penerbitan, percetakan beserta dengan perbelanjaannya sekali boleh dirujuk di LAMPIRAN □ .

Hasil terbitan bahagian ini sama ada berbentuk majalah, poster, taqwim Islam, risalah dan lain-lain lagi disebarkan kepada orang ramai , masjid-masjid, pejabat-pejabat kerajaan dan mana-mana sahaja t e m p a t yang dihadiri oleh penceramah JAIM. Permintaan terhadap hasil terbitan

---

[51] Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, op.cit. .

ini kian meningkat berikutan kesedaran masyarakat untuk mengetahui aktiviti dan perkembangan da'wah Islamiah di Melaka.[52]

JAIM dengan kerjasama yang diwujudkan bersama Kementerian Penerangan menerusi RMM (Radio Malaysia Melaka) telah menerbitkan Rancangan Soal Jawab Agama melalui telefon sebagai salah satu cara berda'wah melalui media elektronik. Segala persoalan agama yang dikemukakan oleh pendengar akan dijawab oleh pegawai agama yang ditugaskan oleh JAIM menerusi rancangan ini. Ceramah atau Panduan Menunaikan Haji juga diterbitkan pada sebelah petang khas untuk masyarakat yang ingin menunaikan haji.

V) Aktiviti Berbentuk Perayaan.

Beberapa perayaan agama telah diadakan sepanjang tahun 1989 seperti sambutan Maulidur Rasul, Ma'al Hijrah, Tilawatil Qur'an dan lain-lain perayaan. Perayaan-perayaan dan sambutan-sambutan yang sama juga akan diadakan sepanjang tahun 1990 dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak $ 130,000 .[53]

---

[52] Ibid.

[53] Ibid.

Terdapat beberapa aktiviti dan pengisian yang dijalankan untuk sambutan Hari Kebesaran Islam ini dalam usaha mewujudkan perpaduan umat Islam dan memperingati sejarah Hari Kebesaran Islam tersebut serta mengambil pengajaran daripadanya.

VI) Aktiviti Berbentuk Sumbangan Kebajikan.

Perkhidmatan Kebajikan di bawah Unit Ukhuwwah Bahagian Da'wah JAIM banyak memberi sumbangan kebajikan kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik. Antara sumbangan kebajikan yang telah dicurahkan ialah kepada ;

i) Kebajikan dan sumbangan kepada Anak Yatim

ii) Kebajikan kepada Orang Asli dan Saudara Baru

iii) Kebajikan kepada Rumah Orang Tua

iv) Khidmat Kebajikan Islam di Hospital

v) Kebajikan kepada Pusat/Sekolah Pemulihan Akhlak

vi) Kebajikan dan sumbangan di Pusat Penempatan Banjir, Kebekaran atau sesuatu trajidi malang yang berlaku.[54]

Sebuah projek untuk mendirikan Pondok Orang-orang Tua Islam yang termiskin di Melaka dijangkakan akan beroperasi menjelang tahun

---

[54]Fail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah, op.cit. .

1990. Sumbangan dan kebajikan yang dihulurkan adalah berbentuk wang dan keperluan asas yang lain.[55]

VII) Aktiviti Berbentuk Muzakarah

Muzakarah ini diadakan hasil dari mesyuarat Yayasan Da'wah Islamiah Malaysia dengan Yang Dipertua/Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri yang diadakan pada 9hb.Mac,1981. Di Melaka muzakarah ini lebih dikenali sebagai Muzakarah Panel Penda'wah.

Tujuan muzakarah ini diadakan ialah untuk membincangkan masalah masalah semasa yang timbul dalam masyarakat di Melaka. Muzakarah ini juga sebagai satu jalan untuk mencari kaedah dan jawapan yang tepat terhadap isu-isu yang sering dihadapi oleh pegawai-pegawai agama dalam masa meroka menjalankan tugas. Ia juga bertujuan untuk mempastikan setiap pegawai agama mempunyai kewibawaan dan berfungsi.[56]

Perbincangan sering diadakan bagi memastikan rakyat Melaka ini tidak terpengaruh dengan jalan yang menyesatkan. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil langkah utama untuk membasmi kurafat-kurafat yang boleh memesongkan aqidah umat Islam di negeri ini. Ke

---

[55] Ibid.

[56] Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, op.cit.

rajaan Negeri juga berusaha menghapuskan segala bentuk perbuatan dan pemujaan yang boleh menyalahi hukum.[57]

JAIN dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah merobohkan bangunan di tiga tempat yang dianggap keramat oleh sesetengah masyarakat iaitu di Makam Tok Dalip, Bachang, Melaka Tengah, Makam Tubah di Jasin dan Keramat Machap di Alor Gajah. Tempat-tempat lain yang juga dianggap keramat akan dirobohkan dari masa ke semasa supaya umat Islam tidak mempercayai kurafat dan tahyul.

Sebelum ini JAIN dan MAIN telah merobohkan bangsal-bangsal yang melindungi kubur-kubur yang dianggap keramat, antaranya Bangsal Keramat Tujuh Beradik yang merupakan kubur-kubur yang panjang di Pulau Besar, Melaka. Batu-batu nisan yang terdapat di kubur itu juga dibetulkan seperti kubur-kubur orang biasa dan Kerajaan Negeri telah membelanjakan kira-kira $ 5,000 untuk membina semula kubur-kubur di Pulau Besar itu, supaya tidak lagi dianggap keramat.

Selain daripada itu dalam usaha lain untuk mengawal aqidah umat Islam dari dipesongkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, maka Kerajaan Negeri dengan kerjasama JAIN telah mengharamkan ajaran Qadiani/Ahmadiah yang tidak diperakui sebagai Islam oleh Majlis Raja-raja.[58]

---

[57] Masni Ros Pakir Mohamad, op.cit.

[58] Ibid.

Terdapat banyak lagi aktiviti dan kegiatan yang dilaksanakan oleh JAIM demi untuk mempertingkatkan lagi da'wah Islamiah kepada masyarakat Islam di Negeri Melaka. Sebuah Badan Penyelarasan Da'wah Islamiah telah ditubuhkan untuk menyelaras semua aktiviti dan kegiatan Badan-badan Da'wah dan Kebajikan di seluruh Negeri Melaka.

H. MAJLIS PENYELARASAN DA'WAH NEGERI MELAKA

Majlis Penyelarasan Da'wah Negeri Melaka ditubuhkan pada bulan Febuari, 1988. Pengerusi Majlis tersebut yang juga Pengerusi Portfolio Agama Islam dan Kebajikan Am Negeri, Haji Ahmad bin Haji Abdullah menyatakan bahawa Majlis Penyelarasan Da'wah ini merupakan sebuah badan gabungan dari persatuan-persatuan bercorak da'wah dan Kebajikan Islam yang terdapat di Melaka. Sebanyak 13 badan bercorak da'wah dan kebajikan Islam di negeri Melaka yang menjadi ahli Majlis Penyelarasan Da'wah Islamiah setakat ini.[59]

Majlis Penyelarasan Da'wah Islamiah yang ditubuhkan atas inisiatif Haji Ahmad bin Haji Abdullah sendiri adalah bertujuan ;

- mengeratkan perhubungan dan persefahaman antara badan da'wah Islamiah

---

[59] Kadir Ahmad, "Mengapa Umat Islam Mundur Akan Diseminarkan", Suara Melaka, Melaka : Kerajaan Negeri, Keluaran 84, Jun, 1989, hal. 9.

- mewujudkan gabungan tenaga serta kerjasama antara badan-badan da'wah Islamiah
- menyelaraskan gerakan dan kegiatan badan-badan da'wah Islamiah
- merancang program da'wah Islamiah berkepadu, sama ada melalui lisan atau penulisan
- menyatukan arah pemikiran badan-badan da'wah/Islam berdasarkan Ahli Sunnah Waljamaah bagi menggelakkan percanggahan pendapat.[60]

Secara umumnya Majlis ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menyatukan semua kegiatan bercorak da'wah dan kebajikan Islamiah di negeri Melaka serta menjadi asas kepada cita-cita mewujudkan sebuah Persatuan Islam yang tunggal bagi negeri Melaka. Oleh itu peranan dan tugas Badan-badan Da'wah/Islam di Melaka ialah untuk menyelaras rancangan dan kegiatan yang bercorak tempatan, negara dan antarabangsa.[61]

Menurut Haji Ahmad bin Haji Abdullah, Majlis ini akan melaksanakan tugas yang diberikan oleh mana-mana pihak atau majlis Islamiah / Da'wah Melaka berdasarkan amar ma'arof nahi mungkar. Majlis ini juga akan mengadakan perbincangan, seminar, kursus dan lain-lain lagi dari

---

[60] Ibid.

[61] Ibid.

masa ke semasa bagi mempertingkatkan lagi kecekapan, keilmuan dan pengalaman ahli-ahli gabungan Majlis ini dan masyarakat Islam seluruhnya.[62]

1. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH JAIN.

Dalam melaksanakan aktiviti dan gerakerja yang dirancangkan, ada kalanya JAIN menghadapi masalah-masalah yang sedikit sebanyak menggangu usaha pencapaian matlamatnya, khususnya Bahagian Da'wah. Antara masalah-masalah tersebut :

i) Masalah kekurangan pegawai atau kakitangan untuk mentadbir atau mengurus aktiviti-aktiviti serta masalah-masalah sampingan yang lain. Seorang pegawai agama terpaksa menanggung beberapa beban tugas akibat dari masalah yang dihadapinya ini. Walaubagaimana pun tidak dapat dinafikan bahawa ada juga di kalangan pegawai dan kakitangan di sini bertugas dengan dedikasi kerana ingin melihat segala aktiviti yang dirancangkan itu berjaya.[63]

ii) Kekurangan tenaga penda'wah wanita yang berpotensi dan berwibawa. Setakat ini Bahagian Da'wah hanya mempunyai tiga orang pegawai da'wah wanita. Dengan jumlah sekecil ini permintaan terhadap penda' -

---

[62] Ibid.

[63] Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, op.cit.

wah atau penceramah wanita mungkin tidak dapat dipenuhi.[64]

iii) Masalah pejabat pentadbiran JAIM yang sesak dan sempit. Pejabat yang disediakan di Bangunan Seri Negeri adalah kecil tagi menempatkan kesemua bahagian yang berada di bawah pentadbiran JAIM.[65]

iv) Selain daripada itu kedudukan pejabat MAIM dan JAIM yang terpisah menimbulkan masalah untuk berhubung terus apabila timbul sesuatu perkara yang memerlukan penyelesaian segera.[66]

J. PENCAPAIAN DAN PERANCANGAN JAIM.

Meskipun terdapat masalah dan kelemahan dalam melaksanakan program, namun terdapat beberapa perkembangan dan pencapaian yang baik sebagai membuktikan kesan positif dari program dan kegiatan yang dijalankan. Antaranya ialah ;

i) Sambutan yang menggalakkan dari masyarakat Negeri Melaka terhadap kursus dan program yang dilaksanakan.

---

[64] Ibid.

[65] Temubual dengan Encik Nur Azmi, op.cit.

[66] Ibid.

ii) Permintaan terhadap ceramah, kursus, penerbitan risalah dan lain-lain aktiviti agama semakin bertambah. Sila rujuk LAMPIRAN P bagi membuktikan peningkatan prestasi aktiviti Bahagian Da'wah JAIM.

iii) Wujudnya Majlis Penyelarasan Da'wah yang mengatungkan Badan-badan Da'wah dan Kebajikan yang bekerjasama menyelesaikan masalah agama di Melaka.

iv) Kegiatan da'wah berjaya dijalankan di kalangan semua peringkat umur sama ada kanak-kanak, orang dewasa dan orang tua. Begitu juga di kalangan masyarakat bukan Islam termasuklah Orang Asli. Banyak lagi kejayaan yang dicapai oleh JAIM dalam usaha pembangunan rohani.

Perancangan telah dibuat dengan kerjasama Pusat Islam untuk mewujudkan penggunaan komputer di dalam pentadbiran JAIM dan MAIM. Segala berita atau laporan boleh disimpan dan dirujuk tanpa menimbulka kesulitan. InsyaAllah perancangan ini akan menjadi kenyataan dan berjaya dilaksanakan.[67]

Di samping itu JAIM ingin mengiatkan lagi kegiatan da'wah mereka di kalangan Orang Asli. JAIM dengan kerjasama Pusat Islam juga cuba melatih beberapa orang pegawai agama untuk mengikuti kursus berda'wah

---

[67] Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, op.cit.

kepada Orang Asli.[68]

JAIM ingin memperluaskan lagi kegiatan da'wahnya melalui media elektronik di mana beberapa barang-barang keperluan telah disediakan untuk menjayakan hasrat ini Lihat LAMPIRAN N yang menunjukkan jumlah barang keperluan yang disediakan.[69]

Penulis mendo'akan semuga segala hasrat dan perancangan JAIM ini berjaya dan diredhai Allah S.W.T serta berjaya mewujudkan sebuah masyarakat yang mengamalkan ajaran Islam. InnyaAllah.

---

[68] Ibid.

[69] Fail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah, op.cit.

B

A

B

K

E

L

I

M

A

BAB V

P E N U T U P

A. K E S I M P U L A N

Menerusi bab yang terakhir ini, penulis akan membuat kesimpulan di samping mengemukakan pandangan dan saranan yang tidak bermaksud mengkritik usaha-usaha JAIN selama ini, sebaliknya dengan harapan dapat membantu mempertingkatkan lagi kegiatan da'wah di Negeri Melaka walaupun hanya merupakan sumbangan yang berbentuk pandangan dari fikiran dan hati yang ikhlas. Antara kesimpulan yang dapat dikemukakan hasil dari kajian ini adalah seperti berikut ;

1) Kebangkitan kesedaran Islam yang wujud pada hari ini ternyata sedang menuntut dari penganut-penganut Agama Islam suatu kepekaan dan kewaspadaan yang jauh lebih serius dari zaman sebelumnya. Kepekaan yang penulis maksudkan di sini ialah kepekaan kepada tuntutan-tuntutan Islam itu sendiri yang sebelum ini mungkin tidak difahami atau disedari kewujudannya. Kepekaan ini juga bertujuan agar penghayatan Islam menjadi lebih lengkap dan bererti, bukan hanya pada peringkat penghayatan perseorangan tetapi ditekankan juga pada peringkat penghayatan badan-badan agama rasmi di Malaysia ini sendiri terhadap cita-cita ingin memperluaskan lagi Islam di bumi Allah S.W.T .

2) Penubuhan Majlis Agama Islam Melaka dan Jabatan Agama Islam Melaka pada dasarnya adalah bertanggungjawa berhubung dengan hal ehwal agama Islam di Melaka selaras dengan matlamatnya untuk menjamin sebahagian besar masyarakat Islam di negeri ini mendapat pendidikan, bimbingan serta pengetahuan agama yang kukuh, di samping menyelaras dan mempercepatkan pembangunan rohani dan jasmani di kalangan mereka. Oleh itu kedua-dua organisasi ini memainkan peranan yang besar untuk membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis, progresif serta menghayati perkembangan agama Islam dengan sepenuhnya.

3) JAIM adalah sebuah jabatan agama Islam yang bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan oleh MAIM untuk mengimplimentasikan segala dasar, perancangan dan aktiviti yang ingin dilaksanakan. Oleh yang demikian segala polisi yang menyentuh hal ehwal agama Islam di negeri ini adalah dipegang oleh MAIM dan JAIM pula bertindak sebagai urusetia kepada MAIM. Segala program dan aktiviti yang ingin dilaksanakan mestilah mendapat kelulusan dan persetujuan dari Jawatankuasa Tertinggi MAIM dan JAIM terlebih dahulu.

4) Sebagai sebuah organisasi yang mendapat tempat dan perhatian Kerajaan Negeri, maka Jabatan Agama Islam Melaka telah mengadakan satu pembahagian tugas untuk melicinkan pentadbirannya dengan mewujudkan beberapa buah Bahagian dalam organisasi ini, agar dapat bergerak cergas ke arah matlamat yang telah dimeterikan di dalam dasar penubuhannya.

Di samping itu di setiap daerah di negeri Melaka didirikan sebuah Pejabat Agama Islam Daerah yang mempunyai hubungan pentadbiran secara langsung dengan MAIN dan JAIM dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam di dalam masing-masing.

5) Sehubungan dengan pembahagian tugas di dalam pentadbiran ini lah, maka wujudlah Bahagian Da'wah yang telah diamanahkan untuk memikul tanggungjawab dalam soal penyebaran da'wah Islamiah termasuklah lagi gerak cergas dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dan kegiatan berkenaan agama kepada masyarakat.

6) Hasil daripada apa yang dibincangkan di dalam Bab IV, penulis juga dapat merumuskan bahawa kebanyakkan aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Da'wah JAIM adalah berbentuk "da'wah ke dalam" di mana aktiviti-aktiviti yang dijalankan banyak difokuskan kepada golongan Islam yang ingin mempelajari dan mengikuti aktiviti-aktiviti yang berbentuk agama. Kurang terdapat usaha-usaha untuk "berda'wah ke luar" iaitu berda'wah kepada golongan yang bukan Islam. Keadaan ini berlaku disebabkan pada ketika ini JAIM hanya mampu menumpukan perhatian yang lebih kepada masyarakat Islam demi untuk mengukuhkan aqidah mereka terlebih dahulu sebelum mempertingkatkan lagi da'wah kepada golongan bukan Islam.

7) Kebanyakan pendekatan metod yang digunakan oleh JAIM adalah metod da'wah secara tradisional iaitu berda'wah melalui lisan dan tulisan. Pendekatan penggunaan metod da'wah secara moden belum begitu meluas.

an lagi. Walaubagaimana pun usaha-usaha telah diambil untuk memperkenalkan metod ini di kalangan para da'i sesuai dengan perkembangan kemajuan rains dan teknologi yang tidak bertentang dengan Islam.

8) Ternyata di sini usaha-usaha yang dijalankan oleh Bahagian Da'wah JAIM adalah baik dan patut dipuji. Kegiatan agama dilaksanakan kepada semua peringkat umur yang meliputi peringkat kanak-kanak, dewasa dan orang tua. Kegiatan dan aktivitinya juga meliputi berbagai bentuk dan pengisiannya seiring dengan matlamat da'wah Islamiah itu sendiri.

9) Wujudnya Majlis Penyelarasan Da'wah Negeri Melaka membuktikan bahawa kerjasama di antara badan-badan da'wah dan kebajikan Islam itu perlu diwujudkan untuk mengeratkan perhubungan dan persefahaman yang murni di samping merancang program da'wah Islamiah bersepadu dan menyelaraskan rancangan atau kegiatan bercorak agama di Melaka.

10) Akhir sekali dapatlah disimpulka di sini bahawa ukuran kejayaan da'wah Islamiah yang dijalankan oleh JAIM adalah bergantung kepada penyusunan strategi da'wah yang kemas berpandukan pendekatan hikmah, dedikasi dan ikhlasnya penda'wah serta perlunya kerjasama dari masyarakat untuk menjayakan aktiviti yang dianjurkan. Jika ketiga-tiga syarat ini dapat dilaksanakan maka InsyaAllah segala aktiviti tersebut mendapat taufik dan hidayah dari Allah S.W.T serta mendapat keredhaan dariNya.

B. S A R A N A N D A N C A D A N G A N.

Dalam Bab IV yang lalu penulis telah memaparkan beberapa masalah yang dihadapi oleh JAIM di dalam melaksanakan kegiatan da'wah Islamiah di negeri Melaka. Maka di sini penulis ingin memberi saranan serta cadangan sebagai langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi dan cara untuk mempertingkatkan lagi penyebaran agama Islam di negeri ini. Antara saranan dan cadangan tersebut adalah seperti berikut ;

1) Bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja atau kakitangan sebagaimana yang dihadapi oleh JAIM, penulis menyarankan agar pihak Jabatan sendiri dengan kerjasama Kerajaan Negeri mengemukakan masalah ini kepada Kerajaan Persekutuan dan merayu atau membuat desakan untuk menambah atau mengisi kakitangan yang diperlukan bagi melicinkan pentadbiran perjalanan da'wah Islamiah yang merupakan agama rasmi Malaysia . InsyaAllah niat baik kita ini akan ditunaikan jika ianya mendapat keredhaan Allah S.W.T .

2) Dalam usaha untuk menambahkan lagi tenaga penda'wah dan muballigh terutamanya di kalangan wanita, maka penulis menyarankan kepada JAIM agar menubuhkan badan da'wah sukarela yang dianggotai oleh golongan yang berminat tetapi tidak mampu menguasai bidang ini, sedangkan ia seorang yang pakar dalam bidang-bideng tertentu. Misalnya seorang sainstis yang berminat di bidang da'wah tetapi tidak mempunyai pengetahuan tentang teknik-teknik berda'wah. Melihatkan kepada keadaan i

ni, maka penulis menyarankan agar ditubuhkan pusat latihan muballigh Islam yang boleh melahirkan para pendia'wah dari berbagai bidang ilmu yang dapat membuktikan bahawa Islam itu meliputi semua bidang ilmu atau pengetahuan yang tidak bertentangan Islam.

3) Semua kakitangan JAIN dan MAIN, guru-guru agama, imam-imam dan naqib-naqib masjid di Melaka mestilah melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan da'wah Islamiah menurut kemampuan masing-masing dgn mi untuk mengurangkan masalah kekurangan penda'wah.

4) Berhubung dengan sasaran da'wah pula, penulis mencadangkan para penda'wah perlu mengikuti kursus bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Cina, India, Orang Asli dan lain-lain bahasa agar apa yang disampaikan kepada sasaran da'wah dapat difahami dan dihayati oleh sasaran da'wah yang terdiri daripada orang yang bukan keturunan Melayu dan tidak fasih berbahasa Malaysia. Penulis juga ingin mencadangkan agar saudara baru di bawah bimbingan JAIM dan PERKIM yang menguasai bahasa ibundanya dan memahami Islam diambil setagai pembantu da'i apabila ber da'wah kepada kaum sebangsa dengannya.

5) Untuk memberi kesedaran kepada kaum belia, metod lisan tidaklah mencukupi untuk membimbing mereka ke jalan yang benar. Penulis berpendapat berda'wah kepada golongan ini boleh dilakukan secara tidak langsung menerusi karya-karya cerpen, sajak serta bentuk bahan bacaan lain yang disiarkan menerusi majalah keluaran JAIM iaitu al-Mustaqim

yang diedarkan di setiap jabatan, sekolah dan di majlis-majlis yang di anjurkan oleh JAIM dan MAIM.

6) Memandangkan kepada gerakan missionari agama lain khasnya agama Kristian yang kian menular di Malaysia, maka penulis berpendapat dan menyarankan kepada JAIM tentang perlunya dipertingkat dan diperluaskan lagi "da'wah ke luar" terutamanya kepada Orang Asli yang mudah terpengaruh dengan gerakan Kristian yang menggunakan material untuk mengrik mereka kepada agama Kristian. Oleh itu para da'i mestilah mempelajari kebudayaan serta cara hidup mereka agar mereka mudah menerima dan mempercayai Islam yang disampaikan kepada mereka.

7) Bahagian Da'wah JAIM perlu memberi khidmat ukhuwwah Islamiah di hospital yang bukan sahaja memberi sumbangan berbentuk hadiah, malah khidmat yang lebih berkesan lagi perlu diberikan seperti mengazankan bayi-bayi Islam yang baru lahir, menyahadahkan orang-orang yang nazak dan memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh pihak hospital, berhubung dengan masalah yang dihadapi dan perlu kepada penyelesaian menurut Islam. Jururawat-jururawat hospital yang beragama Islam juga perlu diberi bimbingan agama untuk melahirkan jururawat Islam yang berwibawa dan dapat berbakti kepada Islam dan masyarakat melalui perkhidmatan perubatan.

8) Dalam menjalankan kegiatan da'wah, perhatian dan penekanan perlu diberikan kepada kakitangan-kakitangan atasan atau yang berjawa-

tan tinggi. Golongan ini merupakan individu yang mempunyai otoriti dalam pentadbiran sesebuah organisasi. Ini tertepatan dengan apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w yang menjalankan da'wah kepada pemerintah atau raja sesebuah negara terlebih dahulu sebelum berda'wah kepada rakyatnya yang setia kepada pemerintah.

9) Perlu diadakan sebuah bangunan yang khusus untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Melaka. Tidaklah seperti apa yang wujud sekarang di mana Pejabat Pentadbiran JAIM berasingan dengan Pejabat Pentadbiran MAIM.

10) Sekiranya Kerajaan Negeri atau JAIM menghadapi masalah kewangan untuk memperluaskan lagi syiar Islam, adalah dicadangkan supaya meminta atau memohon bantuan kewangan dari negara Islam seperti Arab Saudi dan Kuwait. Penulis yakin negara tersebut tidak keberatan untuk membantu kerana mereka sering menghulur bantuan projek-projek atau program keagamaan di Malaysia.

Demikianlah saranan-saranan yang dapat penulis utarakan sebagai sahaham kepada kemajuan da'wah Islamiah di negeri Melaka ini. Penulis berharap ianya dapat dipertimbangkan demi kebaikan Islam.

C. P E N U T U P.

Sebagaimana yang telah penulis nyatakan bahawa segala saranan dan cadangan yang penulis kemukakan dalam Latihan Ilmiah ini adalah ter tumpukan kepada kesedaran sebagai seorang Islam yang bertanggungjawab untuk meluas dan mempertahankan keutuhan syiar Islam. Segala saran an dan cadangan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada fikiran terbuka dan hati yang ikhlas tanpa adanya prajudis.

Penulis sendiri mengakui bahawa terdapat di antara saranan dan cadangan tersebut agak rumit dan perlu kepada masa yang panjang untuk melaksanakannya. Walaubagaimana pun usaha yang gigih serta do'a adalah perlu agar usaha yang murni ini berjaya. Perlu juga diketahui bahawa sg suatu kejayaan itu boleh menjadi kenyataan mutlak semuanya setiap indi vidu dan pihak yang terbabit mempunyai kesedaran serta pertanyaan yang bersungguh-sungguh untuk menegakkan keutuhan Islam di bumi Allah ini.

Memandangkan pengalaman ini merupakan pengalaman pertama penulis membuat kajian ilmiah ini tagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, maka penulis mengakui bahawa kajian ini masih banyak mempunyai kekurangan dan kelemahannya. Walaubagaimana pun penulis ter-harap kajian yang tidak sempurna ini boleh juga dijadikan lantar. atau pedoman kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk merujuk seterus nya menyempurnakan lagi kajian di bidang da'wah ini.

Akhirnya marilah kita sama-sama berdo'a kehadrat Ilahi supaya dicurahkan rahmat dan hidayahNya agar segala apa yang kita impikan dan usaha untuk menerukan kerja-kerja Islam yang suci ini menjadi kenyataan. Semuga Allah S.W.T merestuinya dan berkekalan hingga ke akhir zaman. Amin.

S E K I A N

BIBLIOGRAFI



B I B L I O G R A F I

Al-Qur'an al-Karim

Abdullah Basmeih, Syeikh, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an, Kuala Lumpur : Pahagian Agama Jabatan Pedana Menteri, 1380.

B U K U - B U K U B A H A S A A R A B

Abu Zahrah, Muhammad, al-Da'wah ila al-Islam, Dar al-Fikr al-Arabi, t.t .

Al-Adawi, Muhammad Ahmad, Da'wah ar-Rasul ila Allah, Misr : Mustafa al-Bahi al-Halabi wa Auladih, 1935.

Al-Aluri, Adam Abdullah, Tarikh al-Da'wah al-Islamiah, Beirut : Dar Maktabah al-Hayah, 1967.

Al-Bustani, Butras, Kitab Muhit al-Muhit, Beirut : Maktabah Lubnani, Jilid I, 1386H/1970M.

Al-Ghazzali, Muhammad, Ma'a Allah, Misr : Dar Kutub al-Hadithah, 1965.

Al-Khuli, al-Bahi, Tadhkirah al-Du'ah, Beirut : Dar al-Qalam, cetakan V, 1977.

Al-Razi, Fakhru, Tafsir al-Kabir lil Imam al-Fakhru ar-Razi, Tehran : Darul Kutub al-Ilmiah, juz. 8, cetakan II, t.t .

Al-Tarmidzi, Sunan al-Tarmidzi, Matabi' al-Fajr al-Hadithah, Hims, 1967.

Badawash, Ahmad (Dr.), al-Da'wah al-Islamiah, al-Qahirah : Dar al-Khitab al Misr, t.t .

Hanfuz, Sheikh Ali, Hidayah al-Mursyidin ila al-Tariqi al-Waaz wal Khatabah, Misr : Matba'an al-Uthmaniah Qahirah, cetakan VI, 1958.

Kaufal, Abu al-Majd al-Saiyyid (Dr.), al-Da'wah ila Allah Ta'ala, al-Fujalah : Matba'ah al-Hadariah al-'Arabiyyah, 1977.

Zaidan, Abdul Karim (Dr.), Usul al-Da'wah , Jam'yyah al-Amani, cetakan III, 1976.

B U K U - B U K U B A H A S A M A L A Y S I A

Abdul Karim Zaidan, (Dr.), Usul al-Da'wah (Dasar-dasar Ilmu Da'wah II), Terjemahan ; H.M.Asywardi Syukur Lc, Kuala Lumpur : Pustaka al-Ameen, cetakan 1984.

Amal Haji Mhd.Zain, Bimbingan Berda'wah Masa Kini, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, cetakan I, 1984.

Amdun Husain, Kamus Pelajar Bahasa Malaysia, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Cetakan IV, 1989.

Buyung bin Adil (Haji),Sejarah Melaka Dalam Zaman Kerajaan Melayu, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan I, 1973.

HAMKA (Dr.), Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam, Jakarta : UMMINDA, cetakan I, 1982.

Imam Barnadib,(Prof.), Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP - IKP, 1982.

Koentjaraningrat, Metode-metode Penelitian Masyarakat, Jakarta : P.T. Gramedia, 1977.

M.Natsir, Fiqhul Da'wah, Singapura : Pustaka National, cetakan II, 1982.

Nasruddin Razak (Drs.), Dinul Islam, Bandung : al-Ma'arif, cetakan II, 1977.

Noor S.M. dan Ma'arof Saad, Pengerak - Rahim Tamtychik (Antara Impian dan Kenyataan), Melaka : Taming Sari Enterprise, cetakan I , 1988.

Penyurah-penyurah dari Indonesia, Lingkat Islamiah, Terengganu : Yayasan Terengganu, cetakan I, 1985.

S.Hadibroto (Prof.Dr.), Metoo Research, Indonesia : Fakultas Ekonomi Universiti Sumatera Utara, 1981.

Sidi Gazalba (Dr.), Masyarakat Islam, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1976.

Teuku Iskandar (Dr.), Kamus Dewan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , cetakan II, 1984.

Wan Hussein Azmi (Dato'), Panduan Dakwah Islamiah, Kuala Lumpur : Dewan dan Pustaka, cetakan I, 1988.

Winarno Surachmad (Dr.), Dasar dan Teknik Research (Pengantar Metodologi Ilmiah), Bandung : C.V.Tarsito, cetakan V, 1970.

Zainal Abidin Abd.Wahid (Prof. Datuk), Sejaran Malaysia Sepintas Lalu , Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka, cetakan I, 1971.

Zaitun Hanum, Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia, Singapura : Times Books International, cetakan II, 1989.

B U K U B A H A S A I N G G E R I S

M.Canard, Encyclopedia of Islam, New Edition, Leiden : E.J. brill, vol. II, 1965.

T E S I S / D I S E R T A S I

Abd.Halim bin Haji Nat Diah (Dr), Filsafat Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia, Disertasi Doktor, I.A.I.N Sunan Kalijaga Yogyakarta, 1987.

Muhammad Shaid bin Muhammad Taufek, Ugama Islam dan Kepercayaan di Negeri Melaka : Jabatan Agama, Organisasi dan Fungsinya, Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lum

Penyarah-penyarah cari Indonesia, Lingkaran Islamiah, Terengganu : Yayasan Terengganu, cetakan I, 1985.

S.Hadibroto (Prof.Dr.), Metoo Research, Indonesia : Fakultas Ekonomi Universiti Sumatera Utara, 1981.

Sidi Gazalba (Dr.), Masyarakat Islam, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1976.

Teuku Iskandar (Dr.), Kamus Dewan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , cetakan II, 1984.

Wan Hussein Azmi (Dato'), Panduan Dakwah Islamiah, Kuala Lumpur : Dewan dan Pustaka, cetakan I, 1988.

Winarno Surachmad (Dr.), Dasar dan Teknik Research (Pengantar Metodologi Ilmiah), Bandung : C.V.Tarsito, cetakan V, 1970.

Zainal Abidin Abd.Wahid (Prof. Datuk), Sejarah Malaysia Sepintas Lalu , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan I, 1971.

Zaiton Hanum, Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia, Singapura : Times Books International, cetakan II, 1989.

B U K U B A H A S A I N G G E R I S

M.Canard, Encyclopedia of Islam, New Edition, Leiden : B.J. Brill, vol. II, 1965.

T E S I S / D I S E R T A S I

Abd.Halim bin Haji Mat Diah (Dr), Filsafat Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia, Disertasi Doktor, I.A.I.N Sunan Kalijaga Yogyakarta, 1987.

Muhammad Shaid bin Muhammad Taufek, Ugama Islam dan Kepercayaan di Negeri Melaka : Jabatan Agama, Organisasi dan Fungsinya, Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, sesi 1969/70.

K E R I A S K E R J A

Rahmat bin Saripan, Sejarah Pembukaan Negeri Melaka, Melaka : Seminar Sejarah Melaka, 1976.

Dato' Hj. Muhammad Yunus bin Hj. Md. Yatim, Perkembangan Agama Islam di Melaka, Bengkel Kepimpinan dan Pengajian Kebudayaan Negeri Melaka, 1981.

Yahya Abu Bakar, Kemasukan Islam Ke Melaka dan Penyebarannya, Melaka : Seminar Sejarah Melaka, 1976.

J O U R N A L

Nasir Usman (Dr.), Melaka Pusat Perkembangan Islam di Tenggara Asia, Jurnal Sejarah Melayu, bil. 1, Jun 1976.

A K H B A R

Puan Ros Fadir Mohammad, Berita Harian : "Pelbagai Usaha Dilakukan Untuk Kemajuan Agama Islam" (Keluaran Khas Sempena Hari Jadi Yang Dipertua Negeri Melaka), Julai 1985.

Abdul Aziz Malim, Melaka Terus Maju, Malaysia : Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan, Febuari 1982.

Nasir Ahmad, "Kongres Umat Islam Mundur Akan Diseminarkan", Suara Melaka, Melaka : Kerajaan Negeri Melaka, Keluaran 34, Jun 1980.

_____, Pembangunan Negeri Melaka Sepintas Lalu, Melaka : Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan, 1983.

L A I N - L A I N D O K U M E N

Enakmen Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, 1959.

Fail Laporan Bahagian Da' ah Jabatan Agama Islam Melaka.

Fail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam Melaka.

Fail Penerangan Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam Melaka.

Fail Penerangan Kursus Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam Melaka.

Perlembagaan Negeri Melaka 1962.

Perlembagaan Persekutuan 1962.

****



LAMPIRAN



LAMPIRAN A


DYMM YANG DIPERTUAN AGONG
KETUA MENTERI
MUFTI
JAWATANKUASA
FATWA
M A J L I S
M A H K A M A H
SYARIAH
L U K M A L
P E N G A R A H J A I M
BAHAGIAN
PENDIDIKAN & PELAJARAN
BAHAGIAN
PENT. UNDANG-UNDANG SYARIAH
BAHAGIAN
PENTADBIRAN & KEWANGAN
BAHAGIAN
DA'WAH
BAHAGIAN
PENGUATKUASA
BAHAGIAN
PENYELIDIKAN
PEGAWAI AGAMA DAERAH
MELAKA TENGAH
PEGAWAI AGAMA DAERAH
ALOR GAJAH
PEGAWAI AGAMA DAERAH
JASIN

LAMPIRAN B



CARTA ORGANISASI BAHAGIAN DA'WAH JABATAN AGAMA ISLAM MELKA

LAMPIRAN C (1)

CARTA ORGANISASI / TUGAS BAHAGIAN DAKWAH
JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA



DAKWAH

1. Dakwah Khas
2. Dakwah Umum
3. Kelas Al-Quran /Ceramah Masjid/ Madrasah
4. Kursus Pendakwah
5. Tauliah Mengajar Agama
6. Penyerasan Badan Dakwah

HAL EHWAL ISLAM

1. Lantikan Pengerusi Jawatankuasa Masjid & Madrasah serta Tauliah
2. Arah Kiblat
3. Pendaftaran
4. Sempadan Kariah
5. Merasmikan Masjid / Madrasah

Lain-lain

1. Balai Islam
2. Khutbah /Majallah /Seruan
3. Tanah Perkuburan

PENKHIDMATAN

1. Kebajikan Anak Yatim / Saudara Kita/ Orang Asli/Fisabilillah
2. Khidmat Islam di Hospital
3. Rumah Kebajikan / Akhlak/Pusat Pemulihan
4. Pekerja-pekerja Kilang/Asrama/ Kelab
5. Pusat Penempatan Banjir/ Kebakaran/ Trajedi

PERAYAAN AGAMA

1. Maal Hijrah
2. Tilawah Al-Quran
3. Maulidur Rasul
4. Ihya' Ramadhan

Lain-lain

1. Pengurusan Jenazah /Kursus
2. Kebenaran Memungut Derma

LAMPIRAN C(II)

SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU PENGARAH (DA'WAH) A 12

1. Bertanggungjawab mengetuai Bahagian Da'wah dan menyelaraskan kegiatan unit-unitnya.

2. Bertanggungjawab mengetuai perancangan pelaksanaan program-program Da'wah dan Ukhuwwah.

3. Bertanggungjawab mengkaji dan mengemaskinikan skop dan kandungan ceramah, kuliah, kursus, seminar dan yang seumpamanya.

4. Bertanggungjawab ke atas kelicinan dan peningkatan perjalanan dan pengurusan program-program Da'wah, Kelas-kelas Bimbingan, Masjid dan Surau-surau.

5. Lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.

****

.....2/-

SENARAI TUGAS PEGAWAI DA'WAH
A.12

1. Bertanggungjawab mengetuai Unit Da'wah

2. Bertanggungjawab merancang Strategi dan melaksanakan program Da'wah :
   - Da'wah Khas (kepada sasaran tertentu)
   - Da'wah Umum (Masjid, Madrasah, Jabatan)
   - Mengimarahkan Masjid
   - Mengatur dan menyelenggarakan kursus Da'wah
   - Menyelaras Badan-badan Da'wah yang ada di Negeri Melaka (seluruhnya)
   - Proses Pengeluaran Surat Kuasa yang berkaitan tentang kegiatan keagamaan.

3. Bertanggungjawab dalam hal-hal penerbitan/penerangan
   - Menerbitkan Majallah/Risallah/Khutbah
   - Sebaran dan rakaman untuk tujuan penerangan
   - Menyediakan ucapan-ucapan rasmi.

4. Bertanggungjawab dalam urusan Hal Ehwal Masjid/Madrasah
   - Perlanan kelas Pengajian Al-Qur'an dan Fardhu 'Ain seluruh Negeri Melaka
   - Perlantikan Pegawai Syarak
   - Perlantikan Jawatankuasa Masjid
   - Pendaftaran Masjid/Madrasah
   - Tauliah Pegawai Masjid/Mengajar
   - Perasmian Masjid/Madrasah

5. Bertanggungjawab dalam proses pembinaan Masjid/Madrasah
   - Penentuan Tapak

.....3/-

- Arah Kiblat
- Sempadan Kariah
- Bantuan kiranya ada.

f. Pengurusan Tanah Perkuburan Islam

g. Pengurusan Balai Islam

h. Hal-hal lain seperti yang dimaklumkan.

.....

.....4/-

PEGAWAI UKHUWWAH (B.11)

1. Bertanggungjawab mengetuai Unit Da'wah

2. Bertanggungjawab memberi khidmat Kebajikan Islam kepada :

   - Anak Yatim
   - Saudara kita/Orang Asli
   - Fisabilillah
   - Hospital
   - Rumah Kebajikan
   - Sekolah-sekolah Akhlak
   - Pusat Pemulihan
   - Asrama Anak-anak Yatim
   - Asrama Pekerja Kilang

3. Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program-program perayaan Agama :

   - Maal Hijrah
   - Sivik & Ihya' Ramadhan
   - Maulidur Rasul
   - Tilawatul Al-Qur'an

4. Bertanggungjawab terhadap pendaftaran anudara baru dan pengawasan sebulan terhadapnya.

.....5/-

5. Bertanggungjawab terhadap permohonan kutipan derma dan khairat.

6. Bertanggungjawab mengatur kursus :

- Kursus Jenazah
- Kursus Belia
- Pekerja-pekerja Kilang
- Rumah Kebajikan/Pusat Pemulihan
- Sekolah-sekolah Akhlak

7. Bertanggungjawab dalam pengurusan jenazah yang tidak berwaris.

8. Bertanggungjawab dalam pengurusan hal-hal yang ada kaitannya dengan Masjid Negeri.

9. Hal-hal lain seperti yang diarahkan.

****

...../-

PEGAWAI KERANI (C.11)

1. Bertanggungjawab membuka, mendaftar, mengedar dan menanda perjalanan fail-fail Bahagian Da'wah.

2. Bertanggungjawab dalam pengurusan surat menyurat :
   - Permohonan Ceramah
   - Sambutan dan perayaan Agama di peringkat Negeri
   - Mendirikan Masjid/Madrasah
   - Penentuan Arah Kiblat
   - Sempadan serta tanah-tanah perkuburan dan wakaf tanah
   - Kelas, Ceramah dan aktiviti-aktiviti agama
   - Pungutan derma
   - Menjawab surat-surat yang mudah

3. Bertanggungjawab mengemaskinikan rekod-rekod pendaftaran Masjid / Madrasah.

4. Menyediakan maklumat-maklumat dan data-data perancangan bagi setiap aktiviti Da'wah.

5. Mengemukakan surat-surat perlantikan /Tauliah :
   - Jawatankuasa Masjid/Madrasah
   - Tauliah

6. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

****

.....7/-

KERANI RENDAH (D.11)

1. Bertanggungjawab dalam pengedaran ;
   - Khutbah Hariraya/Jumaat
   - Risallah
   - Majallah
   - Sebaran-sebaran Bahagian Da'wah.

2. Bertanggungjawab dalam pendaftaran saudara-saudara baru.

3. Menyeloggara rekod-rekod ;
   - Saudara-saudara baru
   - Tauliah Pegawai Syarak
   - Tauliah Jawatankuasa Masjid/Madrasah
   - Ketenaran memungut derma
   - Lain-lain rekod yang difikirkan perlu.

4. Membantu Pegawai Kerani apabila bercuti.

5. Lain-lain yang diarahkan.

****

.....8/-

SENARAI TUGAS PEMBANTU PEKERJA PEJABAT
(DA'WAH) D 28

1. Membuka dan menutup (mengunci) pejabat (Unit Da'wah) pada tiap tiap hari bekerja.

2. Membuat kerja-kerja mencetak pendua stensil.

3. Mengedar dan membahagikan fail kepada pegawai-pegawai.

4. Menghantar surat ke pejabat-pejabat yang lain.

5. Membuat salinan-salinan fotostat.

6. Membuat semula sampul surat terpakai untuk tujuan penjimatan kos.

7. Menghantar surat-surat ke Pejabat Pos pada tiap-tiap petang.

8. Menyimpan dan mencari fail seperti diarahkan.

9. Membersihkan meja-meja, kerusi-kerusi dan segala kelengkapan pejabat.

10. Melakari dan mengecap sampul-sampul surat atau bungkusan.

11. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Unit dari masa ke semasa.

****

.....9/-

SENARAI TUGAS PEMANDU

1. Memandu kenderaan.

2. Bertanggungjawab menjaga dan membersihkan kenderaan supaya sentiasa berada di dalam keadaan baik dan bersih.

3. Menyimpan dan mencatitkan buku catitan kenderaan.

4. Melaporkan tentang kerosakan atau keperluan-keperluan kenderaan.

5. Membantu tugas pembantu pekerja pejabat dalam membuat semula sampul surat terpakai.

6. Membantu mengedarkan penerbitan-penerbitan Jabatan.

7. Lain-lain tugas yang diarah oleh Ketua Unit dari masa ke semasa.

****

.....10/-

SENARAI TUGAS JURUTAIP (BAHAGIAN DA'WAH)
D 11

1. Menaip semua draft surat-surat rasmi, siaran, laporan dan lain-lain urusan taip menaip yang diarahkan.

2. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua-ketua Bahagian.

****

(KES-KES RUMAHTANGGA YANG SERING DIAJUKAN KE MAHKAMAH SYARIAH)

LAMPIRAN D .

MUQADIMAH

Tidak seorang pun yang mendirikan rumahtangga mahukan masalah demi masalah timbul dalam kehidupan mereka. Apatah lagi masalah yang tidak mampu diatasi secara bersendirian yang memerlukan orang lain menyelesaikannya. Tetapi telah menjadi asam garam hidup berumahtangga, mereka terpaksa melalui liku-liku ini yang juga merupakan ujian dari Allah swt., untuk hambaNya. Sungguhpun begitu, menjadi tanggungjawab pula bagi setiap pasangan cuba mengelakkan dari berlakunya masalah-masalah jika ianya berpunca dari diri sendiri atau orang lain dan sedaya upaya pula cuba menyelesaikan dengan cara penuh bijaksana.

I. MASALAH UTAMA RUMAHTANGGA

Di antara masalah-masalah tersebut ialah:

A. MASALAH EKONOMI

Perkara yang sering diadukan dalam hal ini ialah:

(i) Suami tidak mampu memberi nafkah yang mencukupi;

(ii) Suami yang sengaja cuai menyediakan nafkah yang mencukupi;

(iii) Suami yang memeras harta isteri; dan

(iv) Jika kedua-dua suami isteri bekerja, terdapat pula sikap berkira di antara keduanya dalam menguruskan ekonomi rumahtangga.

* Mengapa soal-soal di atas boleh berlaku:?

Kebanyakan masalah yang tersebut di atas adalah berpunca dari:

(a) Suami

(i) Tidak mempunyai pekerjaan tetap yang boleh menampung perbelanjaan keluarga dan kurang persediaan dari sudut ekonomi sebelum mendirikan rumahtangga;

(ii) Tiada perancangan yang teliti dalam pengurusan ekonomi rumahtangga. [illegible] itu [illegible] [illegible], [illegible] barang-barang yang [illegible] (bukan asasi) dalam rumahtangga.

(b) Isteri

(iii) Sikap isteri yang meminta-minta dalam melengkapkan keperluan hidup [illegible] mengira kemampuan suami, dan

(iv) Ingin bersaing dengan jiran, bermewah-mewah, berbangga-bangga dalam [illegible] sehatan tanpa memikirkan kemampuan kewangan.

B. MASALAH SOSIAL

Perkara yang berkaitan dengan hal ini antaranya ialah:

(a) Suami @ Isteri

(i) Gagal mengujudkan hubungan yang mesra dan harmoni antara mereka berdua;

(ii) Gagal mengujudkan kemesraan bersama anak-anak. Lantaran itu berlakulah pengabaian terhadap tanggung-jawab mereka;

(iii) Terlalu bebas bergaul dengan perempuan-perempuan/lelaki-lelaki lain tanpa mengira perasaan masing-masing dan batas-batas hukum agama;

(iv) Sifat terlalu cemburu tanpa usul periksa;

(v) Suka berfoya-foya dengan perempuan/lelaki lain;

(vi) Gagal mewujudkan perhubungan yang baik dengan jiran-jiran dan masyarakat setempat;

(vii) Enggan menghormati mertua, ipar duai dan lain-lain; dan

(viii) Melebihkan pihak keluarga sendiri (ibubapa/adik beradik) dari kepentingan rumahtangga sendiri dalam banyak hal.

(b) Suami

(ix) Sering mabuk dan berjudi; dan

(x) Memaksa isteri melacurkan diri untuk mendapatkan wang.

Mengapa semuanya ini boleh berlaku?

Kebanyakan perkara-perkara yang dinyatakan di atas adalah berpunca dari:

(i) Kurang pengetahuan keagamaan khususnya ilmu yang berkaitan dengan perkahwinan, arahan-arahan dan larangan-larangan yang berkaitan dengannya;

(ii) Kurang pengetahuan tentang ilmu-ilmu yang berkaitan dengan jiwa (psikoloji), ilmu-ilmu cara berkomunikasi dengan baik dan berkesan antara suami isteri, anak-anak dan lainnya;

(iii) Perbezaan didikan dalam rumahtangga seperti:

(a) Isteri berpendidikan agama sedangkan suami sebaliknya;

(b) Isteri hidup dalam [illegible], dimanjakan selalu oleh keluarga sebelum mendirikan rumahtangga;

(iv) Perbezaan taraf hidup seperti:

(a) Seorang lelaki dari golongan berada berkahwin dengan seorang perempuan dari golongan kebanyakan. Bila ia membawa isteringa tinggal bercampur dengan keluarganya yang memandang darjat dan keturunan akan memandang rendah kepada isteri, tadi yang menyebabkan ia merasa terhina dan menderita; dan

A. RUNDINGCARA CARA TRADISIONAL

Dalam masyarakat Islam tradisional, terutama di desa-desa, mereka lebih berhati-hati dalam memelihara dan mengekalkan rumahtangga sesebuah keluarga. Mereka lebih menekankan kepada semangat muafakat dan tali persaudaraan dan setiap persoalan yang berhubung dengan kekeluargaan, mereka membawa kepada perundingan. Antara perkara yang termasuk dalam perundingan ini ialah:

(i) Ketika seseorang gadis dipinang, semua keluarga diajak berbincang dan bermuafakat untuk menimbang kelayakan calun suaminya, maharnya dan seterusnya tentang pengurusan kenduri kendara perkahwinan;

(ii) Selepas pasangan tersebut berkahwin, biasanya kedua-dua mempelai tersebut sentiasa dinasihati dan diberi tunjuk ajar oleh saudara mara yang lebih tua dan berpengalaman; dan

(iii) Jika berlaku perbalahan, maka saudara mara yang terdekat cuba meleraikannya.

Hanya begitu, suasana seperti ini masih diamalkan disetengah-setengah tempat kerana ia banyak mendatangkan faedah, tetapi disebabkan arus perodaran zaman, maka kedapatan perundingan seperti ini telah mulai dilupakan.

B. RUNDINGCARA PERKAHWINAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, berikut ialah peringkat-peringkat rundingcara dalam bidang kekeluargaan yang telah diamalkan iaitu:

I. Rundingcara pra perkahwinan

Apa yang dimaksudkan dengan rundingcara ini ialah rundingcara yang dilakukan sebelum seseorang dara atau teruna mempastikan calun pasangannya dan perkara selepas dari itu iaitu:

(a) Islam telah menentukan ciri-ciri yang mesti dituruti dan dijauhi dalam memilih pasangan hidup seperti menggalakkan memilih calun yang [illegible] dan menjauhi calun isteri yang jelita, tetapi ia menjadi punca kejahatan dan sebagainya;

(b) Islam menganjurkan supaya melihat calun pasangan masing-masing dengan penuh adab seperti yang digariskan oleh syari' dengan tujuan untuk menguatkan ikatan perkahwinan; dan

(c) Selepas akad nikah diadakan khutbah nikah bagi menjelaskan lagi tujuan dan tanggungjawab suami istori.

Rundingcara peringkat awal ini lebih menekankan kepada tunjuk ajar, penerangan dan perbincangan.

II. Rundingcara apabila berlaku masalah rumahtangga

Dalam hidup berumahtangga, kadang kala suami isteri tidak dapat mengelakkan daripada berlakunya masalah. Di antaranya ialah berlaku 'Nushuz' iaitu keadaan isteri enggan menunaikan kewajibannya sebagaimana yang dituntut oleh syara'.

* Jika seorang isteri enggan taat kepada suaminya, maka langkah-langkah berikut harus dilakukan iaitu:

(a) Suami menasihatinya;

(b) Jika nushuznya berterusan walaupun telah dinasihati, maka suami boleh meninggalkan seketiduran dengan isteri; dan

(c) Jika engkar juga, maka pihak suami boleh memukul isterinya dengan pukulan sekadar mengajar dan bukan pada tempat yang sensitif seperti di muka.

* Sebaliknya jika pihak suami yang mula menjauhkan diri dari isteri maka isteri hendaklah:

(a) Menggunakan kebijaksanaan yang ada padanya seperti menghias diri supaya suami minat kembali kepadanya dan sebagainya, kerana isteri lebih faham apa yang disukai suami dan apa yang tidak disukainya, buatlah apa-apa yang boleh menarik hati suami dengan memuliakan peranannya yang tersendiri;

(b) Jika tidak berupaya juga, bolehlah meminta nasihat dari kedua ibu bapa;

(c) Jika tidak berupaya mintalah nasihat kepada Tuan Imam di-qariah masing-masing; atau

(d) Jika tidak berjaya juga bolehlah meminta nasihat kepada Unit Khidmat Nasihat (Tuan Kadi Daerah)* untuk mendapatkan nasihat dan pandangan. Seterusnya pihak Kadi akan mengambil tindakan sewajarnya sepertimana peraturan yang ditetapkan oleh Islam;

* Nushuz boleh sampai ke peringkat yang lebih ketara lagi yang dikenali sebagai 'Shiqaq' di mana boleh berlaku apabila:

(a) Keadaan selisih faham kian meruncing atau pihak isteri terlalu membenci suaminya sehingga ia menuntut 'Khulu';

(b) Sikap isteri sendiri atau sikap suami yang kejam yang sentiasa menggunakan kekasaran ke atas istori dengan kata-kata kesat dan merakul yang melampaui batas.

Apabila Nusyuz telah sampai ke peringkat Shiqaq tadi, maka satu usaha pendamai yang dikenali sebagai Hakam telah dianjurkan oleh Islam. Islam menganjurkan supaya melantik seorang Hakam mewakili pihak suami dan seorang hakam mewakili pihak isteri.

Pada peringkat ini, rundingcara perlu dilaksanakan secara penyertaan langsung terhadap masalah yang dihadapi, wakil dari kedua-dua pihak: ini diputuskan oleh Mahkamah, supaya hakam-hakam itu berperanan seperti orang tengah yang ingin mencari perdamaian. Hakam-hakam ini boleh di-gantikan, jika hakam-hakam terdahulu gagal.

III. Rundingcara bagi pasangan yang telah lama berkahwin

Terdapat dua keadaan bagi pasangan yang telah lama berkahwin iaitu:

(i) Pasangan yang masih saling sayang menyayangi, malahan hubungan menjadi lebih utama apabila semakin lama usia perkahwinan (kerana peringkat ini kedua-duanya saling perlu memerlukan); dan

(ii) Pasangan yang semakin pudar kemesraan dan kasih sayang antara kedunya apabila semakin lama usia perkahwinan dan bilangannya tidak begitu ramai terjadi;.

Dalam keadaan seperti ini, rundingcara yang mesti dilakukan ialah:

(i) Memperhebatkan lagi ikatan suami istori;

(ii) Memberi panduan untuk mengatur program kehidupan demi untuk mengelakkan rasa bosan dan kesunyian; dan

(iii) Jika masalah yang timbul serious, maka masalah tersebut perlu diatasi segera dengan merujuk kepada mereka yang mempunyai kepakaran dalam hal tersebut.

PENUTUP

Masalah-masalah yang dibentangkan di atas, adalah merupakan sebahagian sahaja daripada masalah-masalah yang sering dihadapi dalam kehidupan sesebuah keluarga. Di samping itu, terdapat banyak lagi masalah lain yang mungkin boleh berlaku, tetapi menjadi kewajipan pula kepada kita supaya menerima peristiwa tersebut sebagai pedoman dan pengajaran untuk kita mencipta hidup berumahtangga mengikut kaedah dan peraturan Allah s.w.t. Insyaallah segala masalah yang dihadapi itu akan diselesaikan dengan tenang, sabar dan penuh penghayatan kepada pertolongan Allah di samping kebijaksanaan kita.

FALSAFAH PERKAHWINAN MENURUT ISLAM

I. PERKAHWINAN SEBAGAI 'SUNNAH PARA RASUL'

Menurut Imam Al Bajuri dalam kitab Mughny al Muhtaj "Adapun nikah telah disyariatkan dari zaman Adam hinggalah kepada Muhammad s.a.w. Semua para Nabi dilahirkan hasil dari pernikahan".

Dalam hadith Rasulullah s.a.w. bersabda:

(i) "Empat perkara yang menjadi sunnah para rasul:

Malu, memakai bau-bauan (wangi), bersugi dan bernikah;"

(ii) "Pernikahan itu adalah sunnahku, sesiapa yang tidak suka mengikut sunnahku (perjalananku) bukanlah dari golonganku."

II. PERKAHWINAN SEBAGAI SUATU "AMANAH"

Agama Islam memandang perkahwinan sebagai suatu amanah dan tanggungjawab yang mesti dipikul dengan penuh taqwa kepada Allah s.w.t.

(i) Dalam Al Quran Allah berfirman yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya kamu bersekodudukan dengan penuh mesra dengan perempuan (yang dikahwini) dan dengan itu kamu telah mengambil dan memoterikan suatu perjanjian yang amat berat."
(Surah

(ii) Dalam hadith Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Kamu telah mengambil mereka itu sebagai isterimu dengan amanah Allah dan kamu menikmati mereka dengan kalimat Allah."

.../2

III. PERKAHWINAN MENURUT IMAM AL GHAZALI

Menurut Iman Al Ghazali, perkahwinan mempunyai tujuan tertentu iaitu:

(i) Untuk mendapatkan keturunan;

(ii) Memenuhi naluri semula jadi manusia;

(iii) Membentuk satu rumahtangga serta mentadbirkannya dengan sempurna;

(iv) Mempatkan silaturrahim antara dua pihak serta meramaikan keluarga;

(v) Menunaikan tanggungjawab/kewajipan dengan penuh kesabaran.

IV. PERINGKAT UMUR BERUMAHTANGGA

Menurut pendapat ilmu jiwa, umur yang baik untuk bernikah ialah:

(i) Lelaki: Setelah berumur 25 tahun, iaitu menepati dengan umur Baginda Rasulullah s.a.w. semasa berkahwin dengan Saiyidatina Khatijah a.s.;

(ii) Perempuan: Ialah dalam lingkongan 20an;

(iii) Jarak umur pula, biarlah lelaki lebih tua dari pihak perempuan antara 5 hingga 7 tahun.

V. KEPERLUAN ASAS

Empat faktor utama yang perlu diperhatikan bagi seseorang yang ingin mendirikan rumahtangga iaitu:

(i) Pengetahuan keagamaan

Bagi seseorang yang ingin mendirikan rumahtangga mestilah telah melengkapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu asas agama yang kukuh. Seperti ilmu aqidah, ilmu feqah dan ilmu akhlak atau tasawuf di samping ilmu-ilmu lain;

(ii) Kematangan berfikir

Kematangan berfikir dapat dikesan melalui cara seseorang itu berfikir, berceakap dan bertindak. Juga telah bersedia untuk berkongsi hidup dengan orang lain dan lebih banyak memberi dari meminta serta dapat bertindak bebas dari pengaruh keluarga;

(iii) Kesihatan tubuh badan

Pasangan-pasangan yang hendak berumkah mestilah benar-benar sihat, tidak menghadapi penyakit seperti siplis, aids, kusta dan sebagainya atau penyakit keturunan seperti gila dan lain-lain. Jika terdapat tanda-tanda penyakit tersebut, maka hendaklah berjumpa doktor dan menyelesaikan-nya sebelum berumahtangga;

(iv) Kemampuan

Hal ini lebih banyak bergantung kepada pihak lelaki kerana beliaulah yang bertanggungjawab terhadap segala keperluan dalam rumahtangga seperti keperluan kewangan, tempat tinggal, kesihatan, jaminan keselamatan dan sebagainya.

VI. ASAS PERKAHWINAN

Perkahwinan mestilah diasaskan kepada tiga dasar yang kukuh iaitu:

(i) Rasa taqwa kepada Allah s.w.t.

Iaitu menyedari bahawa perkahwinan itu merupakan ibadah dan sunnah Rasulullah s.a.w. sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud:

"Pernikahan itu adalah sunnahku, sesiapa yang tidak suka mengikut sunnahku (perjalananku) bukanlah dari golongan umatku".

(ii) Kasih Sayang (Al Mawaddah Wa-Rahmah)

Iaitu menyedari bahawa tanpa kasih sayang dan kasih mengasihi sesebuah rumahtangga akan hancur dan kebahagiaan akan menjadi impian semata-mata serta rumahtangga akan menjadi porak-peranda. Tuntutan ini dijelaskan sebagaimana firman Allah s.w.t.

"Di antara tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah, Ia menciptа untuk kamu istori dari jenis kamu supaya bersungguh-sungguh dengannya. Dan dikurniakan pula kepada kamu berkasih sayang dan kasih mengasihi sesama kamu. Yang demikian itu menjadi bukti bagi orang-orang yang berfikir". (Surah Ar Rum: 21).

(iii) Pergaulan dan hidup bersama secara baik dan diredhai Allah (Al Muasyarah bil makruf)

Iaitu melaksanakan kehidupan dalam ketaatan kepada Allah dengan melakukan kebaikan di samping menjauhi larangan-larangan, kemungkaran dan kemaksiatan, penganiayaan dan kezaliman. Ini dijelaskan sendiri oleh Baginda s.a.w. sebagaimana sabdanya yang bermaksud:

- "Bergaullah kamu dengan isteri-istori kamu secara pergaulan yang baik dan diredhai Allah;" An. Nisa' 19.

- "Dari sifat-sifat yang boleh menjadikan seseorang itu sempurna imannya ialah orang yang berakhlak mulia, berlemah lembut dengan ahlinya;"

- "Sebaik-baik kamu orang yang baik kepada ahli rumahnya dan akulah sebaik-baik di antara kamu kepada ahli rumahku."

..../5

VII. PEMILIHAN CALON

Rasulullah s.a.w. telah menggariskan kepada kita beberapa panduan untuk menjadi panduan dalam pemilihan jodoh sebagaimana dalam sabda-sabdanya iaitu antara lain:

(i) "Rasulullah s.a.w. telah ditanya, bagaimana sebaik-baiknya perempuan? Rasulullah s.a.w. menjawab, yang menyukakan kamu apabila dipandang, jika disuruh ia patuh dan taat, jika dibelakangi ia menjaga dirinya dan mengawal dengan baik harta suaminya;"

(ii) Seseorang lelaki berkata kepada Rasulullah s.a.w. Ya Rasulullah!, aku tertarik kepada seorang perempuan cantik paras rupanya dan berkedudukan tinggi tetapi ianya tidak beranak, bolehkah aku mengahwininya? Jawab Rasulullah s.a.w. tidak. Lelaki itu datang lagi kali kedua, Rasulullah s.a.w. terus menegahnya, lelaki itu datang kali ketiga, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Kahwinilah oleh kamu perempuan yang manja, yang bakal beranak pinak dengan banyak, sesungguhnya aku (Rasulullah) menggalakkan umatnya supaya ramai";

(iii) "Jika datang kepada kamu pinangan dari seorang kamu redha pada agama dan akhlaknya walaupun kurang berada, hendaklah kamu terima. Kalau kamu menolak pinangannya padahnya adalah fitnah dan kerosakan di muka bumi (ini diulang oleh Rasulullah s.a.w. sebanyak 3 kali);"

(iv) "Dinikahi seseorang perempuan itu kerana empat sebab, kerana hartanya, kecantikannya, kedudukannya atau keturunannya dan kerana agamanya. Maka nikahilah wanita yang beragama, maka suburlah tangannya (mendapat berkat);"

(v) "Di antara kebahagian anak Adam ini adalah tiga perkara, isteri yang salehah, tempat tinggal yang selesa dan kenderaan yang baik."

Dalam hal ini, Imam Al Ghazali pernah memulis dalam sebuah bukunya supaya memilih:

(i) Ibtari yang mempunyai sifat-sifat berikut:

- Beragama;
- Mempunyai perangai yang baik;
- Murah maskahwinnya;
- Tidak mandul;
- Anak dara;
- Keturunan yang baik;
- Ada rupa;
- Tidak dari keluarga yang dekat.

(ii) Suami yang mempunyai sifat-sifat seperti berikut:

- Beragama;
- Sihat, kuat dan tampan;
- Berpelajaran;
- Berkemampuan dan mempunyai harta;
- Bertanggungjawab;
- Berjimat cermat dan
- Terunia.

VIII. HAK MEMILIH

- Islam adalah agama yang sejahtera dan demikian juga jelas tentang hukum-hakamnya. Kesejahteraan pada perkahwinan bukan sahaja bermula selepas akad nikah tetapi ia bermula sebelum dari itu iaitu dalam soal memilih pasangan. Siapa yang berhak dalam pemilihan?

- Hak memilih pasangan diberikan kepada pihak lelaki dan juga diberikan kepada pihak perempuan. Bezanya hak memilih kepada pihak lelaki ialah kepada calun suami itu sendiri sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Kahwinilah mana yang baik bagi kamu dari wanita".

(Surah

- Manakala calun isteri diberi perluasan hak memilih kepada calun isteri dan juga walinya sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dan perempuan yang baik ialah bagi lelaki yang baik dan lelaki yang baik bagi perempuan yang baik".

(Surah

IX. PERTENTANGAN PEMILIHAN

- Biasanya pertentangan antara keluarga dengan seorang calun suami mengenai pilihan jodoh tidak banyak diperkatakan di dalam masyarakat, tetapi pihak perempuan kadang-kadang menimbulkan implikasi yang kurang baik dalam hubungan keluarga.

(i) Cara tradisional

Sejak sebelum kedatangan Islam lagi, menjadikan calun suami dipilih oleh wali di mana kadang-kadang pihak keluarga tidak memberi langsung kepada anak perempuan mereka memilih jodoh. Anak perempuan mesti menerima calun yang ditentukan oleh wali meskipun mereka tidak bersedia menerimanya;

(ii) Kedatangan Islam

Suatu perimbangan telah wujud di dalam penentuan hak iaitu Islam mensyariatkansupaya kerelaan diperolehi dari anak gadis sebelum mereka dinikahi dan keizinan yang jelas hendaklah diperolehi apabila wanita yang hendak dinikahi adalah janda;

(iii) Zaman Moden

Apabila gerakan wanita barat telah meresap ke dalam penghidupan wanita di negara ini, kecenderongan yang jelas ialah anak-anak gadis diberi kebebasan sepenuhnya memilih bakal suami mereka. Gejala yang dapat dikesan dari amalan ciri barat ini banyak gadis yang tertipu oleh andaian mereka yang tidak tepat kerana kurang pengalaman dan kecekapan penipuan dan tiada perimbangan penguasaan wali kepada arus perubahan nilai yang

X. PEMINANGAN

(i) Hukum Meminang

- Sebelum sesuatu perkahwinan dilaksanakan terlebih dahulu hendaklah didahului dengan peminangan. Meminang bukanlah lahir dari hukum adat atau kebiasaan tetapi merupakan hukum syara' yang telah ditentukan.

- Jika diteliti dalam kitab-kitab perundangan Islam, kita akan dapati hukum-hukum berhubung dengan peminangan. Antara lain, haram meminang pinangan orang lain, melainkan pihak lelaki yang telah bertunang itu telah menarik diri (putus tunang) atau telah mengizinkan berbuat demikian. Di dalam hubungan ini Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

  "Janganlah seseorang itu meminang tunang saudaranya melainkan pertunangan mereka telah putus atau diizinkan olehnya".

- Ini jelas membuktikan kepada kita bagaimana Islam menghormati perasaan dan maruah orang lain, memelihara persahabatan dan melarang merampas dan mengambil hak orang lain. Janganlah kita cuba mendirikan mahligai kebahgiaan di atas titisan air mata dan penderitaan saudara kita.

(ii) Cara-cara melihat bakal tunang

- Untuk mendapatkan kebahgiaan dan persefahaman, Islam mengharuskan seseorang lelaki melihat bakal tunangnya. Di situ nanti tidak timbul rasa tertipu atau terpedaya. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

  "Lihatlah dia (bakal tunang) dengan ini akan lebih mengkukuhkan (mengekalkan) perhubungan kamu berdua".

- Sesungguhnya Islam mengharuskan seseorang itu melihat bakal tunangnya, maka janganlah pula peluang yang ada ini digunakan oleh seseorang untuk memuaskan perasaan dan hawa nafsunya.

- Ulama'-ulama' Islam berpendapat bahawa bahagian anggota yang boleh dilihat itu hanyalah muka dan tapak tangan hingga pergelanggan dan ada juga di antara mereka yang membolehkan milihat lebih dari itu iaitu berdasarkan catatan yang biasa dipakai di hadapan keluarganya.

X. PEMINANGAN

(i) Hukum Meminang

- Sebelum sesuatu perkahwinan dilaksanakan terlebih dahulu hendaklah didahului dengan peminangan. Meminang bukanlah lahir dari hukum adat atau kebiasaan tetapi merupakan hukum syara' yang telah ditentukan.

- Jika diteliti dalam kitab-kitab perundangan Islam, kita akan dapati hukum-hukum berhubung dengan peminangan. Antara lain, haram meminang pinangan orang lain, melainkan pihak lelaki yang telah bertunang itu telah menarik diri (putus tunang) atau telah mengizinkan berbuat demikian. Di dalam hubungan ini Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

  "Janganlah seseorang itu meminang tunang saudaranya melainkan pertunangan mereka telah putus atau diizinkan olehnya".

- Ini jelas membuktikan kepada kita bagaimana Islam menghormati perasaan dan maruah orang lain, memelihara persahabatan dan melarang merampas dan mengambil hak orang lain. Janganlah kita cuba mendirikan mahligai kebahgiaan di atas titisan air mata dan penderitaan saudara kita.

(ii) Cara-cara melihat bakal tunang

- Untuk mendapatkan kebahgiaan dan persefahaman, Islam mengharuskan seseorang lelaki melihat bakal tunangnya. Di situ nanti tidak timbul rasa tertipu atau terpedaya. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

  "Lihatlah dia (bakal tunang) dengan ini akan lebih mengkukuhkan (mengekalkan) perhubungan kamu berdua".

- Sesungguhnya Islam mengharuskan seseorang itu melihat bakal tunangnya, maka janganlah pula peluang yang ada ini digunakan oleh seseorang untuk memuaskan perasaan dan hawa nafsunya.

- Ulama'-ulama' Islam berpendapat bahawa bahagian anggota yang boleh dilihat itu hanyalah muka dan tapak tangan hingga pergelanggan dan ada juga di antara mereka yang membolehkan milihat lebih dari itu laitu berdasarkan pakaian yang biasa dipakai di hadapan keluarganya.

PENDIDIKAN ANAK ANAK MENURUT ISLAM

I. MUQADDIMAH

Di antara tanggungjawab yang diberatkan oleh Islam terhadap suami isteri ialah tanggungjawab pendidikan terhadap anak-anak. Bermula dari kelahiran si anak hinggalah kepada pencapaian umur mumaiyiz dan dewasa, di mana menjadi kewajipan kepada keduanya untuk memikul tanggungjawab ini dengan sempurna, penuh keazaman serta menjalankan tugas menurut petunjuk yang dikehendaki oleh Islam.

Dalam hal ini Allah s.w.t. telah berfirman dalam Al Quran antaranya:

i) " Wahai orang-orang yang beriman!, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka ".

(At-Tahrim: 6)

ii) " Allah telah mewasiatkan ke atas kamu tentang anak-anak kamu ".

(An-Nisaa':11)

iii) " Dan hendaklah engkau menyuruh keluargamu mengerjakan sembahyang dan bersabarlah terhadap perintah itu ".

(Thaha : 132)

Dan daripada Hadith-hadith Nabi S.A.W. pula:

i) " Seorang lelaki itu bertanggungjawab terhadap isterinya dan dia akan ditanya tentang tanggungjawabnya. Dan seorang perempuan itu bertanggungjawab terhadap rumah suaminya, dan dia akan ditanya tentang tanggungjawabnya ".

(Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

ii) " Lengkapkanlah anak-anak kamu dengan tiga perkara: Cinta terhadap Nabi kamu, cinta terhadap ahli rumahtangganya dan selalu membaca Al Quran ".

(Riwayat Ath-Thabarani)

Berdasarkan kepada ayat Al Quran dan hadith-hadith di atas, menjadi kewajiban suami isteri mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak mereka supaya menjadi manusia muslim, mu'min dan bertaqwa kepada Allah S.W.T.

.../2

II. PENDIDIKAN ANAK-ANAK YANG DIANJURKAN OLEH ISLAM

Islam mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak semenjak anak-anak itu belum lahir lagi dengan memberikan panduan-panduan amalan yang perlu dilakukan ketika itu dan pendidikan seterusnya seperti berikut:

i) Pendidikan anak dalam kandungan

Bagi mendapatkan anak yang baik, hendaklah suami/istri membuat sedikit amal seperti:

a. Suami berpuasa sunnat Isnin dan Khamis, sembahyang Tahajjud dan sembahayang Hajjat memohon kepada Allah supaya dikurniakan anak yang soleh;

b. Suami mendapatkan rezeki yang halal untuk keperluan makanan isterinya kerana sat makanan akan dimakan oleh janin dan sekiranya yang dimakan itu haram bererti janin sudah memakan perkara yang haram;

c. Istri hendaklah sentiasa menguatkan ibadahnya serta menuturkan kalimah yang baik-baik yang di redhai Allah;

d. Isteri mengamalkan puasa sunat jika ia mampu dan mendapatkan keizinan suami serta tidak memudaratkan anak dalam kandungan itu.

ii) Pendidikan ketika dan selepas lahir

Anak-anak dilahirkan dalam keadaan suci bersih dan ibubapa lah yang mencorakkan anak-anak tadi samada ingin menjadikan ia seorang Yahudi, Nasrani mahupun Majusi. Dalam hal ini, beberapa perkara perlu diketahui dan diamalkan antaranya:

a. Anak tadi dingankan di telinga kanan dan diiqamatkan ditelinga kirinya supaya anak itu tidak diperdayakan oleh syaitan bermula

b. Sunnat 'tahnik'initu mengunyah kurma serta memindahkan nya ke lidah anak yang baru lahir. Jika tiada kurma boleh juga dengan apa jua benda yang manis seperti madu dan sebumpamanya.

c. Sunat aqiqahkan anak tadi dengan nilai bagi anak lelaki dua (2) ekor kambing, anak perempuan seekor(1) kambing apabila genap umur tujuh (7) hari.

d. Sunat mencukur rambut pada hari ke tujuh kemudian ditimbang rambut itu dan dinilai dengan perak serta disedekahkan kepada fakir miskin.

.../3

e. Menamakan anak-anak yang baru lahir dengan nama-nama yang baik seperti nama Nabi-Nabi, para sahabat baginda dan asmaul-husna.

f. Ibu menyusukan anak dengan susu ibu.

iii) Pendidikan dari Mumaiyiz hingga dewasa

Diantara pendidikan yang perlu diberikan di peringkat ini ialah:

a. Pendidikan keimanan dan syariah

Apabila anak-anak itu telah mula membesar dan boleh berfikir, maka ibubapa perlu melengkapkan mereka dengan kefahaman-kefahaman keimanan seperti membiasakan dengan asas-asas aqidah meliputi beriman kepada Allah, Rasul-rasul, Malaikat-malaikat, Kitab-kitab dan lainnya di samping asas-asas Syariah meliputi ibadah sembahyang, puasa dan sempanannya.

Pendidikan ini penting supaya mereka tidak berpandukan selain dari Al Quran dan As- Sunnah dalam menjalani kehidupan seharian mereka di dunia ini.

b. Pendidikan moral

Menjadi tanggungjawab ibu bapa mendidik anak-anak mereka dengan beberapa prinsip akhlak serta budi luhur seperti sentiasa bercakap benar, menghormati ibu bapa, orang-orang tua, tahu mengenal di mana yang baik (halal) dan mana pula yang keji, mungkar (haram).

Pendidikan ini perlu ditekankan semenjak anak-anak itu dari usia mumaiyyiz agar apabila ia membesar nanti akan sentiasa terasuh dalam didikan yang murni.

c. Pendidikan jasmani

Di samping pendidikan di atas, anak-anak juga perlu kepada tubuh badan yang sihat, organ akalnya dan cepat bertindak dalam segala keadaan seperti dalam menunaikan kewajipan sembahyang dan sebagainya.

Justeru itu dalam hal ini Rasulullah S.A.W. menegaskan kepada pari pentingnya pendidikan ini seperti sabda Baginda yang bermaksud:

...4/

" Tiap-tiap sesuatu yang tiada kaitannya dengan zikir Allah dikira lahwun (sia-sia) atau lupa kepada Allah, kecuali empat perkara: iaitu kepergian manusia antara dua matlamat (iaitu bermain panah), mengajar kudanya, bermain-main dengan isterinya dan belajar berenang ".

(Riwayat Ath-Thabarani)

d. <u>Pendidikan mental</u>

Ibu bapa perlu sekali memerhatikan perkembangan akal anak-anak mereka supaya anak mereka dapat membesar dalam suasana akal yang sihat. Ini dapat dilakukan dengan memberikan ilmu-ilmu pengetahuan kepada anak-anak seperti ilmu aqidah, syariah, akhlak, ilmu-ilmu moden seperti sains, teknologi dan sebagainya. Mereka juga mesti diberi kesedaran supaya berfikir sebelum bertindak dan sentiasa menambahkan ilmu dari masa ke semasa.

Allah S.W.T. telah berfirman dalam Al Quran antaranya:

i) " Katakanlah: tiada sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tiada mengetahui ".

(Az-Zumar : 9)

ii) " Allah telah mengangkat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang berilmu pengetahuan beberapa darjat ".

(Al-Mujadalah : 11)

e. <u>Pendidikan sosial</u>

Selain daripada pendidikan yang berhubungan dengan perkara-perkara di atas, pendidikan yang berkaitan dengan cara berinteraksi (berkomunikasi) dengan ibu bapa, adik beradik, keluarga terdekat, jiran tetangga dan masyakat sekeliling juga perlu diberi perhatian. Anak-anak perlu dijelaskan batas-batas <u>halal</u> dan <u>haram</u>, <u>sunat</u> dan <u>harus</u> dalam cara hidup berkeluarga dan masyarakat seperti adab-adab bersalam lelaki dan perempuan, yang bukan muhrim dan sebagainya.

f. <u>Pendidikan seks</u>

Satu perkara yang agak baru bagi sesetengah ibu bapa dalam memberi pendidikan kepada anak-anak ialah pendidikan seks. Yang dimaksudkan dengan pendidikan ini ialah mengajar si anak dengan terus terang kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan seks. Apabila anak itu membesar, [illegible] mereka tahu apa yang dihalalkan dan apa pula yang diharamkan. Berikut ialah peringkat-peringkat [illegible] yang harus diberi perhatian terhadap pendidikan ini:

...5/

i) Pada usia antara 7 - 10 tahun, yang dinamakan umur tamyiz harus si anak diberi tunjuk ajar tentang adab-adab meminta izin (pada masa-masa di mana seorang lelaki dan seorang perempuan di antara mereka sedang duduk bersama-sama dalam keadaan yang tidak patut dilihat oleh anak-anak mereka yang kecil) dan adab-adab penglihatan.

ii) Pada usia antara 10 - 14 tahun, (umur murahaqah), harus dijauhkan si anak dari segala rupa yang boleh menimbulkan nafsu berahi seks.

iii) Pada usia 14 - 16 tahun, (umur baligh), harus diajar anak-anak tentang adab-adab perhubungan seks andainya mereka sudah bersedia untuk berkahwin.

iv) Pada usia sesudah umur baligh (umur dewasa), harus diajar dengan adab-adab memelihara diri andainya mereka tidak mampu menempuh alam perkahwinan.

KAEDAH-KAEDAH PENDIDIKAN BERKESAN PADA ANAK ANAK

Dalam menyempurnakan tanggungjawab yang telah digariskan di atas, maka difikirkan kaedah berikut patut dilakukan iaitu melalui:

A. Kaedah Amali

* menunjukkan contoh tauladan yang baik dari kelakuan ibubapa sendiri di samping mengambil contoh tauladan mulia Baginda S.a.W. para sahabat, alim ulamak seperti menggalakkan anak-anak beramanah, berkata benar, tidak tamak dan sebagainya.

* nasihat dan bimbingan seperti menasihati mereka supaya jangan melakukan kejahatan, kemungkaran, amalan-amalan yang merbahayakan diri dan masyarakat. Bukan sekadar itu saja; sebaliknya membimbing mereka yang telah melakukan kesilapan supaya memperbaiki diri dengan cara bijaksana dan berkesan.

* adat kebiasaan seperti membiasakan anak-anak dengan melaksanakan perintah-perintah Allah, yang boleh mendatangkan faedah (pahala), boleh berdikari dalam melaksanakan tugas yang diberikan dan sebagainya.

* Pemerhatian dan pengawasan seperti memerhatikan gerak geri mereka sekiranya mendatangkan kecurigaan ibubapa perkara yang dilakukan itu boleh membawa kemudaratan umpamanya terlibat dengan 'dadah' maka di kotiks iniibubapa perlu mengawasi dan memperbaiki hidup mereka.

* denda dan hukuman iaitu mendenda anak-anak yang melakukan dosa dan kesalahan.



IV. CADANGAN PENDIDIKAN YANG PENTING

Adalah dicadangkan kepada ibu bapa supaya memerhatikan peri pentingnya pendidikan yang berkesan pada anak-anak supaya mereka nanti menjadi generasi yang berguna pada keluarga, masyarakat, agama dan negara. Berikut adalah syor yang difikirkan perlu:

a. Mengukuhkan perhubungan antara ibubapa dengan anak-anak dan guru-guru mereka;

b. Mengajak anak-anak berunding dan berbincang supaya dapat melahirkan hubungan mesra dengan mereka;

c. Mendoakan anak-anak dengan kebahagiaan dan jangan sesekali dikutuk kerana dikhuatiri akan menjadi sengsara hidupnya;

d. Menggalakkan anak-anak mencari kerja yang baik dan banyak mendatangkan pahala;

e. Menyediakan cara-cara pendidikan yang berguna untuk anak-anak;

f. Menjalankan dasar pendidikan pada siang dan malam;

g. Menggalakkan anak-anak supaya suka bermutalaah (membaca) dan menyediakan tempat khas untuk mereka;

h. Mengingatkan anak-anak tentang tanggungjawab Islam seperti menunaikan hak-hak Allah (sembahyang, puasa dll), hak-hak masyarakat (hak: jiran, dll);

i. Jangan selalu memarah! anak-anak hingga mereka menjadi tebal telinga dan tiada hormat pada orang tuanya;

j. Menanamkan semangat Ukhuwah ke dalam jiwa anak-anak.

...7/

V. **PENUTUP**

Menjadi suatu harapan kepada kita semua untuk melihat anak-anak yang dilahirkan ke dunia ini diberi pendidikan sesempurna yang mungkin agar mereka nanti menjadi insan yang boleh dibanggakan baik dari segi fizikal mahupun fikiran mereka ke arah mewujudkan sebuah rumahtangga yang aman damai dan masyarakat yang maju, dan diredhai Allah S.W.T. Kesemua itu akan tercapai sekiranya ibu/bapa dapat memainkan peranan mereka dengan penuh tanggungjawab.

.OH/mas



LAMPIRAN E

KURSUS HALAQAH BELIA 1989

	TEMPAT	TARIKH
1.	Masjid Kampong Melekek Dalam	17/2/1989
2.	Masjid Kampong Sungai Buluh	2-3/3/1989
3.	Masjid Kampong Tanjung Rimau	24/9/1989
4.	Masjid Kampong Durian Tunggal	22/10/1989
5.	Masjid Kampong Kelubi Jasin	16-17/12/1989
6.	Masjid Kampong Paya Datuk	24-25/12/1989

.....

Kesemua Masjid-masjid di atas menjadi Pusat Kursus Halaqah Belia dari kampong tersebut dan kampong-kampong yang berdekatan (Sistem Pusat). Halaqah ini anjuran bersama JAIM dan Ahli Jawatankuasa Masjid yang menjadi Pusat Halaqah juga Ahli Jawatankuasa Masjid-masjid sekitarnya (kampong sekitarnya).

****

LAMPIRAN F

PERATURAN-PERATURAN KURSUS HALAQAH BELIA.

1. Semua belia yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun adalah layak menyertai kursus ini. Kelulusan akademik tidak diperlukan.

2. Para peserta tidak perlu membawa sebarang alat-tulis, memadai sebatang ballpen sahaja. Kertas catitan, fail dan risalah disediakan oleh pihak Jabatan Agama Islam Melaka.

3. Pakaian hendaklah berada di tempat kursus 15 minit lebih awal untuk melapur diri kepada Urusetia Kursus.

4. Pakaian adalah bebas, tetapi hendaklah bersopan dan bersih. Ada baiknya tuan-tuan memakai pakaian baju Melayu, bersongkok dan berkain.

5. Peserta hendaklah berada di tempat kursus sepanjang masa kursus dijalankan dan tidak dibenarkan keluar ke mana-mana.

6. Hendaklah menjaga tata-tertib dan berbudi bahasa sepanjang masa kursus.

7. Merokok adalah DILARANG dan tidak dibenarkan sama sekali.

8. Makan-minum disediakan oleh pihak penganjur. Para peserta hendaklah bersabar sehingga doa dibacakan sebelum makan.

9. Kebersihan masjid hendaklah dipelihara dan menjadi tanggungjawab bersama.

10. Jika ada sebarang masalah, sila hubungi pihak Urusetia Kursus.

11. Kerjasama dari semua pihak amat diperlukan dan amat dihargai.

LAMPIRAN C

HALAQAH DAN PENGISIANNYA
(UTK KURSUS BELIA)

1. HALAQAH RENUNGAN & AKHLAK.

   a. Ta'aruf
   b. Siapa Diri Kita sebenarnya ; masa lalu /kini /akan datang
   c. Pengertian Akhlak ; Sifat Mahmudah & Mazmumah
   d. Sifat-sifat Nabi Muhammad yang patut dicontohi
   e. Kisah-kisah Tauladan
   f. Tanggungjawab Belia kepada Ibubapa, diri sendiri dan masyarakat.

2. HALAQAH TAUHID.

   a. Syahadah ; - sebutan yang betul
      - tuntutan syahadah
   b. Ajaran-ajaran sesat ;
      - ciri-ciri & cara mengatasinya
   c. Taubat ; - cara-cara dan doanya
   d. Rukun Islam dan Rukun Iman

3. HALAQAH FEQAH.

   a. Thoharah
   b. Wudhu'
   c. Solah dan praktikalnya sekali
   d. Munakahat
   e. Janabah

LAMPIRAN H

KURSUS HALAQAH KEBAJIKAN 1989.

	TEMPAT	TARIKH
1.	Sekolah Kebajikan Tunas Bakti, Air Lereh, Melaka.	1/3/1989
2.	Rumah Kebajikan Seri Kenangan (Rumah Orang Tua), Cheng, Melaka.	7/4/1989
3.	Sekolah Pemulihan Akhlak Henry Gurney II, Banda Hilir, Melaka. (Sesai Pagi)	10/4/1989
4.	Sekolah Pemulihan Akhlak Henry Gurney I, Telok Mas, Melaka. (Sesai Petang)	10/4/1989
5.	Sekolah Kebajikan Dusun Dato' Murad, Melaka.	12/4/1989
6.	Sekolah Budak Lelaki Tun Abdul Aziz (Rumah Anak-anak Yatim Lelaki), Durian Daun, Melaka.	14/10/1989
7.	Pusat Serenti Tampin (Pusat Pemulihan Dadah).	7/10/1989
8.	Sekolah Kebajikan Tunas Bakti, Air Lereh, Melaka.	23/12/1989

LAMPIRAN I

JUMLAH MASJID DAN MADRASAH SELURUH NEGERI MELAKA TAHUN 1988

1. **MASJID**

DAERAH MELAKA TENGAH	-	62 BUAH
DAERAH ALOR GAJAH	-	62 BUAH
DAERAH JASIN	-	40 BUAH
JUMLAH :		164 BUAH

2. **MADRASAH YANG BERDAFTAR 1988**

DAERAH MELAKA TENGAH	-	200 BUAH
DAERAH ALOR GAJAH	-	132 BUAH
DAERAH JASIN	-	83 BUAH
JUMLAH :		415 BUAH

LAMPIRAN **J**

TABURAN JUMLAH IMAM, KHATIB, BILAL, NOJA, MUNKIN DAN BILAL PEREMPUAN

MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA 1988

JAWATAN	MELAKA TENGAH	ALOR GAJAH	JASIN	JUMLAH
IMAM	57	60	39	156
KHATIB	42	53	36	131
BILAL	60	60	37	157
NOJA	50	56	30	136
MUNKIM	21	20	10	51
BILAL PEREMPUAN	84	103	64	251
JUMLAH	314	352	216	882

LAMPIRAN K

SENARAI KURSUS TAHUN 1990

	KURSUS	JUMLAH PERBELANJAAN
1.	KURSUS KEFAHAMAN ISLAM	$ 7,700.00
2.	KURSUS BATIN ORANG ASLI	$ 6,150.00
3.	IHYA' RAMADHAN	$ 7,100.00
4.	FORUM ULAMAK	$ 3,000.00
5.	KURSUS KEPADA PEKERJA-PEKERJA KILANG	$ 4,400.00
6.	SEKOLAH MISSIONARY	$ 500.00
7.	JAWATANKUASA MASJID	$ 5,340.00
8.	PEGAWAI-PEGAWAI SYARAK	$ 5,340.00
9.	MUZAKARAH PANEL PENDAKWAH	$ 1,500.00
10.	KURSUS JENAZAH	$ 1,320.00
11.	KURSUS KETUA-KETUA JABATAN	$ 900.00
12.	PEMBELAJARAN AL-QURAN	$ 4,860.00
13.	PEGAWAI PELAPIS (BILAL PEREMPUAN)	$ 3,000.00
14.	PEGAWAI PELAPIS (LELAKI)	$ 1,350.00
15.	PELAPIS DAKWAH	$ 700.00
16.	KHUSNUL KHATIMAH	$ 2,100.00
17.	KURSUS HAKIM TILAWAH	$ 300.00
18.	KURSUS ANJURAN BERSAMA	$ 5,000.00
19.	KELAS BIMBINGAN FARDHU 'AIN DI PUSAT/ SEKOLAH PEMULIHAN	$48,960.00
20.	KELAS BIMBINGAN FARDHU 'AIN DI KILANG PERINDUSTRIAN	$76,800.00
21.	KURSUS KEFAHAMAN ISLAM DAN FARDHU 'AIN SEPANJANG TAHUN 1990	$82,950.00
22.	HALAQAH BELIA	

LAMPIRAN L [1]

KEGIATAN DAKWAH DAN PENERANGAN MAJLIS /JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA.

	1985	1986	1987	1988
1. CERAMAH DI ATUR	680	718	1442	1527
2. KEBENARAN CERAMAH	30	22	41	35
3. KURSUS	6	11	26	18
JUMLAH	716	751	1509	1570

LAMPIRAN L.[II]



GRAF KEKERAPAN CERAMAH AGAMA ANJURAN JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA.

LAMPIRAN M

SENARAI PENCERAMAH DAN TAJUK CERAMAH
SEMPENA MAULIDUR RASUL 1989

BIL.	TARIKH	PENCERAMAH
1	12/10/1989	Ustaz Borhan bin Hashim (Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan) Tajuk : Keluhuran Akhlak Dan Kepimpinan Rasulullah S.A.W Boleh Dicontohi Sebagai Ikutan.
2	13/10/1989	Kol.Hj.Abd.Hamid bin Hj.Zainal Abidin (Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera) Tajuk : Rasulullah S.A.W Sebagai Ikutan Dan Pembawa Rahmat Yang Paling Baik Bagi Umat Islam.
3	14/10/1989	Ustaz Hj.Ahmad bin Hj.Awang (Pusat Islam Malaysia) Tajuk : Kemajuan Ekonomi Dan Pembangunan Yang Dibawa Oleh Rasulullah S.A.W .
4	15/10/1989	S.S. Datuk Mufti Negeri Sembilan Tajuk : Taqwa Menjamin Keselamatan Ummah.
5	16/10/1989	Ustaz Hj.Dusuki bin Hj.Abd.Kadir (Hakim Mahkamah Syariah Kluang/Batu Pahat) Tajuk : Umat Islam Dan Cabaran Terhadap Perpa[illegible]
6	17/10/1989	Ustaz Hj.Hussin Yee bin Abdullah (PERKIM Pusat) Tajuk : Islam Sebagai Cara Hidup Sejagat.
7	18/10/1989	Ustaz Hj.Asmungi bin Hj.Mohd.Sidik (Kadi Daerah Klang) Tajuk : Pembentukan Belia Islam Ke Arah Penyatuan Ummah Mengikut Kaedah Rasulullah S.A.W .
*	12/10/1989(pagi)	Penceramah ialah Ustaz Taib Azzamudin bin Md. Taib.

* Masa Ceramah Malam - Selepas Sembahyang Isyak.

****

LAMPIRAN N

PENERANGAN

Jabatan Agama Islam Melaka melalui Bahagian Da'wah diberikan tanggungjawab untuk mengurus Perayaan-perayaan keagamaan seperti Ma al Hijrah, Maulidur Rasul, Musabaqah, juga selain daripada itu diper tanggungjawabkan berkhidmat kepada masyarakat melalui Kursus, Seminar, Musabaqah Al-Qur'an, Kuiz/Syarahan Agama yang dianjurkan oleh LAPIS, untuk menyediakan alat-alat sharannya dan kelengkapan mas media. Selain dari itu diperlukan juga keperluan-keperluan untuk kegunaan majalah keluaran Jabatan Agama Islam Melaka, untuk mengambil gambar dan sebagainya. Oleh itu Barang ini amat diperlukan ;

1.	Pembelian penambahan alat pembesar suara	$ 2,[illegible].00
2.	Kamera dan Flash	$ 1,073.00
3.	National VHS Movie Camera dan kelengkapannya	$ 6,040.00
4.	National 20" Colour TV	$ 1,030.00
5.	National VHS Video Cassete Recorder	$ 1,200.00
	JUMLAH	$11,963.00

##########

LAMPIRAN D

PENERANGAN

Peruntukan ini diperlukan untuk mencetak kulit-kulit Fail Kursus, Khutbah Jumaat/Hariraya, Khutbah Hari-hari Kebesaran Islam, Poster Ceramah Agama dan Perayaan-perayaan Islam, Al-Mustaqim, Taqwim, Waktu Sembahyang dan Waktu berbuka Puasa dan percetakan-percetakan Risalah Al-Iman. Perinciannya adalah seperti berikut ;

1. Percetakan Risalah Al-Iman seperti Mengenali Ajaran Sesat, Panduan Mentajhizkan Mayat, Risalah Sembahyang Hari Raya dan lain-lain risalah yang difikirkan perlu	$ 5,000.00
2. Khutbah Jumaat/Khutbah Hari Raya dan Khutbah Hari Kebesaran Islam	$ 1,500.00
3. Poster Ceramah Agama dan Perayaan Agama	$ 1,500.00
4. Taqwim, Waktu Sembahyang dan Waktu Berbuka Puasa	$13,000.00
5. Fail-fail Kursus	$ 3,000.00
6. Percetakan Al-Mustaqim	$16,000.00

****

LAMPIRAN P

PRESTASI AKTIVITI (BELAN KERJA)

	1988 (sebenar)	1989 (Anggaran)	1990 (Ramalan)
1. Penerangan/Ceramah	1003	1000	1000
2. Kursus	26	70	100
3. Khutbah	4	6	10
4. Kebenaran Ceramah	30	30	35
5. Tahlil/Do'a	5	5	5
6. Saudara Kita	110	100	100
7. Perayaan Agama	4	4	4
8. Penerbitan Risalah	2	8	10
9. Tauliah Agama	-	50	30
10. Kebenaran Memungut Derma	21	20	20
11. Lantikan Pegawai-pegawai masjid	50	100	50

++

LAMPIRAN Q

SENARAI NAMA RESPONDEN/INFORMEN

1. Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim
   Penolong Pengarah Bahagian Da'wah, JAIM
   Tempat : JAIM, Seri Negeri Melaka
   Tarikh : 26hb.Jun, 1989
   Jam : 11.00 pagi hingga 11.30 pagi.

2. Encik Mohd.Yassin bin Alias
   Ketua Kerani MAJLIS (MAIM)
   Tempat : Pejabat MAIM
   Tarikh : 24hb.November, 1989
   Jam : 10.30 pagi hingga 11.30 pagi.

3. Encik Omran bin Hussin @ Hassan
   Pegawai Pembangunan Keluarga, JAIM
   Tempat : JAIM, Seri Negeri, Melaka
   Tarikh : 22hb.Disember, 1989
   Jam : 2.30 petang hingga 3.00 petang.

4. Encik Nur Azmi
   Pegawai Kerani JAIM
   Tempat : JAIM, Seri Negeri, Melaka
   Tarikh : 22hb.Disember, 1989
   Jam : 10.00 pagi hingga 11.30 pagi.

LAMPIRAN R

CONTOH SOALAN TEMUBUAL KEPADA PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN DA'WAH, JAIM .

---

1. Apakah jawatan Encik/Tuan dalam JAIM ini ?

2. Sudah berapa lama Encik/Tuan berkhidmat di Bahagian Da'wah ini ?

3. Bilakah Bahagian Da'wah JAIM ini ditubuhkan dan apakah inisiatif-inisiatif yang menyebabkan penubuhannya ?

4. Apakah tujuan Bahagian ini ditubuhkan ?

5. Apakah pula matlamat/objektif penubuhannya ?

6. Bolehkah Encik/Tuan terangkan struktur organisasi Bahagian Da'wah ini dan fungsi setiap unit yang berada di bawah Bahagian Da'wah ini?

7. Apakah fungsi/peranan Bahagian Da'wah ini kepada masyarakat Negeri Melaka, khususnya kepada masyarakat Islam sendiri ?

8. Menyentuh tentang sasaran da'wah pula, adakah Bahagian ini menjalankan bentuk "Da'wah ke dalam" dan "Da'wah ke luar", dan bentuk manakah diberi penumpuan yang lebih ?

9. Mengikut pengalaman Encik/Tuan, bagaimanakah langkah-langkah permulaan da'wah untuk mendekati masyarakat di Negari Melaka ?

10. Apakah bentuk pendekatan/metod yang digunakan untuk berda'wah ?

11. Apakah aktiviti/kegiatan yang dilakukan oleh Bahagian Da'wah untuk menyebarkan syiar Islam di negeri ini serta pengisian pelaksanaannya ?

12. Siapakah yang ditugaskan untuk melaksanakan tugas berda'wah ini. Adakah ianya dari kalangan pegawai-pegawai/kakitangan-kakitangan di JAIM ini sendiri ?

13. Apakah usaha-usaha sampingan yang lain, selain dari usaha-usaha utama yang ingin dilaksanakan ?

14. Dari manakah sumber kewangan diperolehi untuk membiayai setiap aktiviti/kegiatan yang dilaksanakan ?

15. Apakah masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh JAIM, khasnya Bahagian Da'wah ini sendiri ?

16. Bagaimana pencapaian Bahagian Da'wah setakat hari ini ?

17. Apakah perancangan masa depan Bahagian Da'wah ini yang ingin dicapai di masa hadapan ?

BERITA BERGAMBAR AKTIVITI JAIM




JABATAN AGAMA ISLAM
MELAKA



PEMOLONG PENGARAH DA'WAH

BAHAGIAN DA'WAH, JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA







PANAGIAN PENTADBIRAN AM

JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA





بريتا٢ بركمبر جباتن اڬام اسلام ملاك



يڠبرحرمة حاج احمد بن حاج عبدالله، مواكيلي يڠامة برحرمة كتوا منتري ملاك، سدڠ براوچف مرسيكن كورسوس/بيڠكيل ڤمباڠونن كلوارڬ باڬي ڤڬاوي٢ اڬام اسلام ملاك.



ڤسرت٢ يڠ مڠيكوتي كورسوس/بيڠكيل ڤمباڠونن كلوارڬ باڬي ڤڬاوي٢ اڬام اسلام ملاك.







ڤمنداڠن دسكيتر مجلس ڤيمفاين چندرامات دواد كانق ٢ هوسڤيتل بسر ملاك سمڤنا سمبوتن مع الهجرة يڠ تله دلاكوكن اوله داتين روحاني هانوم (استري يڠبرحرمة داتوه ستيأوسها كراجأن نڬري ملاك).



قمنداغن دري ساله ساتو مجلس چرامه اڬام سمڤنا سمبوتن مع الهجرة يڠ دادكن دسلوره نڬري ملاك.





قمبر٢ .نڬري دان ڤارا حاضرين، سدڠ برصلواة سمڤنا سمبوتن مع الهجرة ڤريڤكة نڬري ملاك.



يڠامة برحرمة كتوا منتري ملاك سوڠ مهمليكن اوچاڤن كڤد ڤندعوه٢
دان ڬورو٢ تعمير مسجد نڬري ملاك سماس بركورسوس دڬراحه.

[illegible] Dato' [illegible] A[illegible]

[illegible]epada pe[illegible]rta-pe[illegible]rta Kursus Pembacaan
Al-Qur'an







Enam jenis dikenal pasti: Jaim

Serbu tempat ajaran sesat

BERITA HARIAN
25hb.Januari,1990
(23 Jamadilakhir,1410)
KHAMIS



DATUK SHEIKH MOHD YUNUS

Oleh PATIMAH RAMLI

MELAKA, Rabu — Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim) akan membuat serbuan di beberapa kawasan luar bandar yang dikenal pasti mengamalkan ajaran tarekat yang menyeleweng daripada agama Islam.

Mufti Negeri, Datuk Sheikh Haji Mohd Yunus Haji Mohd Yatim, berkata Jaim melalui Bahagian Penguatkuasaannya akan memastikan pihak terbabit tidak menjalankan ajaran tanpa tauliah dan kebenaran Jaim.

Beliau berkata, sebelum ini Jaim mengenal pasti enam ajaran sesat, termasuk Tarekat Ahmad Mahsyur, Ahmad Muhammadiah al-Arqam, Naksabandiah Qadirun Yahya dan ilmu ajaran sesat Ahmad Matahari yang dibawa oleh seorang penganut dari Pulau Pinang.

Menurutnya, ajaran itu dikenal pasti sebagai tarekat sesat yang menuntut ilmu kebatinan dengan menggunakan kuasa ghaib semata-mata.

"Jaim kini berusaha menghapuskan kegiatan tidak sihat itu daripada menular ke kawasan lain kerana bimbang ia akan meluas di kalangan umat Islam di negeri ini," katanya.

Datuk Sheikh Haji Mohd Yunus berkata, ajaran sesat itu masih diamalkan oleh segelintir umat Islam di negeri ini, tetapi ia dilakukan secara sembunyi tanpa diketahui oleh orang lain.

Beliau berkata, pihaknya menerima banyak aduan orang ramai mengenainya, tetapi maklumat yang diberi tidak lengkap dan kurang tepat.

"Maklumat yang kurang tepat dan tidak lengkap menyukarkan pihak kami untuk menjalankan siasatan lanjut," jelasnya.

Beliau berkata, umat Islam perlu berwaspada terhadap kegiatan itu dan menjauhinya.

Menurutnya, setakat ini Jaim menyingkir seorang guru dari negeri ini kerana didapati salah mengajar di sebuah rumah di Melaka Tengah tanpa tauliah dan kebenaran Jaim.

Beliau berkata, mengikut Seksyen 136, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka, mereka yang mengajar tanpa tauliah dan kebenaran Majlis Agama Islam Negeri boleh didenda $500 atau penjara tidak kurang daripada tiga bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mengapa Umat Islam Mundur Akan Diseminarkan

Oleh:
Kadir Ahmad

Majlis Penyelaras Dakwah Islamiah Negeri Melaka yang ditubuhkan pada bulan Februari, 1988 tahun lalu akan mengadakan satu seminar membincangkan masalah 'kenapa umat Islam mundur dan cara-cara untuk mengatasinya.'

Pengerusi Majlis tersebut yang juga Pengerusi Portfolio Agama Islam dan Kebajikan Am Negeri, Haji Ahmad bin Haji Abdullah berkata, satu mesyuarat akan diadakan untuk membincangkan seminar yang akan diadakan itu. Tarikh seminar belum ditetapkan lagi.

Beliau berkata, pihaknya memberikan perhatian berat terhadap masalah kemunduran umat Islam di seluruh dunia, khususnya di Negeri Melaka.

'Kemunduran yang berlaku itu tidaklah boleh dibiarkan dan usaha-usaha patutlah dibuat selepas dibincangkan nanti cara-cara untuk mengatasi kemunduran tersebut,' kata Haji Ahmad dalam satu pertemuan dengannya baru-baru ini.

Majlis Penyelaras Dakwah Islamiah Negeri Melaka merupakan sebuah badan gabungan dari persatuan-persatuan bercorak dakwah dan kebajikan Islam yang terdapat di negeri Melaka.

Ia ditubuhkan dengan tujuan untuk menyatukan semua kegiatan bercorak dakwah dan kebajikan Islamiah di negeri itu.

Sebanyak 13 badan bercorak dakwah dan kebajikan Islam di negeri itu menjadi ahli Majlis Penyelaras Dakwah Islamiah.

Menurut Haji Ahmad lagi, Majlis tersebut akan mengadakan beberapa kegiatan selepas harinya ini. 'Kami tidak dapat berjerak hampir setahun kerana beberapa masalah yang timbul seperti garis panduan dan masalah yang bersangkutan dengan kewangan,' terang Haji Ahmad.

Majlis Penyelaras Dakwah Islamiah itu yang ditubuhkan atas inisiatif Haji Ahmad Haji Abdullah yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka adalah bertujuan:

MAJLIS PENYELARAS DAKWAH RANCANG BERBAGAI KEGIATAN

- Mengeratkan perhubungan dan persefahaman antara badan-badan dakwah/Islam.
- Mewujudkan gabungan tenaga serta kerjasama antara badan-badan dakwah/Islam.
- Menyelaraskan gerakan dan kegiatan badan-badan dakwah/Islam.
- Merancang program dakwah Islamiah yang berserapadu, sama ada melalui lisan atau penulisan.
- Menyatukan arah pemikiran badan-badan dakwah/Islam berdasarkan Ahlisunnah Waljamaah bagi mengelakkan percanggahan pendapatan.

Haji Ahmad berkata, Majlis Penyelaras Dakwah Islamiah itu sebenarnya menjadi asas kepada cita-cita mewujudkan sebuah Persatuan Islam yang tunggal bagi Negeri Melaka.

Beliau menjelaskan peranan dan tugas badan-badan dakwah/Islam di Negeri Melaka ialah untuk menyelaraskan rancangan dan kegiatan yang bercorak tempatan, negara dan antarabangsa.

Pengetahuan

Majlis ini juga, katanya, akan melaksanakan tugas yang diberi oleh mana-mana pihak atau Majlis Islamiah Melaka, berdasarkan amar maaruf nahi mungkar.

Majlis juga akan mengadakan perbincangan, seminar, kursus dan lain-lain dari masa ke semasa bagi mempertingkatkan kegiatan, keilmuan, pengetahuan dan pengalaman ahli-ahli gabungan majlis dan masyarakat Islam seluruhnya.

'Cadangan kami hendak mengadakan seminar itu sesuai dengan tujuan majlis tersebut ditubuhkan. Kami turut merasa bertanggungjawab untuk mengatasi kemunduran umat Islam di negeri Melaka.'

Katanya, jawatankuasa penerbitan juga telah menyediakan beberapa judul buku dan risalah yang akan diterbitkan tidak lama lagi.

Salah satu tajuk penerbitan itu ialah mengenai 'hukum-hukum faraid' iaitu hukum-hukum mengenai pembahagian harta pusaka dalam Islam.

Pihak majlis [illegible] Haji Ahmad, bercadangkan hendak menerbitkan sebuah risalah [illegible]



Haji Ahmad bin Haji Abdullah

[illegible]

BERITA HARIAN
RABU
31/1/1990

Bina tiga bangunan baru SMA

Majlis agama perlu $7.2 juta

Oleh RAHMAN HASHIM

MELAKA, Selasa — Kira-kira $7.2 juta diperlukan bagi memperbaiki dan membina bangunan baru tiga sekolah menengah agama yang diambil alih oleh Majlis Agama Islam Melaka (Maim), tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Kebajikan Negeri, Haji Ahmad Haji Abdullah, berkata peruntukan itu adalah untuk menampung kos mengambil tanah, membina bangunan baru serta menyediakan peralatan sekolah.

Tiga sekolah menengah agama yang terbabit ialah Sekolah Menengah Jenis Agama Islam (SMJAI) Tanjung Bidara, SMJAI Merlimau dan SMJAI Al-Ahmadi, Paya Rumput.

Beliau berkata, kira-kira $2.2 juta diperlukan untuk SMJAI Tanjung Bidara, $2.5 juta untuk SMJAI Merlimau dan $2.5 juta juga untuk SMJAI Al Ahmadi.

"Belanja pengambilan tanah untuk SMJAI yang membabitkan perbelanjaan $40,000 sudah diselesaikan.

"Bagaimanapun, kami masih memerlukan $2 juta untuk pembinaan bangunan baru tiga blok dan $200,000 lagi untuk alat kelengkapan sekolah," katanya.

Haji Ahmad berkata, pihaknya juga berendang mendapat sebidang tanah di Lot 272 Mukim Sungai Udang kerana tanah yang ada di sekitar bangunan asrama SMJAI Al Ahmadi tidak boleh diambil untuk tujuan pembesaran.

Belanja pengambilan tanah itu dijangka meneian belanja kira-kira $300,000 tidak termasuk $2 juta untuk pembinaan bangunan baru tiga blok serta $200,000 lagi untuk membeli kelengkapan sekolah.

"Jabatan Agama Islam Negeri juga sudah mengenal pasti sebidang tanah di Lot 170 Mukim Serkam daerah Jasin untuk pembinaan semula SMJAI Merlimau dan cadangan mengenainya dikemukakan kepada Jawatankuasa Tanah dan Pecah Sempadan Negeri," katanya.

Pihaknya akan berusaha mendapatkan peruntukan luar bandar menerusi Rancangan Malaysia Keenam bagi mengatasi masalah berkenaan.

Jawatankuasa Penyelarasan Sekolah-Sekolah Agama yang ditubuhkan tahun lalu mendapati ketiga-tiga sekolah itu tidak mempunyai bilik darjah yang mencukupi serta bilik asrama yang sempit.



HAJI AHMAD HAJI ABDULLAH

TAMAT

